

TAKHRIJ HADITH DALAM KARYA AL-MUNABBIHĀT ‘ALĀ AL-ISTI’DĀD LI YAWM AL-MA’ĀD

3.0 Pendahuluan

Bab tiga ini memfokuskan takhrij hadith di dalam karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād*. Penulis akan mentakhrij kesemua hadith yang dihidangkan oleh pengarang di dalam karya ini. Kesemua hadith yang dinukilkan di dalam karya ini berjumlah sebanyak 51 buah hadith yang dimuatkan di dalam sembilan buah bab yang berasingan.

Pada bab terdahulu, penulis telah membentangkan enam kaedah yang diguna pakai oleh para sarjana Islam dalam mentakhrij hadith. Justeru, dalam melengkapkan kajian takhrij ini, penulis telah memilih untuk mengguna pakai tiga kaedah takhrij, iaitu kaedah mengenal pasti pangkal hadith, mengenal pasti sifat hadith, dan kaedah pencarian hadith menggunakan perisian komputer serta laman sesawang yang berautoriti.

Kaedah mengenal pasti pangkal hadith dapat membantu memudahkan penulis mencari hadith. Namun, kaedah ini hanya terhad kepada karya-karya hadith yang utama sahaja. Hal yang demikian itu adalah kerana tidak semua karya hadith memiliki direktori yang menghimpunkan senarai pangkal hadith pada bahagian belakang karya tersebut.

Dalam masa yang sama, penulis menggunakan kaedah mengenali sifat-sifat yang ada pada sesebuah hadith. Hadith yang bersifat masyhur di bibir manusia dapat ditemukan statusnya dengan melihat kepada kitab hadith sahih mahupun kitab sunan. Hadith yang ganjil dan jarang ditemui pula boleh dirujuk statusnya dengan melihat kitab yang menghimpunkan hadith palsu dan sebagainya. Begitulah cara kaedah ini membantu saya

menemukan status hadith yang dinukilkan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini.

Andai masih ada lagi hadith-hadith yang tidak dapat ditemukan statusnya, penulis akan menggunakan kaedah pencarian hadith menggunakan perisian komputer dan laman sesawang yang berautoriti. Perisian komputer yang penulis gunakan ialah perisian *Maktabah Syamilah* versi 3.5, manakala laman sesawang berautoriti yang menjadi pilihan penulis pula ialah laman sesawang dorar.net.

3.1 Bab *Thunāī*

3.1.1 Hadith Pertama

منه ما رويَ عن النبي ﷺ أنه قال :
« خصلتان لا شيء أفضلُ منها : الإيمانُ بِاللهِ
والنفعُ للمسالمين . وَخصلتان لا شيء أخبثُ منها :
الشُّرُكُ بِاللهِ والضرُّ للمسالمين » .

Sanad Hadith:

Setelah meneliti kitab-kitab sanad yang muktabar dan pencarian melalui perisian komputer serta melalui laman sesawang yang berautoriti, sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas tidak ditemui.

Takhrij Hadith:

Setelah meneliti kitab-kitab hadith yang muktabar dan pencarian melalui perisian komputer serta melalui laman sesawang yang berautoriti, sebarang maklumat berkaitan teks hadith di atas tidak ditemui. Keputusan sebegini juga telah dinyatakan oleh saudara Urwatul Wusqa Tabrani di dalam disertasinya ketika mentakhrijkan hadith ini.

Walau bagaimanapun, penulis menemukan sebuah hadith lain yang seakan serupa dari sudut maknanya dengan hadith di atas. Tanpa menyatakan rantaian sanad, hadith tersebut telah dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dengan lafaz berikut:

قال صلى الله عليه و سلم خصلتان ليس فوقهما شيء من الشر الشرك بالله والضر لعباد الله وخصلتان

ليس فوقهما شيء من البر الإيمان بالله والنفع لعباد الله⁸⁴

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Daylamī di dalam *Musnad al-Firdaws* dengan lafaz yang sama, cuma beliau tidak menyatakan dengan teks hadith yang sempurna seperti mana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī. Hadith tersebut disandarkan kepada Sayyidina ‘Alī sebagai periwayatnya.⁸⁵

Analisis Hadith:

Imam al-Ghazālī dan Imam al-Daylamī meriwayatkan hadith tersebut tanpa menyatakan rantaian sanadnya. Ketika mentakhrijkan hadith ini, al-Ḥāfiẓ al-‘Irāqī tidak menyatakan status hadith ini, tetapi beliau hanya menyatakan bahawa hadith tersebut terdapat di

⁸⁴ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.), 2: 208.

⁸⁵ Hadith riwyat al-Daylamī, no. Hadith 2988. Lihat Abū Ṣuṭā’ Syiruwiyyah bin Syahardān bin Syiruwiyyah al-Hamadhānī al-Daylamī, *al-Firdaws Bi Ma’thūr al-Khiṭāb*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), 2: 199.

dalam *Musnad al-Firdaws* dengan tiada sanad dicatatkan oleh pengarang karya tersebut.⁸⁶

Imam al-Subkī menyatakan bahawa beliau tidak menjumpai rantaian sanad hadith ini.⁸⁷ Syeikh al-Albānī berpendapat bahawa hadith ini tidak diketahui asalnya.⁸⁸ Setakat penelitian penulis, tiada *syāhid* atau *mutāba'ah* lain yang ditemui untuk menguatkan hadith ini.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak ditemui asalnya. Hadith yang hampir sama maksudnya yang dinukilkan di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dan *Musnad al-Firdaws* pula berstatus palsu menurut pendapat Imam al-Subkī dan al-Albānī.⁸⁹

3.1.2 Hadith Kedua

وقال عليه السلام : «عليكم بمجالسة العلماء واستاعر
كلام الحكماء ، فإن الله تعالى يحيي القلب الميت بنور
الحكمة كما يحيي الأرض الميتة بماء المطر ». .

⁸⁶ Takhrij hadith *Iḥyā’*, no. hadith 1814. Lihat Abū ‘Abdullāh Maḥmūd bin Muḥammad al-Ḥaddād, (1987), *Takhrij Āḥādīth Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, (Riyadh: Dār al-‘Āsimah, 1987), 3: 1214.

⁸⁷ Muḥammad Nāṣir al-Dīn bin al-Ḥaj Nūḥ Al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Da’ifah Wa al-Mawdū’ah Wa Atharuhā al-Sayyi’ Fī al-Ummah*, no. hadith 7, (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, 1992), 1: 63.

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ *Ibid.*

Sanad Hadith:

Hadith seumpama ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Tabrānī dengan rantaian sanad berikut:

حدثنا الحسين بن اسحاق التستري ثنا يحيى الحماني ثنا أبو بكر بن عياش عن أبي المهلب عن عبيد الله بن زحر عن علي بن يزيد عن القاسم عن أبي أمامة قال : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم.⁹⁰

Takhrij Hadith:

Penulis tidak menjumpai sebarang hadith dengan lafaz ini. Akan tetapi ada sebuah hadith lain yang hampir menyamai makna hadith di atas. Hadith tersebut adalah seperti berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : إن لقمان قال لابنه : يا بني عليك بمحالس العلماء واستمع كلام الحكماء فإن الله يحيي القلب الميت بنور الحكمة كما يحيي الأرض الميتة بوابل المطر.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Tabrānī di dalam *Mu'jam al-Kabīr*⁹¹, al-Haythamī di dalam *Majma' al-Zawā'id*⁹² dan al-Suyūtī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr*.⁹³ Di dalam *Musnad al-Firdaws*, terdapat sedikit pertambahan lafaz seperti berikut:

قال لقمان لابنه يا بني عليك بمحالس العلماء فالزمها واستمع من كلام الحكماء فإن الله عز وجل يحيي القلب الميت بنور الحكمة كما يحيي الأرض الميت بوابل السماء.⁹⁴

⁹⁰ Hadith riwayat al-Tabrānī, no. Hadith 7810. Lihat Abū al-Qāsim Sulaymān bin Ahmād al-Tabrānī, *Mu'jam al-Kabīr*, ed. Ḥamdi ‘Abd al-Majid al-Salafī, (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, t.t.), 8: 235.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr al-Haythamī, *Majma' al-Zawāid Wa Manba' al-Fawā'id*, bab *Fi Fadl al-'Ulamā*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Arabi, t.t.), 1: 152-153.

⁹³ Hadith riwayat al-Suyūtī, no. hadith 6857. Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, (Dār al-Sā'ādah Li al-Tibā'ah, 2005), 2: 590.

Analisis Hadith:

Menurut al-Ḥaythamī, di dalam rantaian sanad ini terdapat ‘Ubaidillah bin Zuhr yang telah meriwayatkan hadith ini daripada gurunya ‘Ali bin Yazid. Kedua-dua mereka adalah lemah dan tidak boleh dijadikan hujah.⁹⁵ Menurut al-Suyūṭī pula, al-Ramahurmuzī di dalam *al-Amthāl* telah meriwayatkan hadith ini daripada Abū Umamāh. Rantaian sanadnya adalah lemah.⁹⁶

Status Hadith:

Hadith ini berstatus lemah menurut pendapat al-Ḥaythamī dan al-Suyūṭī.

3.1.3 Hadith Ketiga

وعن النبي ﷺ :
«لَا صَغِيرَةٌ مَعَ الْإِصْرَارِ وَلَا كَبِيرَةٌ مَعَ الْاسْتَغْفَارِ» .

Sanad Hadith:

Al-Zayla’ī telah membawakan rantaian sanad hadith di atas dengan lafaz yang sedikit berbeza, ketika beliau mentakhrijkan *Tafsīr al-Kasysyāf* karya Imam al-Zamakhsyārī.

⁹⁴ Hadith riwyat al-Daylamī, no. Hadith 4550. Lihat al-Daylamī, *al-Firdaws Bi Ma’thūr al-Khiṭāb*, 3: 196.

⁹⁵ Al-Ḥaythamī, *Majma’ al-Zawāid Wa Manba’ al-Fawā’id*, 152-153.

⁹⁶ Al-Suyūṭī, *al-Jāmi’ al-Kabīr*, 2: 590.

Menurut beliau, hadith ini telah ditemukan mempunyai beberapa versi diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A dan Ibn ‘Abbas R.A seperti berikut:⁹⁷

- i. Hadith Abu Hurairah telah diriwayatkan oleh Abu Hafs ‘Umar bin Syahin di dalam karya *al-Targhib*.

الحسن بن عمر بن شقيق ثنا بشر بن إبراهيم عن خليفة بن سليمان عن أبي سلمة بن عبد الرحمن عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا كبيرة مع الاستغفار ولا صغيرة مع الإصرار.

- ii. Al-Tha’labī di dalam tafsirnya meriwayatkan hadith ini dengan sanad di atas. Al-Tabrānī pula meriwayatkannya di dalam *Musnad al-Syāmiyyīn* dengan sanad berikut:

ثنا زكريا بن يحيى الساجي ثنا سهل ابن بحر ثنا بشر بن عبيد الدارسي ثنا أبو عبد الرحمن العنيري عن مكحول عن أبي سلمة عن أبي هريرة.

Kemudian dinyatakan hadith dan ditambah pada akhir teks hadith dengan lafaz berikut: (فطوبى لمن وجد في كتابه استغفارا كثيرا).

- iii. Hadith Ibn ‘Abbas pula diriwayatkan oleh al-Quḍā’ī di dalam *Musnad al-Syihāb* dengan lafaz terbalik berbanding yang dinyatakan oleh pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* seperti di atas.

أخبرنا أبو بكر محمد بن أحمد بن الحارث قدم علينا أبا سعيد الحسن بن علي وأبو عباد ذو التون بن محمد قالا ثنا أبو أحمد الحسن بن عبد الله العسكري ثنا بن أخي أبي زرعة ثنا عمي ثنا سعيد بن سليمان

⁹⁷ ‘Āli ‘Umar Bādahdah, *Takhrij al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Wāqi’ah Fi Tafsīr al-Kasysyāf Li al-Zamakhsyārī - Ta’līf: Jamāl al-Dīn Al-Zayla’ī - Min Awwal Sūrah al-Fātiḥah Ilā Nihāyah Surah al-Māidah - Dirāsah Wa Tahqīq*, (t.tp., Kuliyyah Dakwah dan Usuluddin Universiti Umm al-Qurā, 1417H), 878-880.

قال حدثني أبو شيبة الخراساني عن بن أبي مليكة عن بن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لا كبيرة مع استغفار ولا صغيرة مع إصرار .⁹⁸

iv. Menurut al-Albānī, hadith seperti ini juga diriwayatkan secara *marfū'* oleh al-Daylami dari jalan ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Khatib al-Darbisi dengan sanad berikut:

أحربنا ابن حانة : حدثنا البغوي : حدثنا خلف بن هشام : حدثنا سفيان بن عيينة عن الزهري عن أنس رفعه.

Terdapat juga sebuah hadith lain yang turut memuatkan teks hadith di atas sebagai sebahagian daripada teks panjang hadith tersebut. Hadith tersebut telah dinyatakan oleh Ibnu Hajar al-‘Asqalānī di dalam karyanya *al-Maṭālib al-‘Āliyah* dengan lafaz seperti berikut:

وقال الحارث : ثنا داود بن المحرر ، ثنا ميسرة بن عبد ربه ، عن أبي عائشة السعدي ، عن يزيد بن عمرو ،
عن أبي سلمة بن عبد الرحمن ، عن أبي هريرة ، وابن عباس رفعاه قالا : خطبنا رسول الله صلى الله عليه
وسلم فذكر الحديث فيه : إنما العالم من عمل بعلمه وإن كان قليل العلم ، ولا تختقرن من المعاصي شيئاً
وإن صغرت في أعينكم ، فإنه لا صغيرة مع الإصرار ولا كبيرة مع الاستغفار ، ألا وإن الله سائلكم عن
أعمالكم حتى عن مس أحدكم ثوب أخيه ، واعلموا أن العبد يبعث يوم القيمة على ما مات عليه ،
فليدخلن الله الجنة والنار ، فمن اختار النار فأبعده الله ، ألا وإن الله عز وجل لم يدع شيئاً نحي عنه إلا وقد
بينته لكم ليحيا من حي عن بيته ويهلل من هلك عن بيته .⁹⁹

⁹⁸ Muḥammad bin Salāmah bin Ja’far Abū ‘Abdullāh al-Quḍā’ī, (1986), *Musnad al-Siyhāb*, ed. Hamdi Abd al-Majid al-Salafī, no. Hadith 853, (Beirut: Muassasah al-Risālah), 2: 44.

⁹⁹ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani, (1998), *al-Matalib al-‘Aliyah Bi Zawaid al-Masānid al-Thamāniyah*, ed. Sa’d bin Nasir al-Syathri et. al, no. Hadith 3263, (Riyadh: Dār al-‘Āsimah, 1998), 13: 586.

Takhrij Hadith:

Hadith ini telah dinyatakan oleh oleh al-Quḍā'ī di dalam *Musnad al-Syihāb* seperti lafaz yang penulis bawakan di atas. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam *al-Maṭālib al-Āliyah* juga menyebut teks di atas di dalam sebuah hadith yang panjang. Hadith ini juga turut dinukilkan oleh Muḥammad bin Darwisy bin Muḥammad al-Ḥūt di dalam *Asnā al-Maṭālib Fi Ahādīth Mukhtalafah al-Marātib*¹⁰⁰, al-Ghazālī di dalam *al-Iḥyā'*¹⁰¹, al-Suyūṭī di dalam *al-Durar al-Muntatharah Fi Ahādīth al-Musytaharah*¹⁰², al-Sakhāwī di dalam *al-Maqāṣid al-Hasanah*¹⁰³, al-‘Ajlūnī di dalam *Kasyf al-Khafā'*¹⁰⁴, al-Muttaqī al-Hindī di dalam *Kanz al-Ummāl*¹⁰⁵, al-Munāwī di dalam *Fayd al-Qadīr*¹⁰⁶, al-Daylāmī di dalam *Musnad al-Firdaws*¹⁰⁷ dan al-Dhahabī di dalam *Mīzān al-I'tidāl*¹⁰⁸.

Analisis Hadith:

Menurut al-Sakhāwī, hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū al-Syeikh dan daripada jalannya Imam al-Daylāmī dari hadith Sa’īd bin Sulaiman Sa’dawiyyah daripada Abī Syaibah al-Khurasānī daripada Ibn Abī Maṭālibah daripada Ibn ‘Abbās secara *marfū'*. Melalui wajah ini juga, hadith ini dikeluarkan oleh al-‘Askarī di dalam karya *al-Amthāl* dengan sanad yang lemah. Ibn Mundhir meriwayatkan hadith ini di dalam tafsirnya

¹⁰⁰ Muḥammad bin Darwisy bin Muḥammad al-Ḥūt, *Asnā al-Maṭālib Fi Ahādīth Mukhtalafah al-Marātib*, no. 1708, (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1983), 350.

¹⁰¹ Al-Ghazālī, *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, 4: 18.

¹⁰² Al-Suyūṭī, *al-Durar al-Muntatharah Fi Ahādīth al-Musytaharah*, ed. Dr. Muḥammad bin Luṭfī al-Sabbāgh, no. Hadith 457, (Riyadh: ‘Amādah Syu’ūn al-Maktabāt Jāmi’ah al-Malik Sa’ūd, t.t.), 209.

¹⁰³ Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah Fi Bayān Kathīr Min al-Ahādīth al-Musytaharah ‘Alā al-Alsīnah*, ‘Abdullah Muḥammad al-Siddiq, no. hadith 1308, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979), 467.

¹⁰⁴ Ismā’īl bin Muḥammad al-Jarāḥī Al-‘Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' wa Mazīl al-Ilbās ‘Ammā Isytahara Min al-Ahādīth ‘Alā Alsīnah al-Nās*, (Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.), 2: 367.

¹⁰⁵ ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Hisām al-Dīn al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-Ummāl Fi Sunan al-Aqwāl Wa al-Afāl*, ed. Ishāq al-Tībī, no. Hadith 10238, (‘Ammān: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah, 2005), 1: 494.

¹⁰⁶ ‘Abd al-Ra’ūf al-Munāwī, *Fayd al-Qadīr Syarḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*, no. Hadith 9920, (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, t.t.), 6: 436.

¹⁰⁷ Hadith riwayat Al-Daylāmī, no. hadith 7994. Lihat Al-Daylāmī, *al-Firdaws Bi Ma’thūr al-Khiṭāb*, 5: 199.

¹⁰⁸ Syams al-Dīn Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān bin Qaymaz al-Dhahabī, *Mīzān al-I’tidāl Fi Naqd al-Rijāl*, ed. ‘Ali Muḥammad al-Bajāwī, no. hadith 10298, (Beirūt, Dār al-Ma’rifah, t.t.), 4: 537.

sebagai kata-kata daripada Ibn ‘Abbas. Al-Baihaqī di dalam *al-Syu’ab* meriwayatkan hadith ini daripada Sa’īd bin Sadqah daripada Qays bin Sa’d daripada Ibn ‘Abbās secara *mawqūf*.¹⁰⁹

Hadith ini mempunyai *syāhid* di sisi al-Baghawī di mana dari jihahnya, al-Daylami meriwayatkan daripada Khalf bin Hisyām daripada Sufyān bin ‘Uyainah daripada al-Zuhri daripada Anas secara *marfū’* dan sanadnya boleh diberi perhatian.

Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Ishaq bin Basyir Abū Hudhaifah di dalam *al-Mubtadā*’ daripada al-Thawrī daripada Hisyām bin ‘Urwah daripada ayahnya daripada ‘Āisyah. Adapun Ishaq, hadithnya adalah *munkar*.¹¹⁰

Hadith ini juga dikeluarkan oleh al-Tabrānī di dalam *Musnad al-Syāmiyyīn* daripada riwayat Makhūl daripada Abī Salamah daripada Abū Hurairah dengan tambahan lafaz pada akhirnya (فَطُوبِي مَنْ وَجَدَ فِي كِتَابِهِ اسْتَغْفَارًا كَثِيرًا) dan di dalam rantaian sanadnya terdapat Basyar bin ‘Ubaid al-Dārisī yang dihukum sebagai *matrūk*. Al-Tha’labī dan Ibn Syāhīn di dalam karya *al-Targhib* juga meriwayatkan hadith ini dari riwayat Basyar bin Ibrāhīm daripada Khalīfah bin Sulaimān daripada Abī Salamah daripada Abū Hurairah.¹¹¹

Secara kesimpulannya, hadith di atas mempunyai beberapa jalan pengriwayatan iaitu daripada ‘Āisyah, Abū Hurairah, Ibn ‘Abbās dan Anas R.A. Hadith ini juga mempunyai dua lafaz, seperti berikut:

I. ما كبيرة بكبيرة مع الاستغفار ، ولا صغيرة بصغرى مع الإصرار

¹⁰⁹ Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, 466.

¹¹⁰ *Ibid.*, 467.

¹¹¹ *Ibid.*

Hadith dengan lafaz ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr*. Ia telah diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir daripada 'Āisyah R.A. Menurut al-Suyūṭī, di kalangan periyawat hadith ini terdapat seseorang yang bernama Ishāq bin Basyar yang berstatus *matrūk*.¹¹² Menurut al-Munāwī, rantaian sanadnya lemah.¹¹³ Ia turut disokong oleh al-Sakhāwī yang turut menyatakan Ishāq bin Basyar adalah berstatus *matrūk*.¹¹⁴ Menurut penulis, al-Sakhāwī menilai sedemikian kerana beliau menghukumkan ke atas hadith ini semata-mata. Walau bagaimanapun, apabila melihat kepelbagaiannya lafaz dan jalan periyawatan, hadith ini dihukum sebagai lemah menurut pandangan al-Albānī.¹¹⁵

لا كبيرة مع استغفار ولا صغيرة مع إصرار أو لا صغيرة مع الإصرار ولا كبيرة مع الاستغفار .II

Hadith dengan lafaz ini diriwayatkan daripada Ibn 'Abbās R.A. Menurut Imam al-Dhahabī di dalam *Mīzān al-I'tidāl*, hadith dengan lafaz ini yang diriwayatkan oleh Sa'īd bin Sulaiman Sa'dawiyyah daripada Abū Syaibah al-Khurasānī dari Ibn Abi Mālikah daripada Ibn 'Abbās R.A adalah berstatus *munkar*.¹¹⁶ Pendapat ini turut dipersetujui oleh al-Albānī. Menurut beliau, sanad hadith ini lemah kerana Abū Syaibah al-Khurasānī adalah seseorang yang *majhūl*.

Menurut beliau lagi, hadith ini yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab* dengan rantaian sanad yang lain pula adalah berstatus *mawqūf*. Para periyawatnya kesemua berstatus *thiqah*. Akan tetapi, rantaian sanad tersebut terputus di antara Qays bin Sa'd iaitu al-Makkī menyandarkannya sebagai perkataan Ibn 'Abbās.

Hadith al-Daylamī dari jalan 'Abdullāh bin Muḥammad al-Khatīb al-Darbīsī juga bermasalah. Menurut al-Albānī, di dalam rantaian sanad hadith tersebut terdapat

¹¹² Hadith riwayat al-Suyūṭī, no. hadith 19110. Lihat Al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, 703.

¹¹³ Al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr*, no. hadith 7970, 5: 463.

¹¹⁴ Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, no. hadith 1308, 467.

¹¹⁵ Al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Da'i'fah*, no. hadith 4810, 10: 351.

¹¹⁶ Al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl Fi Naqd al-Rijāl*, 4: 537.

periwayat yang bernama Ibn Ḥānah dan ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Khatīb yang tidak beliau kenali identitinya.¹¹⁷ Akan tetapi menurut Imam al-Dhahabī, ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Khatīb al-Šarīfīnī adalah merupakan seorang yang *thiqah*. Penulis juga mendapati bahawa tiada seseorang yang bernama Ibn Ḥānah (ابن حانة) di dalam senarai anak murid al-Baghawī mahupun guru kepada ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Khatīb melainkan seseorang yang bernama Ibn Ḥabābah (ابن حبابة). Kemungkinan berlaku *tahrif* pada tulisan tersebut ketika al-Albānī mengkaji tentang seseorang yang bernama Ibn Ḥānah yang sebenarnya nama beliau adalah Ibn Ḥabābah. Penulis sendiri tidak menemui seseorang yang digelar dengan nama tersebut. Adapun Ibn Ḥabābah, beliau ialah Abū al-Qāsim ‘Ubaidillāh bin Muḥammad bin Ishāq bin Sulaimān bin Ḥabābah (m.389H). Al-Dhahabī mengklafikasikan beliau sebagai seorang *al-syeikh al-musnid al-‘ālim al-thiqah*. Begitu juga al-Khaṭīb al-Baghdādī yang turut mengklafikasikan beliau sebagai seorang yang *thiqah*.¹¹⁸ Oleh yang demikian, rantaian sanad yang dikeluarkan oleh al-Daylāmī adalah satu-satunya riwayat hadith in yang terbaik adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ḥāfiẓ al-Sakhawī di dalam *Maqāṣid al-Hasanah*. Kata beliau:

“Hadith ini mempunyai *syahid* di sisi al-Baghawī di mana dari jihahnya al-Daylāmī meriwayatkan daripada Khalf bin Hisyām daripada Sufyān bin ‘Uyainah daripada al-Zuhrī daripada Anas secara *marfū’* dan sanadnya boleh diberi perhatian.”

Berdasarkan kenyataan al-Ḥāfiẓ al-Sakhawī di atas, Syeikh ‘Abdullāh Muḥammad al-Siddīq al-Ghumārī telah memberikan komentar beliau. Kata beliau:

“Saya telah melihat rantaian sanadnya dan saya mendapat bahawa di dalamnya terdapat seorang perawi yang *majhūl*.”¹¹⁹

¹¹⁷ Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Da’ifah*, 352.

¹¹⁸ Al-Dhahabī, *Siyar al-A’lām al-Nubalā’*, ed. Syeikh Syu’āib al-Arnāūt et. al, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1993), 16: 584.

¹¹⁹ Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Da’ifah*, 352.

Akan tetapi, al-Ghumārī tidak menamakan siapakah seorang perawi yang *majhul* itu. Al-Albānī mengesyaki bahawa perawi *majhūl* yang dikatakan oleh al-Ghumārī itu ialah al-Khatīb ataupun gurunya.¹²⁰ Pandangan al-Albānī ini tidak tepat kerana kedua-dua individu sama ada ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Khatīb mahupun gurunya Ibn Ḥabābah adalah merupakan individu-individu yang *thiqah*.

Status Hadith:

Hadith ini bertaraf lemah menurut majoriti ulama.

3.1.4 Hadith Keempat

قال النبي ﷺ :
«أصلُّ جميع الخطايا حبُّ الدنيا ، وأصلُّ جميع
الفيتن منع العشر و الزكاة .»

Sanad Hadith:

Tidak ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak menemui sebarang hadith seperti lafaz di atas. Keputusan yang sama telah dinyatakan oleh saudara Urwatul Wusqa di dalam desrtasi beliau.

¹²⁰ *Ibid.*

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui sumbernya.

3.2 Bab *Thulāṭhi*

3.2.1 Hadith Pertama

”رويَ عن النبيِ مُصطفىً أنه قال :

« من أصبحَ وهو يشكوُ ضيقَ المعاش فكأنما يشكو ربَّه ؛ ومن أصبحَ لأمورِ الدنيا حزيناً فقد أصبحَ ساخطاً على الله ؛ ومن تواضعَ لغنىٍ لِغناهُ فقد ذهبَ ثلثا دينه ». ¹²¹

Sanad Hadith:

Rantaian sanad hadith seperti yang diriwayatkan oleh Imam Abū Sa'īd al-Haitham bin Kalīb bin Suraij bin Mu'qal al-Syāsyī al-Binkathi (m. 335H) di dalam musnad beliau seperti berikut:

حدثنا إسحاق بن إبراهيم ، نا بشر بن عبيد ، حدثني عبيد الله بن موسى بن معدان ، عن منصور بن المعتمر ، عن أبي وائل ، عن عبد الله بن مسعود قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم.¹²¹

¹²¹ Dinukilkan di dalam Musnad al-Syasyī, bab Ma Ruwiya Abū Wā'il, no. hadith 609. Lihat Abū Sa'īd al-Haytham bin Kalīb al-Syāsyī, *Musnad al-Syāsyī*, ed. Dr. Mahfuz al-Rahman Zaynullah, (Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm Wa al-Ḥikam, 1410H), 2: 87.

Takhrij Hadith:

Hadith ini dijumpai dalam pelbagai lafaz dan versi.

- i. Antara lafaz yang paling hampir kepada lafaz hadith di atas ialah hadith yang dinukilkan oleh Imam al-Syāsyī di dalam musnad beliau dengan lafaz seperti berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من أصبح حزينا على الدنيا أصبح ساخطا على الله ، ومن أصبح يشكو مصيبة أصابها به فإنما يشكو الله ، ومن تواضع لغنى ذهب ثلثا ذنبه ، ومن قرأ القرآن من هذه الأمة ثم دخل النار كان من الذين اخندوا آيات الله هنوا.¹²²

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Syāsyī ini turut dinukilkan oleh Imam al-Sakhāwī di dalam *al-Maqāṣid al-Hasanah* dari jalan Sya'r bin 'Atiyyah daripada Abī Wā'il daripada Ibn Mas'ūd secara *marfū'* dengan lafaz yang sama seperti di atas.¹²³ Al-Sakhāwī menukilkan bahawa al-Tabrānī di dalam *Mu'jam al-Ṣaghīr* juga meriwayatkan hadith ini dari Wahab bin Rāsyid al-Baṣrī daripada Thābit al-Bunānī daripada Ānas secara *marfū'* dengan lafaz berikut:

من أصبح حزينا على الدنيا أصبح ساخطا على ربه ومن أصبح يشكو مصيبة نزلت به فإنما يشكو الله تعالى ومن تضعضع لغنى لينال مما في يديه أسطح الله عز وجل ومن أعطى القرآن فدخل النار فأبعده الله.¹²⁴

- iii. Imam al-Daylāmī di dalam musnad beliau pula meriwayatkan hadith ini dengan lafaz berikut:

لعن الله فقيراً تواضع لغنى من أجل ماله من فعل ذلك منهم فقد ذهب ثلثا دينه.¹²⁵

¹²² Ibid.

¹²³ Dinukilkan oleh Al-Sakhāwī, no. hadith 1102. Lihat Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, 408.

¹²⁴ Ibid.

iv. Manakala Imam al-Suyūṭī¹²⁶ dan Ibn al-Jawzī¹²⁷ pula meriwayatkan hadith ini dengan sedikit pertambahan lafaz pada teksnya seperti berikut :

لَعْنَ اللَّهِ فَقِيرًا تَوَاضَعَ لِغُنْيٍ مِنْ أَجْلِ مَالِهِ مِنْ فَعْلِ ذَلِكَ مِنَ الْفَقْرِ أَذْهَبَ ثَلَاثًا دِينَهُ.

Analisis Hadith:

Imam al-Sakhāwī mengkritik hadith yang diriwayatkan oleh Ānas R.A, di mana hadith ini tidak diriwayatkan daripada Thābit melainkan hanya Wahab sahaja satu-satunya individu yang melakukannya. Wahab adalah dari kalangan orang yang *ṣālīḥ*. Akan tetapi kedua-dua individu ini sangat lemah sehingga Imam Ibn al-Jawzī telah menyebutkan nama keduanya-duanya di dalam karya *al-Mawdū'āt*.¹²⁸

Termasuk di dalam kalangan periyat yang lemah ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Daylāmī dari hadith Abū Hurairah secara *marfū'* di dalam *turjumah* Wahab bin Munabbih yang dipetik daripada karya *Hilyah al-Awliyā'* karangan Abū Nu'aym dengan lafaz (من تضعضع لذى سلطان إرادة دنياه أعرض الله عنه).¹²⁹

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī pula berstatus palsu menurut beliau. Individu yang dituduh melakukan pemalsuan ini ialah ‘Umar bin Ṣabḥ yang merupakan salah seorang daripada periyat hadith ini.¹³⁰ Menurut Ibn al-Jawzī, Basyir bin Zadhan merupakan periyat bermasalah sehingga Yaḥyā bin Ma’īn menggelar beliau sebagai *laytha bi syai'*. ‘Umar bin Ṣabḥ pula dituduh sebagai pemalsu di mana Ibn Ḥibbān

¹²⁵ Al-Daylāmī, *al-Firdaws Bi Ma'thūr al-Khiṭāb*, no. hadith 5449, 3: 467.

¹²⁶ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū'ah Fī Aḥādīth al-Mawdū'ah*, (Beirūt: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 2: 323.

¹²⁷ Dinukilkan oleh Ibn al-Jawzī, no. hadith 1617. Lihat Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Ali bin Muḥammad bin Ja’far Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū'āt Min al-Aḥādīth al-Marfū'āt*, ed. Dr. Nūr al-Dīn bin Syukrī Būyā Jīlār, (Riyadh: Adwā' al-Salaf, 1997), 3: 377.

¹²⁸ Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, 408.

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū'ah*, 2: 323.

berpendapat bahawa ‘Umar bin Ṣabḥ pernah memalsukan hadith. Al-Dāraqutnī pula mengklifikasi beliau sebagai *matrūk*.¹³¹

Akan tetapi, pendapat Ibn al-Jawzī bahawa hadith ini berstatus palsu disanggah oleh Muḥammad bin Khalīl bin Ibrāhīm al-Masyīṣyī al-Tarablaśī di dalam karya *al-Lu’lu’ al-Maṣrū’*. Menurut beliau, Ibn al-Jawzī telah tersalah dalam pendapat beliau.¹³² Menurut beliau lagi, hadith ini sebenarnya berstatus *mawqūf* di atas nama Ibn Mas’ūd.¹³³

Status Hadith:

Hadith yang paling hampir dengan lafaz adalah hadith yang diriwayatkan Imam al-Bayhaqī di dalam *al-Syu’ab*. Beliau menghukumkannya sebagai lemah.

3.2.2 Hadith Kedua

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
«ثَلَاثٌ مُنْجِياتٌ ، وَثَلَاثٌ مُهْلِكَاتٌ ، وَثَلَاثٌ دَرَجَاتٌ وَثَلَاثٌ كَفَّارَاتٌ ؛ أَمَا الْمُنْجِياتُ فِي خَشْيَةِ اللَّهِ تَعَالَى فِي السُّرِّ وَالْعُلَانِيَّةِ ، وَالْقَصْدُ فِي الْفَقْرِ وَالْغَنْوِ ، وَالْعَدْلُ فِي الرَّضَاءِ وَالْغَضْبِ . أَمَا الْمُهْلِكَاتُ فَشَحْنٌ شَدِيدٌ»

¹³¹ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū’āt*, 3: 377

¹³² Pandangan ini turut dinyatakan oleh al-Suyūṭī. Lihat al-Suyūṭī, *al-Durar al-Muntatharah Fī Aḥādīth al-Musytahirah*, 189.

¹³³ Muḥammad bin Khalīl bin Ibrāhīm al-Masyīṣyī al-Tarablaśī, *al-Lu’lu’ al-Maṣrū’ Fī Mā Lā Aṣl Lahu Aw Bi Aṣlihī Mawdū’*, ed. Fawwāz Aḥmad Zamarlī, no. hadith 550, (Beirūt: Dār al-Basyā’ir al-Islamiyyah, 1994), 178.

وَهُوَ مُتَّبِعٌ ، وَإعْجَابٌ لِرَءُونَفْسِهِ . وَأَمَا الدرجاتُ
 فِي افْشَاءِ السَّلَامِ ، وَإطْعَامِ الطَّعَامِ ، وَالصَّلَاةِ بِاللَّيلِ وَالنَّاسِ
 نَيَامًا . وَأَمَا الْكَفَّارَاتُ فَإِسْبَاغُ الْوُضُوءِ فِي السَّبُّرَاتِ^(١) ،
 وَتَقْلُلُ الْأَقْدَامِ إِلَى الْجَمَاعَاتِ ، وَانتِظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ .

Sanad Hadith:

Penulis tidak berjaya menemukan rantaian sanad hadith ini. Al-‘Ajlūnī di dalam *Kasyf al-Khafā’* pun hanya menyebut periyat tertinggi dari kalangan sahabat. Menurut beliau, ia diriwayatkan oleh Imam al-Tabrānī dari hadith Ibn ‘Umar. Al-‘Askarī meriwayatkannya dari Ibn ‘Abbās secara *marfū’*. Al-Numayrī dan Qatādah pula meriwayatkannya dengan beberapa lafaz tambahan dari Ānas juga secara *marfū’*.¹³⁴

Takhrij Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-‘Ajlūnī di dalam *Kasyf al-Khafā’*, dinukilkan daripada Imam al-Tabrānī¹³⁵ dan al-Suyūtī di dalam *al-Jāmi’ al-Saghīr*¹³⁶ dari Ibn ‘Umar r.a dengan lafaz berikut:

عَنْ أَبْنَعْمَرْ ثَلَاثَ هَلْكَاتٍ وَثَلَاثَ مَنْجِيَاتٍ وَثَلَاثَ كَفَّارَاتٍ وَثَلَاثَ درجات فأما المهلكات فشح مطاع
 وهو متبوع وإعجاب المرء بنفسه وأما المنجيات فالعدل في الغضب والرضا والقصد في الفقر والغنى وخشية

¹³⁴ Al-‘Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā’*, 2: 289.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ Dinukilkan al-Suyūtī, bab *Harf Thā’*. Lihat al-Suyūtī, *al-Jāmi’ al-Saghīr Min Ḥadīth al-Basyīr al-Nadhīr*, (t.tp, t.p., t.t.), 1: 312.

الله في السر والعلانية وأما الكفارات فانتظار الصلاة بعد العصر بعد الصلاة وإسباغ الوضوء في السيرات ونقل الأقدام إلى الجماعات وأما الدرجات فإطعام الطعام وإفساء السلام والصلاة بالليل والناس نiams.

Hadith ini mempunyai *syāhid* lain sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab* seperti berikut:

i. Hadith riwayat Ānas R.A:

أخبرنا أبو الحسن محمد بن يعقوب بالطابران ثنا عبد الرحمن بن العباس بن عبد الرحمن ببغداد ثنا أحمد بن يونس . ح و أخبرنا علي بن أحمد بن عباد أنا أحمد بن عبيد الصفار ثنا الأسفاطي يعني العباس بن الفضل ثنا أحمد بن يونس ثنا أويوب بن عتبة عن الفضل بن بكر عن قتادة عن أنس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ثلات مهلكات ! شح مطاع و هوى متبع و إعجاب المرء بنفسه و ثلات منجيات : خشية الله من السر و العلانية و القصد في الغنى و الفقر و كلمة الحق في الرضا و الغضب.¹³⁷

ii. Hadith riwayat Abū Hurairah R.A:

أخبرنا أبو الحسين علي بن أحمد بن عمر المقبري بن الحمامي ببغداد نا إسماعيل بن علي الخطمي نا محمد بن أحمد بن النصر أبو بكر نا عبيد الله بن محمد حدثني بكر بن سليم الصواف عن أبي حازم عن الأعرج عن أبي هريرة : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : ثلات منجيات وثلاث مهلكات فأما المنجيات فتقوى الله في السر والعلانية والقول بالحق في الرضا والسطح والقصد في الغنى والفقير وأما المهلكات فهو متبع وشح مطاع وإعجاب المرء بنفسه وهي أشدهن.¹³⁸

Hadith ini turut ditulis oleh Imam al-Ghazālī di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm ad-Dīn* seperti berikut:

¹³⁷ Dinukilkan al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab*, no. hadith 731. Lihat Abū Bakr Aḥmad bin Al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Jāmi’ Syu’ab al-Īmān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, (Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2003), 2: 203-204.

¹³⁸ *Ibid.*, no. hadith 6865, 5: 396-397.

ثلاث منحيات : خشية الله في السر والعلانية والقصد في الغنى والفقر والعدل في الرضا والغضب.¹³⁹

Analisis Hadith:

Hadith Ibn ‘Umar dikritik oleh Imam al-Munāwī di dalam *Fayd al-Qadīr*. Beliau memetik pendapat al-‘Alā’ bahawa rantai sanad ini lemah sehingga hadith ini dinukilkan dalam karya *al-Mīzān* di dalam katagori hadith *munkar*. Menurut pendapat al-Haythamī pula, salah seorang perawi hadith ini, iaitu Ibn Lahi’ah merupakan individu yang tidak dikenali.¹⁴⁰

Walau bagaimanapun, al-Albānī menghukumkan hadith tersebut sebagai hadith *ḥasan*.¹⁴¹ Kesimpulan ini disimpulkan daripada kupasan secara panjang lebar di dalam karya *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, di mana pada akhirnya beliau berpendapat bahawa paling minimum hadith ini boleh dihukumkan sebagai *ḥasan* dengan sokongan kepelbagaian riwayatnya. Pendapat ini secara jelas turut dikeluarkan oleh al-Mundhiri di dalam *al-Targhib*. Menurut beliau, hadith ini telah diriwayatkan oleh sekumpulan para sahabat dan walaupun jalan periyatannya dipersoalkan, tetapi dengan kepelbagaian riwayat ini, ia boleh dihukumkan sebagai hadith *ḥasan*.¹⁴²

Al-Albānī turut menghukumkan hadith yang diriwayatkankan oleh Ānas R.A sebagai hadith berstatus *ḥasan*, lantaran sokongan kepelbagaian jalan periyatannya.¹⁴³ Hadith Abū Hurairah pula dihukumkan Muḥammad bin ‘Abdullāh al-Khāṭib al-Tibrīzī di dalam *Misykāt al-Maṣābiḥ* sebagai berstatus *ḥasan* juga berdasarkan kepelbagaian

¹³⁹ Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 7: 332.

¹⁴⁰ Al-Munāwī, *Fayd al-Qadīr*, no. hadith 3472, 3: 307-308.

¹⁴¹ Dinukil al-Albānī dalam *Ṣaḥīḥ al-Jāmi’*, no. hadith 3045. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, (Riyadh: al-Maktabah al-Islāmī, 1988), 2: 584-585.

¹⁴² Al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syai’ Min Fiqhihā Wa Fawāidihā*, (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’ārif, 2002), 4: 413-416.

¹⁴³ Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*, no. hadith 3039, 2: 583.

syawāhidnya.¹⁴⁴ Bagi hadith *al-Ihya'* pula, al-‘Irāqī menghukumkannya sebagai hadith yang bersanad lemah.¹⁴⁵

Status Hadith:

Hadith ini berstatus *hasan li ghayrihi* berdasarkan sokongan kepelbagaian jalan periwayatannya.

3.2.3 Hadith Ketiga

وَقَالَ جَبْرِيلُ : يَا مُحَمَّدَ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) : عَشْ مَا شَتَّتَ فَإِنَّكَ مَيِّتٌ ، وَأَحَبِّ بِمَا شَتَّتَ فَإِنَّكَ مَفَارِقٌ ، وَاعْمَلْ مَا شَتَّتَ فَإِنَّكَ بَحْرٌ بِهِ .

Sanad Hadith:

Sanad hadith seperti di dalam *musnad Abī Dāwūd al-Tayālisi*:

ذَكَرَ أَبُو دَاوُدَ عَنْ الْحَسْنِ بْنِ أَبِي جَعْفَرٍ عَنْ أَبِي الزَّيْرِ عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :

قال جبريل صلی الله عليه و سلم.¹⁴⁶

¹⁴⁴ Dinukil al-Tibrīzī di dalam al-Misykāt, no. hadith 5122. Lihat Muhammad bin ‘Abdullah al-Khāṭib al-Tibrīzī, *Misykāt al-Maṣābiḥ*, ed. Nāṣir al-Dīn al-Albānī, (Beirūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1979), 3: 1416.

¹⁴⁵ Al-Ḥaddād, *Takhrij Āḥādīth Ihyā'*, no. hadith 3016, 5: 1902.

¹⁴⁶ Dinukil al-Tayālisi di dalam al-Musnad, bab Mā Ruwiya ‘An Abū al-Zubayr ‘An Jābir, no. hadith 1862. Lihat Sulaymān bin Dāwūd al-Fārisī al-Baṣrī al-Tayālisi, *Musnad Abī Dāwūd al-Tayālisi*, ed. Dr. Muḥammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki (t.t.p., Dar Hajar, 1999), 3: 313.

Takhrij Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Dāwūd al-Tayālī di dalam musnad beliau dengan lafaz berikut:

قال جبريل صلی الله علیه و سلم يا محمد عش ما شئت فإنك ميت وأحب من شئت فإنك مفارق
واعمل ما شئت فإنك لاقيه.¹⁴⁷

Menurut Imam al-Suyūtī, hadith di atas turut diriwayatkan oleh al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab*, al-Syīrāzī di dalam *al-Alqāb* dan Abū al-Syeikh di dalam *Tabaqāt al-Muḥaddithīn Bi Aṣbahān*.¹⁴⁸ Hadith ini disokong oleh sebuah riwayat lain yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī di dalam *al-Mustadrak* dengan lafaz berikut:

حدثنا محمد بن سعيد المذكور الرازي ثنا أبو زرعة عبيد الله بن عبد الكريم ثنا عيسى بن صبيح ثنا زافر بن سليمان عن محمد بن عبيدة عن أبي حازم قال مرة عن ابن عمر و قال مرة عن سهل بن سعد قال : جاء جبريل عليه السلام إلى النبي صلی الله علیه و سلم فقال : يا محمد عش ما شئت فإنك ميت و أحب من أحببت فإنك مفارق و اعمل ما شئت فإنك مجزي به ثم قال : يا محمد شرف المؤمن قيام الليل و عزه استغناوه عن الناس.¹⁴⁹

Menurut Imam al-Suyūtī lagi, hadith di atas turut diriwayatkan oleh al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab*, al-Syīrāzī di dalam *al-Alqāb*, al-Khaṭīb dan Ibn ‘Asākir, kesemuanya daripada riwayat Sahl bin Sa'd. Ibn al-Jawzī turut meriwayatkan hadith ini di dalam *al-Mawdū'āt* akan tetapi ia dikritik oleh Ibn Ḥajar di dalam karya *Amālī* beliau. Al-

¹⁴⁷ Ibid.

¹⁴⁸ Dunukil al-Suyūtī, bab *Harf al-Qāf*, no. 16248. Lihat al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, 6: 154.

¹⁴⁹ Dinukil al-Ḥākim dalam kitab *al-Riqāq*, no.hadith 7961. Lihat Muḥammad bin'Abdullāh al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak 'Alā al-Šāhīhayn*, ed. Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Atā, (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 4: 360.

Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab* juga turut meriwayatkan hadith ini daripada Jābir, manakala Abū Nu'aym di dalam *al-Hilyah* pula meriwayatkannya daripada 'Alī.¹⁵⁰

Analisis Hadith:

Menurut Aḥmad bin Abī Bakr bin Ismā'il Al-Buṣayrī di dalam *Ittiḥāf al-Khayrah al-Mahrah*, hadith Abū Dāwūd al-Tayālīsī diriwayatkan dengan sanad yang lemah disebabkan salah seorang periyawatnya al-Ḥasan bin Abī Ja'far al-Ja'fari adalah merupakan seorang yang berstatus lemah.¹⁵¹

Hadith Sahl bin Sa'd pula dihukum al-Ḥākim sebagai hadith berstatus *sahīh al-isnād*. Akan tetapi hadith ini tidak diriwayatkan oleh sama ada Imam al-Bukhārī mahupun Imam Muslim di dalam karya *sahīh* mereka. Pendapat ini turut disokong oleh Imam al-Dhahabī di dalam *al-Takhliṣ*.¹⁵² Walau bagaimanapun, al-Dhahabī telah menyenaraikan salah seorang daripada periyat hadith ini iaitu Zāfir sebagai periyat yang berstatus lemah. Oleh kerana itu, al-Ḥāfiẓ al-Iraqī di dalam *al-Mughnī* telah mengklifikasikan hadith ini sebagai lemah, sehingga ada yang berpendapat bahawa hadith ini adalah kata-kata daripada Sahl.¹⁵³

Menurut al-Munāwī pula, Zāfir berstatus *sadiq*, cuma beliau mengalami keraguan yang banyak dan orang yang meriwayatkan daripadanya pula turut diperbahaskan, tetapi masih boleh diikuti. Ibn Ḥajar mengambil jalan tengah di antara pendapat dua ulama, al-Ḥākim dan Ibn al-Jawzī yang menurut beliau, kedua imam ini bergelar sebagai al-Ḥāfiẓ.¹⁵⁴ Menurut al-Munāwī lagi, Ibn Ḥajar berpendapat bahawa kebenaran dalam kes ini ialah hadith ini tidak dihukumkan sama ada berstatus *sahīh* seperti pendapat al-

¹⁵⁰ Al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, 6: 154-155.

¹⁵¹ Aḥmad bin Abī Bakr bin Ismā'il al-Buṣayrī, *Ittiḥāf al-Khayrah al-Mahrah Bi Zawāid al-Masānid al-'Asyrah*, ed. Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, (Riyadh: Dār al-Waṭan, 1999), 7: 444.

¹⁵² Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 4: 360.

¹⁵³ Al-Munāwī, *Fayd al-Qadīr*, no. hadith 89, 1: 102.

¹⁵⁴ *Ibid.*

Ḩākim mahupun berstatus palsu seperti pendapat al-Irāqī. Bahkan jika Zāfir diikuti nescaya hadith ini berstatus *hasan*.¹⁵⁵

Status Hadith:

Mengimbangi di antara pendapat al-Ḩākim yang mengatakan hadis ini *sahīh* dan pendapat al-Irāqī bahawa hadis ini berstatus palsu, maka Ibn Ḥajar berpendapat status hadis ini adalah *hasan*.

3.2.4 Hadith Keempat

قال النبي ﷺ :

« ثلاثة نفر يظلونهم الله تحت ظل عرشه يوم لا ظل إلا ظله : المتوضي في المكاره ^(٢) ، والماشي إلى المساجد في الظلم ، ومضطمع الجائع » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

¹⁵⁵ Ibid.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.2.5 Hadith Kelima

وعن النبي ﷺ :

«من خرج من ظلِّ المعصية إلى عزِّ الطاعة أغنِاه الله تعالى من غير مالٍ، وأيَّدَهُ من غير جنديٍّ، وأعزَّهُ من غير عشيرٍ» .

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi, terdapat beberapa lafaz lain yang mirip kepada hadith di atas dijumpai sebagaimana berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*:

من رضي من الله باليسير من الرزق رضي الله منه البسيير من العمل وأخرجه من ذل المعصية إلى عز الطاعة
وأغناه الله بغير مال وأعزه بغير عشيرة ومن رضي بالحلال خفت مؤنته وقلت تبعته.¹⁵⁶

ii. Kata-kata Sayyidina ‘Ali, sebagaimana yang dinukilkan oleh Dr. ‘Ali Muḥammad Muḥammad al-Ṣallābī di dalam *Sīrah Amīr al-Mu’minīn ‘Ali*:

فإن أمير المؤمنين علياً رضي الله عنه لا يغفل عن الترغيب في تركها، حيث قال: من كان يريد العز بلا
عشيرة، والنسل بلا كثرة، والغني بلا مال، فليتحول من ذل المعصية إلى عز الطاعة.¹⁵⁷

iii. Kata-kata seseorang bernama Ja’far bin Muḥammad, sebagaimana yang dinukilkan di dalam karya *al-Adāb al-Syar’iyyah*:

قال جعفر بن محمد رحمه الله من نقله الله من ذل المعاصي إلى عز الطاعة أغناه بلا مال وأنسه بلا مؤنس،
وأعزه بلا عشيرة.¹⁵⁸

Analisis Hadith:

Imam al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam *al-Muttafiq Wa al-Muftariq* menyenaraikan hadith tersebut ketika memberi *turjumah* Abū Bakr bin ‘Ayyāsy al-Humṣī. Menurut al-Khaṭīb, hadith ini diriwayatkan daripada beliau oleh Ja’far bin ‘Abd al-Wāhīd al-Hāsyimī. Abū Bakr al-Humṣī pula meriwayatkannya daripada ‘Uthmān bin Syabbāk al-Syāmī.

Menurut al-Khaṭīb lagi, kedua-dua Abū Bakr al-Humṣī dan ‘Uthmān bin Syabbāk al-Syāmī merupakan individu yang tidak diketahui halnya, iaitu *majhul*. Manakala Ja’far pula periwayat yang tidak *thiqah*.¹⁵⁹

¹⁵⁶ Dinukil al-Baghdādī, no. hadith 1829. Lihat Abū Bakr Aḥmad bin ‘Ali bin Thābit al-Khaṭīb, *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*, ed. Dr. Muḥammad Ṣādiq Āydan al-Ḥāmidī, Dimasyq: Dār al-Qādirī, 1997), 3: 2122.

¹⁵⁷ Dr. ‘Ali Muḥammad Muḥammad al-Ṣallābī, *Sīrah Amīr al-Mu’minīn ‘Ali bin Abi Tālib Syakhsiyatuhu Wa ‘Aṣruhu*, (Kaherah: Muassasah Iqra’, 2005), 415.

¹⁵⁸ Dinukil dalam bab *Faṣl Ahādīth Fī Dham al-Bakhl Wa al-Syuḥ*, Penulis tidak diketahui, *al-Adāb al-Syar’iyyah*, (t.tp, t.p, t.t.), 3: 475.

Adapun *syawāhid* kedua dan ketiga yang penulis datangkan, kedua-duanya bukanlah hadith Rasulullah, melainkan ianya hanyalah *athar*.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui sumbernya. Adapun lafaz yang diriwayatkan al-Khatib, ia sekurang-kurangnya berstatus lemah, lantaran diriwayatkan oleh perawi yang tidak *thiqah* dan *majhūl*.

3.2.6 Hadith Keenam

وَرُوِيَ أَنَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ خَرَجَ ذَاتَ يَوْمٍ عَلَى أَصْحَابِهِ
فَقَالُوا: كَيْفَ أَصْبَحْتُمْ؟ فَقَالُوا: أَصْبَحْنَا مُؤْمِنِينَ بِاللهِ.
فَقَالُوا: وَمَا عَلَامَةُ إِيمَانِكُمْ؟ قَالُوا: نَصَرْتُ عَلَى الْبَلَاءِ،
وَنَشَكَرْتُ عَلَى الرَّحْمَاءِ، وَنَرَضَى بِالْقَضَاءِ. فَقَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ:
«أَنْتُمْ مُؤْمِنُونَ حَقًا وَرَبُّ الْكَعْبَةِ».

Sanad Hadith:

Sanad hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir di dalam karya *mu’jam* beliau dengan lafaz sedikit berbeza dengan hadith di atas. Lafaz tersebut berserta sanadnya adalah seperti berikut:

¹⁵⁹ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*, 3: 2122.

أخبرنا أَسْعَدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنُ الْخَلِيلِ بْنُ أَحْمَدَ بْنُ مُحَمَّدَ بْنُ مُحَمَّدَ بْنُ أَبْو الْمَحَاسِنِ الْخَلِيلِيِّ الْنَّوْقَانِيِّ بِقِرَاءَتِي
 عليه بنوكان طوس قال أَبْنَا أَبْو نَصْرٍ أَحْمَدَ بْنُ مُحَمَّدَ بْنُ سَعِيدَ الْقَرْشِيِّ الْكَرِيزِيِّ الْأَزْجَاهِيِّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ بِأَزْجَاهِ
 أَبْنَا أَبِي أَبْو الْمَظْفَرِ مُحَمَّدَ بْنَ سَعِيدَ الْقَرْشِيِّ أَبْنَا جَدِّي أَبْو الْحَسِينِ مُحَمَّدَ بْنَ مُحَمَّدَ بْنَ سَعِيدَ
 الْقَرْشِيِّ الْعَبْشِمِيِّ أَبْنَا جَدِّي مِنْ قَبْلِ الْأَمِّ أَبْو جَعْفَرِ أَحْمَدَ بْنَ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْحَاقِ الْعَنْزِيِّ ثَنَا عَيْسَى بْنَ نَصْرٍ
 ثَنَا مُنْصُورُ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنُ رَاشِدٍ مَوْلَى عَمَارَ بْنَ يَاسِرٍ قَاضِيَ مَرْوَى ثَنَا أَنْسُ بْنُ مَالِكَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
 اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَرَّ عَلَى مَلَأِ فَسْلِمٍ عَلَيْهِمْ وَقَالَ لَهُمْ : كَيْفَ أَصْبَحْتُمْ .
 قَالُوا أَصْبَحْنَا مُؤْمِنِينَ قَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كَيْفَ أَصْبَحْتُمْ . قَالُوا أَصْبَحْنَا مُؤْمِنِينَ يَا
 رَسُولَ اللَّهِ مَرْتَيْنَا أَوْ ثَلَاثَتَا قَالَ : هَاتُوا إِيمَانَكُمْ هَذَا مَا هُوَ . قَالُوا الصِّيرُ عَلَى الْبَلَاءِ وَالشُّكْرِ فِي الرُّخَاءِ وَنَؤْمِنُ
 بِالْقَضَاءِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مُؤْمِنِينَ وَرَبُّ الْكَعْبَةِ.¹⁶⁰

Takhrij Hadith:

Hadith ini dijumpai hanya dinyatakan oleh Ibn ‘Asākir di dalam karya *mu’jam* beliau di dalam bab *dhikr man ismuhū As’ad*. Menurut beliau, hadith ini tidak ditulisnya melainkan hanya dari As’ad.

Analisis Hadith:

Ibn ‘Asākir tidak menjelaskan status hadith ini melainkan beliau hanya mengkritik rantaian sanad dan teks hadith ini sebagai *gharīb*.¹⁶¹

¹⁶⁰ Dinukil Ibn ‘Asākir dalam al-Mu’jam, no. hadith 168. Lihat Abū al-Qāsim ‘Ali bin al-Ḥasan bin Hibbatullāh al-Syāfi’ī, *Mu’jam al-Suyūkh*, ed. Dr. Syākir al-Fahhām, (Dimasyq: Dār al-Basyāir, 2002), 1: 153-154.

¹⁶¹ *Ibid.*, 154.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir berstatus *gharīb*, sebagaimana yang dapat difahami daripada kritikan beliau terhadap hadith. *Gharīb* termasuk dalam kategori hadith yang lemah.

3.2.7 Hadith Ketujuh

وَعَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ :
« حُبِّيْبٌ إِلَيَّ مِنْ دُنْيَاكُمْ ثَلَاثٌ - الطَّيِّبُ ، وَالنِّسَاءُ
وَجَعْلُتُ قَرَّةً عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ » وَكَانَ مَعَهُ أَصْحَابُهُ
جَلْوَسًا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ الصَّدِيقُ (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) : صَدَقْتَ
يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَحُبِّيْبٌ إِلَيَّ مِنْ الدُّنْيَا ثَلَاثٌ - النَّظَرُ إِلَى
وَجْهِ رَسُولِ اللَّهِ ، وَإِنْفَاقُ مَالِي عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ، وَأَنْ
يَكُونَ ابْنَتِي ” تَحْتَ رَسُولِ اللَّهِ . فَقَالَ عُمَرُ (رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهُ) : صَدَقْتَ يَا أَبَا بَكْرٍ ، وَحُبِّيْبٌ إِلَيَّ مِنْ الدُّنْيَا
ثَلَاثٌ - الْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ، وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَالثُّوْبَ
الْخَلَقُ . فَقَالَ عُثْمَانُ (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) : صَدَقْتَ يَا
عُمَرُ ، وَحُبِّيْبٌ إِلَيَّ مِنْ الدُّنْيَا ثَلَاثٌ - إِشْبَاعُ الْجَيْعَانِ،
وَكِسْوَةُ الْعُرْيَانِ، وَتِلَوَةُ الْقُرْآنِ . فَقَالَ عَلِيٌّ (رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهُ) : صَدَقْتَ يَا عُثْمَانُ ، وَحُبِّيْبٌ إِلَيَّ مِنْ الدُّنْيَا ثَلَاثٌ -
الْخَدْمَةُ لِلضَّيْفِ، وَالصَّوْمُ فِي الصِّيفِ، وَالضَّرَبُ بِالسِّيفِ.

فَبَيْنَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ جَاءَ جَبَرَائِيلَ وَقَالَ: أَرْسَلْنِي اللَّهُ
تَبارَكْ وَتَعَالَى لَمَّا سَمِعَ مَقَالَتِكُمْ وَأَمْرَكُمْ ” أَنْ تَسْأَلَنِي

عما أحب إِنْ كُنْتَ مِنْ أَهْلِ الدُّنْيَا . فَقَالَ^{١٦٢} : «مَا تَحْبُّ
إِنْ كُنْتَ مِنْ أَهْلِ الدُّنْيَا» ؟ فَقَالَ : إِرْشَادُ الْضَّالِّينَ ،
وَمُؤْانِسَةُ الْغَرَبَاءِ الْقَاتِلَينَ ، وَمُعَاوِنَةُ أَهْلِ الْعِيَالِ
الْمُعْسِرِينَ . وَقَالَ جَبْرائِيلُ : يَحْبُّ رَبُّ الْعَزَّةِ جَلَّ
جَلَالُهُ مِنْ عِبَادِهِ ثَلَاثَ خَصَالٍ - بَذَلَ الْاسْتِطَاعَةَ ،
وَالْبَكَاءَ عِنْدَ النِّدَامَةِ ، وَالصَّبْرَ عِنْدَ الْفَاقَةِ .

Sanad Hadith:

Hadith dengan teks hadith yang panjang seperti di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

Akan tetapi penulis menemukan sebahagian daripada potongan hadith di atas dengan pelbagai versi seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī di dalam *al-Sunan al-Kubrā* dengan lafaz berikut:

أَخْبَرَنَا أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَبْنَا أَبْوَ بَكْرٍ مُحَمَّدَ بْنَ الْحَسِينِ بْنَ الْحَسِينِ الْقَطَانِ ثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحَسِينِ
بْنُ أَبِي عَيْسَى الْهَلَالِيِّ ثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَوْلَ أَخْبَرَنَا الْإِمامُ أَبُو إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمَ بْنَ مُحَمَّدَ بْنَ إِبْرَاهِيمَ أَبْنَا
أَحْمَدَ بْنَ إِبْرَاهِيمَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ ثَنَا مُطَيْنَ ثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْجَعْدِ قَالَ ثَنَا سَلَامُ أَبْوَ الْمَنْذِرِ عَنْ ثَابِتِ عَنْ أَنَسِ بْنِ
مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا حَبَّبَ إِلَيْيَّ مِنْ دُنْيَاكُمُ النِّسَاءَ وَالظَّيْبَ
جَعَلَتْ قَرْةَ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ.¹⁶²

(حب إِلَيْيَّ مِنْ الدُّنْيَا ..). Di dalam riwayat lain oleh Mūsā, Nabi s.a.w bersabda dengan lafaz

Hadith ini mempunyai *mutāba'ah* melalui jalan Siyār bin Ḥātim daripada Ja'far bin

¹⁶² Muḥammad al-Sa'īd bin Bayūnī Zaghlūl, *Mawsū'ah Aṭrāf al-Hādiṣ al-Nabawiy al-Syarīf*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 3: 533.

Sulaymān daripada Thābit daripada Ānas R.A. akan tetapi kesemua periyawat hadith yang mengambil hadith daripada Thābit kesemuanya berstatus lemah.

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu’jam al-Awsat* dengan lafaz berikut:

حدثنا محمد بن عبدوس قال حدثنا علي بن الجعد قال حدثنا سلام ابو المنذر قال سمعت ثابتا يحدث عن انس قال قال رسول الله صلی الله علیه وسلم إنما حبب الى من الدنيا النساء والطيب وجعلت قرة عیني في الصلاة.¹⁶³

- iii. Hadith yang diriwayatkan juga oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu’jam al-Kabīr* dan *al-Mu’jam al-Ṣaghīr* dengan lafaz berikut:

قال رسول الله صلی الله علیه وسلم جعلت قرة عیني في الصلاة.¹⁶⁴

Hadith dengan lafaz ini tidak diriwayatkan daripada al-Awza’ī melainkan oleh al-Haqal di mana Yaḥyā merupakan satu-satunya individu yang meriwayatkan hadith ini daripada beliau.

- iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmād di dalam *al-Musnad* dengan lafaz berikut:

حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا عبد الواحد أبو عبيدة عن سلام أبي المنذر عن ثابت عن أنس ان النبي صلی الله علیه وسلم قال حبب إلى النساء والطيب وجعل قرة عیني في الصلاة.¹⁶⁵

Riwayat lain hadith ini adalah daripada Salām Abū al-Mundhir daripada Thābit daripada Ānas dengan lafaz (حبب الى من الدنيا النساء والطيب وجعل قرة عیني في الصلاة)¹⁶⁶.

¹⁶³ *Ibid.*,

¹⁶⁴ *Ibid.*, 4: 497.

¹⁶⁵ *Ibid.*, 521.

¹⁶⁶ *Ibid.*,

v. Hadith yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzāq di dalam *al-Musannaf* dengan lafaz berikut:

عبد الرزاق عن ابن التيمي عن أبيه و عن ليث قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم حبب إلي الطيب والنساء وجعلت قرة عيني في الصلاة.¹⁶⁷

vi. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasā’ī di dalam *al-Sunan* dengan lafaz berikut:

أخبرنا علي بن مسلم الطوسي قال حدثنا سيار قال حدثنا جعفر قال حدثنا ثابت عن أنس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم حبب إلي النساء والطيب وجعلت قرة عيني في الصلاة.¹⁶⁸

Imam al-Nasā’ī turut meriwayatkan di dalam *al-Sunan* satu lagi riwayat dan versi lain bagi hadith ini dengan lafaz berikut:

حدثني الشيخ الإمام أبو عبد الرحمن النسائي قال أخبرنا الحسين بن عيسى القومسي قال حدثنا عفان بن مسلم قال حدثنا سلام أبو المنذر عن ثابت عن أنس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم حبب إلي من الدنيا النساء والطيب وجعل قرة عيني في الصلاة.¹⁶⁹

vii. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī di dalam *al-Mustadrak* dengan lafaz berikut:

حدثنا أبو العباس محمد بن يعقوب حدثنا الخضر بن أبان الماهشمي حدثنا سيار بن حاتم حدثنا جعفر بن سليمان عن ثابت عن أنس رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم حبب إلي النساء والطيب وجعلت قرة عيني في الصلاة.¹⁷⁰

¹⁶⁷ *Ibid.*,

¹⁶⁸ Diriwayat oleh al-Nasā’ī, no. hadith 3940. Lihat al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 416.

¹⁶⁹ *Ibid.*, no. hadith 3939.

¹⁷⁰ Diriwayat oleh al-Ḥākim, no. hadith 2676. Lihat al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 3: 174.

Menurut al-Ḥākim, hadith ini bertaraf *sahīh* menurut syarat Imam Muslim. Akan tetapi Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim tidak meriwayatkannya di dalam karya *al-Saḥīḥ* mereka.

Menurut pemerhatian penulis, inilah beberapa riwayat dan versi hadith yang paling banyak diriwayatkan oleh ulama hadith.

Akan tetapi al-‘Ajlūnī ada meriwayatkan di dalam karya *Kashf al-Khafā’* beberapa buah hadith yang mirip kepada hadith di atas. Menurut al-‘Ajlūnī, hadith-hadith ini ada berbagai versi seperti berikut:

i. وروى أنه عليه الصلاة والسلام لما قال: حبب إلي من دنياكم النساء والطيب ، وجعلت قرة عيني

في الصلاة، قال أبو بكر: وأنا يا رسول الله حبب إلي من الدنيا النظر إلى وجهك، وجمع المال

لإنفاق عليك ، والتسلل بقرباتك إليك . وقال عمر : وأنا يا رسول الله ، حبب إلي من الدنيا

الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر ، والقيام بأمر الله . وقال عثمان وأنا يا رسول الله حبب إلي من

الدنيا ثلاث : إشباع الجائع ، وإرواء الظمآن وكسوة العاري . وقال علي رضي الله عنه : وأنا يا

رسول الله حبب إلي من الدنيا الصوم في الصيف ، وإقراء الضيف ، والضرب بين يديك

¹⁷¹. بالسيف.

Al-‘Ajlūnī memetik kata-kata al-Ṭabārī yang berpendapat bahawa hadith ini dikeluarkan oleh al-Jundi dan beliau berpegang dengannya.

ii. نقل الشيرامليسي في حاشيته على المواهب عن الذريعة لابن العماد أنه قال فيها : وعن الشيخ أبي

محمد النيسابوري أن أبا بكر الصديق رضي الله عنه ، لما قال النبي صلى الله عليه وسلم ذلك ،

قال : وأنا حبب إلي من الدنيا ثلاث : القعود بين يديك ، والصلاحة عليك وإنفاق مالي لديك .

¹⁷¹ Al-‘Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā’ wa*, no. hadith 1089, 1: 340.

فقال عمر رضي الله عنه : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : الأمر بالمعروف ، والنهي عن المنكر ، وإقامة حدود الله . فقال عثمان رضي الله عنه : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : إطعام الطعام ، وإفساء السلام ، والصلوة بالليل والناس نiam فقال علي رضي الله عنه : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : الضرب بالسيف والصوم في الصيف وقرى الضيف فنزل جبريل عليه السلام وقال : أنا حبب إلى من الدنيا ثلات : النزول على النبيين ، وتبلغ الرسالة للمرسلين ، والحمد لله رب العالمين - أهي الثناء عليه - . ثم عرج ثم رجع فقال ، يقول تعالى : وهو حبب إليه من عباده ثلات : لسان ذاكر ، وقلب شاكر ، وجسم على بلاهه صابر.¹⁷²

Akan tetapi menurut al-‘Ajlūnī, teks ini terdapat sedikit perbezaan berbanding dengan apa yang ada di dalam karya *al-Mawāhib*. Manakala di dalam karya *al-Majālis* karangan al-Khafājī pula, terdapat beberapa lagi perbezaan dan pertambahan pada teks hadith seperti ibarat yang berikut:

iii. قيل إنه صلى الله عليه وسلم لما ذكر هذا الحديث قال أبو بكر : وأنا يا رسول الله حبب إلى من الدنيا ثلات النظر إليك وإنفاق مالي عليك والجهاد بين يديك . وقال عمر : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : الأمر بالمعروف ، والنهي عن المنكر ، وإقامة حدود الله . وقال عثمان وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : إطعام الطعام ، وإفساء السلام ، والصلوة بالليل والناس نiam . وقال علي بن أبي طالب : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : إكرام الضيف والصوم في الصيف والضرب بالسيف ، فنزل جبريل عليه السلام وقال : وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات إغاثة المضطربين ، وإرشاد المضلين ، والمؤانسة بكلام رب العالمين ونزل ميكائيل فقال وأنا حبب إلى من الدنيا ثلات : شاب تائب ، وقلب خاشع ، وعين باكية.¹⁷³

¹⁷² Ibid.

¹⁷³ Ibid.

Teks hadith ini tidak terhenti di sini. Bahkan ia disambung dengan kata-kata dari para pemilik mazhab yang empat dengan lafaz seperti berikut:

وَفِي كَلَامِ بَعْضِهِمْ أَنَّ أَبَا حَنِيفَةَ لَمَا وَقَفَ عَلَى ذَلِكَ قَالَ : وَأَنَا حُبِّ إِلَيْ مِنْ دُنْيَاكُمْ ثَلَاثَ تَرَكَ التَّرْفَعَ
وَالْتَّعَالَى ، وَقَلْبٌ مِنْ حَبِّيْنَ حَالِي ، وَالثَّهَجُودُ بِالْعِلْمِ فِي طُولِ الْلَّيَالِي وَأَنَّ مَالِكًا لَمَا وَقَفَ عَلَيْهِ أَيْضًا قَالَ : وَأَنَا
حُبِّ إِلَيْ مِنْ دُنْيَاكُمْ ثَلَاثَ : مُجَاوِرَةُ تَرِيَةِ سَيِّدِ الْمَرْسِلِينَ وَإِحْيَا عِلْمِ الدِّينِ ، وَالاِقْتِدَاءُ بِالْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ .
وَأَنَّ الشَّافِعِيَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَمَا وَقَفَ عَلَيْهِ أَيْضًا قَالَ : وَأَنَا حُبِّ غَلِيْ مِنْ دُنْيَاكُمْ ثَلَاثَ : تَرَكَ التَّكْلِفَ ،
وَعَشْرَةُ الْخَلْقِ بِالتَّلَاطِفِ ، وَالاِقْتِدَاءُ بِطَرِيقِ أَهْلِ التَّصْوِفِ . وَأَنَّ أَحْمَدَ لَمَا وَقَفَ عَلَيْهِ : قَالَ وَأَنَا حُبِّ إِلَيْ مِنْ
دُنْيَاكُمْ ثَلَاثَ عَطَاءُ مِنْ غَيْرِ مَنَّةٍ ، وَنَفْسٌ مَطْمَئِنَةٌ ، وَالاتِّبَاعُ لِلسَّنَةِ.¹⁷⁴

Takhrij Hadith:

Hadith panjang ini dengan kepelbagaian versinya diriwayatkan oleh al-‘Ajlūnī di dalam karya *Kashf al-Khafā’*. Adapun versi pendek, ia telah diriwayatkan oleh kebanyakan karya ulama hadith muktabar yang sebagiannya telah penulis sebutkan di atas.

Analisis Hadith:

Hadith yang dinyatakan oleh al-‘Ajlūnī tidak dinyatakan statusnya. Sebaik-baik hadith dalam perbahasan ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasā’ī melalui jalan ‘Alī bin Muslim al-Tūsī daripada Sayyār daripada Ja’far daripada Thābit daripada Ānas R.A yang bertaraf *sahīh* di sisi al-Albānī. Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh al-Hākim di dalam *al-Mustadrak* yang bertaraf *sahīh* menurut syarat Imam Muslim. Walau bagaimanapun, hadith ini tidak diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam karya *al-Sahīh*.

¹⁷⁴ *Ibid.*, 341.

Status Hadith:

Hadith ini tidak diketahui statusnya.

3.2.8 Hadith Kelapan

وعن النبي ﷺ عليه السلام أنه قال :
« الحبة أساس المعرفة ، والعرفة علامة اليقين ،
ورأس اليقين التقوى والرضى بتقدير الله تعالى » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.2.9 Hadith Kesembilan

وعن النبي عليه الصلاة والسلام أنه قال :
«صِدْقُ الْحَبَّةِ فِي ثَلَاثٍ خَصَّالٍ - أَنْ يَخْتَارَ كَلَامَ حَبِيبِهِ عَلَى كَلَامِ غَيْرِهِ ، وَيَخْتَارَ بِحَالَسَةَ حَبِيبِهِ عَلَى بِحَالَسَةِ غَيْرِهِ ، وَيَخْتَارَ رَضِيَ حَبِيبِهِ عَلَى رَضِيِّ غَيْرِهِ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.3 Bab Rubā'i

3.3.1 Hadith Pertama

* رُوِيَّ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لَأَبِيهِ ذَرَ
الْغِفارِيِّ^(١) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ :

« يَا أَبَا ذَرَ ، جَدِّدْ السَّفِينَةَ فَإِنَّ الْبَحْرَ عَمِيقٌ ، وَخُذْ
الزَّادَ كَامِلاً فَإِنَّ السَّفَرَ بَعِيدٌ ، وَخُفْفِ الْحِيلَمِ فَإِنَّ
الْعَقْبَةَ كَوْوَدٌ ، وَأَخْلُصِ الْعَمَلَ فَإِنَّ النَّاقِدَ بَصِيرٌ ». .

Sanad Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Daylami di dalam *Musnad al-Firdaws* daripada Abu Dhar R.A tanpa dinyatakan rantaian sanadnya. Satu-satunya sanad yang dijumpai adalah sebagaimana yang diriwayatkan di dalam karya *al-Zawâkhîr ‘An Iqtirâf al-Kabâ’ir*. Akan tetapi ia hanya sekadar terhenti pada dua orang periwatan sahaja.

Takhrij Hadith:

Menurut pemerhatian penulis, hadith ini hanya dijumpai pada dua tempat sahaja. Akan tetapi, terdapat percanggahan pada hadith ini di mana ada ulama yang meriwayatkannya sebagai sebuah hadith Rasulullah S.A.W dan ada pula ulama yang meriwayatkannya sebagai kata-kata hikmah daripada seseorang individu. Hadith ini diriwayatkan oleh

Imam al-Daylami sebagai sebuah hadith Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abū Dhar R.A dengan lafaz berikut:

يَا أَبَا ذِرٍ جَدُّ السَّفِينَةِ إِنَّ الْبَحْرَ عَمِيقٌ وَخَفْفُ الْحَمْلِ إِنَّ السَّفَرَ بَعِيدٌ وَأَحْمَلُ الزَّادِ إِنَّ الْعَقْبَةَ طَوِيلَةٌ
وَأَخْلُصُ الْعَمَلِ إِنَّ النَّاقِدَ بَصِيرٌ.¹⁷⁵

Manakala di dalam karya *al-Zawākhīr ‘An Iqtirāf al-Kabā’ir* pula, teks hadithnya adalah seperti berikut:

رَوَى الشَّيْخُ نَصْرُ الْمُقْدِسِيُّ إِمَامُ الشَّافِعِيَّةِ فِي زَمَنِهِ عَنْ أَبِي ذَرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ : أَوْصَانِي حَبِيبِي رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ هُنَّ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا ، قَالَ لِي : يَا أَبَا ذَرٍ جَدُّ
السَّفِينَةِ إِنَّ الْبَحْرَ عَمِيقٌ : يَعْنِي الدُّنْيَا ، وَخَفْفُ الْحَمْلِ إِنَّ السَّفَرَ بَعِيدٌ ، وَأَحْمَلُ الزَّادِ إِنَّ الْعَقْبَةَ طَوِيلَةٌ ،
وَأَخْلُصُ الْعَمَلِ إِنَّ النَّاقِدَ بَصِيرٌ.¹⁷⁶

Di dalam karya *al-Badr al-Tāli'*, al-Syawkānī meriwayatkan hadith ini sebagai kata-kata yang disandarkan kepada seseorang yang bernama Ibrāhīm bin Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad al-Kīnā’ī. Ibrāhīm bin Aḥmad pernah berkata kepada sebahagian sahabatnya:

يَا أَخِي جَدُّ السَّفِينَةِ فَانَّ الْبَحْرَ عَمِيقٌ وَأَكْثَرُ الزَّادِ فَانَّ الطَّرِيقَ بَعِيدٌ وَأَخْلُصُ الْعَمَلِ فَانَّ النَّاقِدَ بَصِيرٌ.¹⁷⁷

Analisis Hadith:

Hadith ini sangat sukar ditemukan. Malah, ulama yang menukilkan hadith ini sebagai hadith di dalam karya mereka tidak pula menyatakan status hadith ni. Ketiadaan sebarang rantaian sanad dikemukakan pada hadith ini lebih menyukarkan proses klasifikasi terhadap status hadith. Keadaan bertambah buruk apabila terdapat

¹⁷⁵ Al-Daylami, *al-Firdaws Bi Ma’tūr al-Khitāb*, no. hadith 8368, 5: 339.

¹⁷⁶ Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Ḥajar al-Ḥaytamī, *al-Zawājir ‘An Iqtirāf al-Kabā’ir*, (t.t.p., t.p., t.t.), 1: 51.

¹⁷⁷ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī, *al-Badr al-Tāli’ Bi Maḥāsin Man Ba’da al-Qarn al-Sābi’*, ed. Muḥammad Ḥasan Ḥallāq, (Dimasyq: Dār Ibn Kathīr, 2006), 1: 36.

percanggahan pada hadith ini di mana ada ulama yang menukilkannya sebagai sebuah hadith Rasulullah S.A.W dan ada pula ulama yang menukilkannya sebagai kata-kata hikmah daripada seseorang individu.

Status Hadith:

Hadith ini tidak diketahui statusnya.

3.3.2 Hadith Kedua

وقال النبي عليه السلام :

«الكواكبُ لِأهْلِ السَّمَاوَاتِ أَمَانَةٌ، فَإِذَا اتَّقْرَبَتْ كَانَ الْقَضَاءُ عَلَى أَهْلِ السَّمَاوَاتِ؛ وَأَهْلُ بَيْتِي أَمَانٌ لِأُمِّي فَإِذَا زَالَ أَهْلُ بَيْتِي كَانَ الْقَضَاءُ عَلَى أُمِّي؛ وَأَنَا أَمَانٌ لِأَصْحَاحِي فَإِذَا ذَهَبْتُ كَانَ الْقَضَاءُ عَلَى أَصْحَاحِي؛ وَالْجَبَالُ أَمَانٌ لِأَهْلِ الْأَرْضِ فَإِذَا ذَهَبْتُ كَانَ الْقَضَاءُ عَلَى أَهْلِ الْأَرْضِ» .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Namun, terdapat dua lafaz hadith yang seakan-akan hadith di atas. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Ṣaghīr* dengan lafaz berikut:

حدثنا حفص بن عمرالرقى ثنا قبيصة بن عقبة ثنا سفيان عن موسى بن عبيدة الربذى عن إبىاس بن سلمة عن أبىه عن النبى صلى الله عليه و سلم قال : النجوم جعلت أمانا لأهل السماء و إن أهل بيته أمان للأمتى.¹⁷⁸

Hadith tersebut telah diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī di dalam *al-Mustadrak* dengan lafaz berikut:

حدثنا أبو القاسم الحسن بن محمد السكوبى بالكوفة ثنا عبيد بن كثير العامرى ثنا يحيى بن محمد بن عبد الله بالدارمى ثنا عبد الرزاق أبأ ابن عيينة عن محمد بن سوقة عن محمد بن المنكدر عن جابر رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : { و إنه لعلم للساعة } فقال : النجوم أمان لأهل السماء فإذا ذهبت أتهاها ما يوعدون و أنا أمان لأصحابي ما كنت فإذا ذهبت أتهاهم ما يوعدون و أهل بيته أمان للأمتى فإذا ذهب أهل بيته أتهاهم ما يوعدون.¹⁷⁹

Al-Ḥākim al-Naysābūrī turut mendatangkan *syāhid* lain dengan lafaz berikut:

حدثنا مكرم بن أحمد القاضي ثنا أحمد بن علي الأبار ثنا إسحاق بن سعيد بن أركون الدمشقي ثنا خليل بن دعلج أبو عمرو السدوسي أظنه عن قتادة عن عطاء عن ابن عباس رضي الله عنهمما قال : قال رسول

¹⁷⁸ Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*, no. hadith 6260, 7: 25.

¹⁷⁹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, no. hadith 3676, 2: 486-487.

الله صلی اللہ علیہ و سلم النجوم أمان لأهل الأرض من الغرق و أهل بيتي أمان لأمني من الاختلاف فإذا
خالفتها قبيلة من العرب اختلفوا فصاروا حزب إبليس.¹⁸⁰

Analisis Hadith:

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* di atas dikritik oleh al-Haythamī kerana di kalangan periyatnya terdapat seseorang yang bernama Mūsā bin ‘Ubaydah al-Rabđī yang merupakan seorang yang berstatus *matrūk*.¹⁸¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam karya *Maṭālib al-Āliyah* pula mengklifikasikan hadith ini sebagai hadith yang lemah.¹⁸² Pendapat ini disokong oleh al-Albānī di dalam karya *al-Jāmi’ Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*.¹⁸³

Kedua-dua hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī dihukumkan sendiri oleh beliau sebagai hadith yang berstatus *sahīh al-isnād*. Akan tetapi Imam al-Dhahabī menyangkal pendapat al-Ḥākim dengan mengatakan bahawa hadith Ibn ‘Abbas R.A pula berstatus palsu.¹⁸⁴ Adapun hadith Jabir R.A, al-Dhahabī berpendapat melalui sangkaan beliau bahawa hadith tersebut juga berstatus palsu.¹⁸⁵

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak diketahui asalnya. Segala pertambahan lafaz pada teks tidak dapat ditemukan.

¹⁸⁰ *Ibid.*, no. hadith 4715, 3: 162.

¹⁸¹ Al-Haythamī, *Majma’ al-Zawāid*, 9: 174.

¹⁸² Dinukil Ibn Ḥajar dalam *Maṭālib al-Āliyah*, no. hadith 3972, Ahmad bin ‘Ali bin Ḥajar Al-‘Asqalānī, *Maṭālib al-Āliyah Bi Zawāid al-Masānid al-Thamāniyah*, ed. Sa’d bin Nāṣir al-Syathrī *et. al.*, (t.tp., Dār al-Āsimah, 1998), 16: 215.

¹⁸³ Dinukil al-Albānī, no. hadith 5987. Lihat Al-Albānī, *Da’if al-Jāmi’ al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 863.

¹⁸⁴ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, no. hadith 3676, 2: 486-487.

¹⁸⁵ *Ibid* , no. hadith 4715, 3: 162.

Adapun hadith *syāhid* seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī berstatus lemah dan hadith al-Ḥākim al-Naysābūrī pula, walaupun berstatus *sahīh al-isnād* menurut pendapat beliau, namun al-Dhahabī mengklifikasikannya sebagai palsu.

Justeru, penulis lebih cenderung kepada pendapat al-Dhahabī yang mengatakan bahawa hadith ini palsu berdasarkan semakan beliau terhadap hadith-hadith yang dinukil al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak*.

3.3.3 Hadith Ketiga

وَعَنِ النَّبِيِّ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَنَّهُ قَالَ :

«الصَّلَاةُ حُمَادٌ الدِّينُ وَالصَّمْتُ أَفْضَلُ ، وَالصَّدَقَةُ
تُطْفِي غَضَبَ الرَّبِّ وَالصَّمْتُ أَفْضَلُ ، وَالصُّومُ جَنَّةٌ مِّنْ
النَّارِ وَالصَّمْتُ أَفْضَلُ ، وَالجَهَادُ سِنَامٌ^(١) الدِّينُ وَالصَّمْتُ
أَفْضَلُ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapatkan hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Cuma yang ditemukan adalah beberapa potong hadith yang merupakan sebahagian daripada teks hadith di atas seperti berikut:

.i. الصلاة عماد الدين.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī di dalam *Syu'ab al-Imān*.¹⁸⁶

.ii. إن الصدقة تطفئ غضب الرب وتدفع ميّة السوء.

Menurut Imam al-Sakhawī, hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Daylami tanpa bersanad dan Imam al-Tirmidhi dari hadith Yūnus bin ‘Ubayd daripada al-Hassan daripada Ānas secara *marfū'*.¹⁸⁷

.iii. الصوم جنة من النار كجنة أحدكم من القتال.

Hadith (صوم جنة من النار) ditemukan dengan pelbagai versi dan di antaranya adalah yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasā'i dengan lafaz seperti di atas.¹⁸⁸

Analisis Hadith:

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī telah dikritik sendiri oleh beliau dengan mengatakan bahawa rantaian sanadnya lemah dari hadith ‘Umar R.A. Al-Hakim pula berpendapat bahawa salah seorang periwata hadith ini yang bernama ‘Ikrimah tidak mendengar hadith ini daripada Umar R.A. Menurut beliau lagi, hadith ini turut

¹⁸⁶ Al-Bayhaqī, *Syu'ab al-Imān*, no. hadith 3080, 5: 51.

¹⁸⁷ Al-Sakhawī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, no. hadith 618, 261.

¹⁸⁸ Al-Nasā'i, no. hadith 2231, *al-Sunan*, 246.

diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar. Ibn al-Šalāh tidak dapat menenukan hadith ini. Beliau menyatakan pendapatnya di dalam *Musykil al-Wasiṭ* bahawa hadith ini tidak diketahui.¹⁸⁹ Menurut Imam al-Nawāwī di dalam *al-Tanqīh* pula, hadith ini berstatus *munkar* lagi *bātil*. Akan tetapi, hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylami daripada ‘Ali sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Suyūṭī dan Imam al-Bayhaqī di dalam *al-Syu’ab* dengan rantaian sanad yang lemah daripada ‘Umar secara *marfū*.¹⁹⁰

Bagi hadith yang kedua, Imam al-Sakhāwī berpendapat bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Daylami dikategorikan oleh Imam al-Tirmidhi sebagai hadith *hasan gharīb*. Ibn Ḥibbān pula berpendapat bahawa hadith ini *sahīh* dari wajah ini. Menurut al-Sakhāwī lagi, jalan hadith ini perlu penelitian di mana ‘Abdullāh bin ‘Īsa meriwayatkannya daripada Yūnus yang telah disepakati atas kelemahannya, sehingga Ibn Ḥibbān sendiri tidak menyebutkan nama beliau di dalam karya *al-Thiqāt*. Ibn ‘Adī pula mengkategorikan Yūnus di dalam *turjumah* beliau sebagai seorang yang tidak boleh diikuti.¹⁹¹

Hadith ketiga yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasā’ī berstatus *sahīh* menurut pendapat al-Albānī.¹⁹²

Status Hadith:

Hadith yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak diketahui asalnya. Adapun potongan hadith pertama yang ditemukan berstatus palsu menurut Imam al-Nawāwī dan Ibn al-Šalāh. Potongan hadith kedua

¹⁸⁹ Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 1: 285.

¹⁹⁰ Mullā ‘Alī al-Qārī, *al-Mawdū’at al-Kubrā*, 1: 236.

¹⁹¹ Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Hasanah*, 261.

¹⁹² Al-Nasā’ī, *al-Sunan*, 246.

berstatus *hasan gharīb* menurut Imam al-Tirmidhī manakala potongan hadith ketiga pula berstatus *sahīh* menurut al-Albānī.

3.3.4 Hadith Keempat

وَعَنِ النَّبِيِّ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَنَّهُ قَالَ :

« عَلَامَةُ الشَّقاوةِ أَرْبَعَةٌ » - نِسْيَانُ الذُّنُوبِ الْمَاضِيَةِ وَهِيَ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى مَحْفُوظَةٌ ، وَذِكْرُ الْحَسَنَاتِ الْمَاضِيَةِ وَلَا يَدْرِي أَقْبَلَتْ أُمُّ رَدَّتْ ، وَنَظَرَهُ إِلَى مَنْ فَوْقَهُ فِي الدُّنْيَا ، وَنَظَرَهُ إِلَى مَنْ دُونَهُ فِي الدِّينِ .. يَقُولُ اللَّهُ : أَرَدْتُهُ وَلَمْ يُرِدْنِي ، فَتَرَكْتُهُ . وَعَلَامَةُ السُّعَادَةِ أَرْبَعَةٌ : ذِكْرُ الذُّنُوبِ الْمَاضِيَةِ ، وَنِسْيَانُ الْحَسَنَاتِ الْمَاضِيَةِ ، وَنَظَرَهُ إِلَى مَنْ فَوْقَهُ فِي الدِّينِ ، وَنَظَرَهُ إِلَى مَنْ دُونَهُ فِي الدُّنْيَا ».

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.3.5 Hadith Kelima

وعن النبي ﷺ أنه قال :
«الأمسّيات أربعٌ : أمُّ الأدوية ، وأمُّ الأداب ، وأمُّ
العبادات ، وأمُّ الأمانِيٍّ ، فأمُّ الأدوية قلةُ الأكل ، وأمُّ
الأداب قلةُ الكلام ، وأمُّ العبادات قيلةُ الذنوب ، وأمُّ
الأمانِيٍّ الصبر » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.3.6 Hadith Keenam

وقال عليه السلام :

« أربعة جواهير في جسم بني آدم يزيلها أربعة أشياء.. أما الجواهر : فالعقل ، والدين ، والحياة ، والعمل الصالح . فالغضب يزيل العقل ، والحسد يزيل الدين ، والطمع يزيل الحياة ، والغيبة تزيل العمل الصالح » .

Sanad Hadith:

Tiada sebarang rantaian sanad ditemui bersama hadith ini. Akan tetapi, pengarang karya *Bariqah Maḥmūdiyyah Fi Syarh Ṭariqah Muḥammadiyyah Wa Syari’ah Nabawiyyah* ada menyebut bahawa hadith di atas dipetik daripada karya *al-Iḥyā’* sebagaimana berikut:

قيل هنا عن الإحياء قال صلى الله تعالى عليه وسلم أربعة جواهر في جسم بني آدم يزيلها أربعة أشياء أما الجواهر فالعقل والدين والحياة والعمل الصالح الغضب يزيل العقل والحسد يزيل الدين والغيبة تزيل العمل الصالح والطمع يزيل الحياة.

¹⁹³ الصالح والطمع يزيل الحياة.

Takhrij Hadith:

Menurut pemerhatian penulis, hadith ini hanya dijumpai pada satu tempat sahaja iaitu di dalam karya *Bariqah Maḥmūdiyyah Fi Syarh Ṭariqah Muḥammadiyyah Wa Syari’ah Nabawiyyah*.¹⁹⁴

¹⁹³ Muḥammad bin Muḥammad bin Muṣṭafā Abū Sa’id Al-Khādimī, *Bariqah Maḥmūdiyyah Fi Syarh Ṭariqah Muḥammadiyyah Wa Syari’ah Nabawiyyah*, (t.p., Maṭba’ah al-Ḥalabī, 1348H), 3: 348-349.

¹⁹⁴ Ibid.

Analisis Hadith:

Hadith ini sangat sukar ditemukan. Sepanjang penelitian penulis, ia hanya ditemui pada satu tempat sahaja. Tiada sebarang rantaian sanad dikemukakan pada hadith ini. Malah, ulama yang meriwayatkan hadith ini tidak menyatakan status hadith ni, sebaliknya hanya menyandarkannya kepada karya *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazālī. Akan tetapi, sepanjang pemerhatian, penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam karya *Iḥyā’* itu sendiri.

Status Hadith:

Hadith ini tidak diketahui statusnya.

3.3.7 Hadith Ketujuh

وَعَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ :
«أَرْبَعَةٌ فِي الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِّنَ الْجَنَّةِ : الْخَلُودُ فِي الْجَنَّةِ
خَيْرٌ مِّنَ الْجَنَّةِ، وَخَدْمَةُ الْمَلَائِكَةِ فِي الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِّنَ الْجَنَّةِ،
وَرِجُوازُ الْأَنْبِيَاءِ فِي الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِّنَ الْجَنَّةِ، وَرَضْيُ اللَّهِ
تَعَالَى فِي الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِّنَ الْجَنَّةِ . وَأَرْبَعَةٌ فِي النَّارِ شَرٌّ مِّنَ
النَّارِ : الْخَلُودُ فِي النَّارِ شَرٌّ مِّنَ النَّارِ ، وَتَوْبِيعُ الْمَلَائِكَةِ
الْكُفَّارَ فِي النَّارِ شَرٌّ مِّنَ النَّارِ ، وَرِجُوازُ الشَّيْطَانِ فِي النَّارِ
شَرٌّ مِّنَ النَّارِ، وَغَضْبُ اللَّهِ تَعَالَى فِي النَّارِ شَرٌّ مِّنَ النَّارِ».

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith :

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.3.8 Hadith Kelapan

وعن النبي ﷺ أنه قال :
« إن الله تعالى يحتاج يوم القيمة باربعة أنفس على
أربعة أجناس من الناس : على الأغنياء بسلیمان بن داود ،
 وعلى العبيد يوسف ^(٣) ، وعلى المرضى بأیوب ، وعلى
الفقراء بعيسى ، عليهم السلام » .

Sanad Hadith:

Tiada sebarang rekod ditemui yang dapat membuktikan bahawa hadith ini mempunyai rantaian sanad yang sampai kepada Rasulullah S.A.W. Imam al-Ghazālī menukilkhan hadith ini sebagai kata-kata seseorang yang bernama Ḥātim al-Āṣam. Al-Ḥāfiẓ Ibn

Kathīr pula menukilkannya sebagai kata-kata yang diriwayatkan oleh Laith daripada seseorang yang bernama Mujāhid.

Takhrij Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, hadith ini hanya dijumpai pada dua tempat sahaja. Ia dinukilkan oleh Imam al-Ghazālī di dalam *al-Iḥyā'* sebagai kata-kata Ḥātim al-Asam dengan lafaz berikut:

قال حاتم الأصم إن الله عز وجل يحتاج يوم القيمة على الخلق بأربعة أنفس على أربعة أجناس على الأغنياء

¹⁹⁵ بسلیمان وعلى الفقراء بالمسیح وعلى العبید بیوسف وعلى المرضى بآیوب صلوات الله علیهم.

Manakala di dalam karya *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah* pula, al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr mencatatkannya sebagai kata-kata yang diriwayatkan oleh Laith daripada seseorang yang bernama Mujāhid sebagaimana berikut:

قد روی ليث عن مجاهد ما معناه أن الله يحتاج يوم القيمة بسلیمان عليه السلام على الأغنياء وبیوسف

¹⁹⁶ عليه السلام على الارقاء وبآیوب عليه السلام على أهل البلاء.

Analisis Hadith:

Terdapat percanggahan dalam mengenal pasti siapakah yang mengeluarkan kata-kata ini. Akan tetapi kedua-dua pengarang tidak menyandarkan kata-kata ini sebagai sebuah hadith daripada Rasulullah S.A.W. Permasalahan berkaitan siapakah yang mengeluarkan kata-kata ini tidak termasuk dalam konteks kajian penulis. Akan tetapi,

¹⁹⁵ Al-Ghazālī, *Iḥyā'* ‘Ulūm al-Dīn, 6: 21.

¹⁹⁶ Ismā’il bin ‘Umar Ibn Kathīr al-Qurasyī al-Dimasyqī, *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī, (t.t.p., Dar Hajar, 1997), 1: 416.

apa yang penting dalam penemuan ini ialah, kata-kata ini bukanlah sebuah hadith, tetapi hanya sebuah kata-kata *hukamā'*.

Status Hadith:

Kata-kata di atas merupakan hadith palsu, lantaran ia bukanlah sebuah hadith Rasulullah, sebaliknya kata-kata *hukamā'*.

3.3.9 Hadith Kesembilan

قال النبي ﷺ :

«إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ يُوَضَّعُ الْمِيزَانُ فَيُؤْتَى بِأَهْلِ الصَّلَاةِ فَيُوَفَّوْنَ أَجْوَرَهُمْ بِالْمِيزَانِ، ثُمَّ يُؤْتَى بِأَهْلِ الصُّومِ فَيُوَفَّوْنَ أَجْوَرَهُمْ بِالْمِيزَانِ، ثُمَّ يُؤْتَى بِأَهْلِ الْحِجَّةِ فَيُوَفَّوْنَ أَجْوَرَهُمْ بِالْمِيزَانِ، ثُمَّ يُؤْتَى بِأَهْلِ الْبَلَاءِ لَا يُنْصَبُ لَهُمْ مِيزَانٌ وَلَا يُنْشَرُ لَهُمْ دِيَوْانٌ» فَيُوَفَّوْنَ أَجْوَرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ حَتَّى يَتَمَنَّى أَهْلُ الْعَافِيَةِ أَنْ لَوْ كَانُوا بِمَنْزِلَتِهِمْ مِنْ كُثْرَةِ ثَوَابِ اللَّهِ تَعَالَى » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith dengan lafaz seperti di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapatkan hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi terdapat dua lafaz hadith yang seakan-akan hadith di atas ditemukan seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan sendiri oleh Imam al-Zamakhsyari dengan lafaz berikut:

عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : ينصب الله الموازين يوم القيمة فيؤتى بأهل الصلاة فيوفون أجورهم
بالموازين ويؤتى بأهل الصدقة فيوفون أجورهم بالموازين ويؤتى بأهل الحج فيوفون أجورهم بالموازين ويؤتى
بأهل البلاء فلا ينصب لهم ميزان ولا ينشر لهم ديوان ويصب عليهم الأجر صبا قال الله تعالى إنما يوفى
الصابرون أجراهم بغير حساب حتى يتمنى أهل العافية أن أجسادهم تقرض بالمقاييس مما يذهب به أهل

البلاء من الفضل ويحوزونه.¹⁹⁷

- ii. Al-Zayla'ī mengisyaratkan bahawa Imam al-Ṭabrānī meriwayatkan hadith ini secara ringkas dengan lafaz berikut:

ثنا السري بن سهل الجندىسابوري ثنا عبد الله بن رشيد ثنا مجاعة بن الزبير عن قتادة عن حابر بن زيد عن
ابن عباس أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : يؤتى بالشهداء يوم القيمة فينصبون للحساب ويؤتى
بالمتصدقين فينصبون للحساب ثم يؤتى بأهل البلاء فلا ينصب لهم ميزان ولا ينشر لهم ديوان فيصب
عليهم الأجر حتى إن أهل العافية ليتمكنون في الموقف أن أجسادهم قرضاً بالمقاييس من حسن ثواب الله

لهم.

¹⁹⁷ Dinukil Muhammad Bājābir dalam Tesis Doktor Falsafah beliau, no. hadith 1113. Lihat Muhammad bin Ahmad bin ‘Āli Bājābir, *Takhrij al-Āḥādīth Wa al-Athār al-Wāqi’ah Fi Tafsīr al-Kashshāf Li al-Zamakhsyārī: Tahqīq Wa Dirāsah Min Awwal Sūrah Saba’ Ilā Ākhir Surah al-Nās*, (Makkah: Kuliyah Dakwah dan Usuluddin Universiti Umm al-Qurā, 1419H), 1: 455.

¹⁹⁸ *Ibid.*, 455-456.

iii. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tha'labī di dalam karya tafsir beliau dengan lafaz yang sama sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Zamakhsyārī dan rantaian sanadnya adalah seperti berikut:

أَخْبَرَنِي أَبْنُ فَنْجُوِيهِ ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ إِسْحَاقَ السَّنِي حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الضَّحَّاكَ ثَنَا نَصْرُ بْنُ مَرْزُوقٍ ثَنَا أَسْدُ بْنُ مُوسَى ثَنَا بَكْرُ بْنُ حَبِيشَ عَنْ ضَرَارِ بْنِ عُمَرٍ وَعَنْ زَيْدِ الرَّقَاشِيِّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَنْصُبُ الْمِيزَانَ ... إِلَى آخِرِهِ بِلِفْظِ الْمَصْنَفِ.¹⁹⁹

iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mardawiyah di dalam karya tafsir beliau dengan yang sama sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Zamakhsyārī, cuma ada sedikit pertambahan pada teks hadith dengan perkataan (الصوم بعد الصلاة) dan rantaian sanadnya adalah seperti berikut:

ثَنَا أَبُو عُمَرٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ إِبْرَاهِيمَ ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْوَهَابِ ثَنَا آدَمَ ثَنَا بَكْرُ بْنُ حَبِيشَ ثَنَا ضَرَارُ بْنُ عُمَرٍ وَبِهِ بِلِفْظِ الْمَصْنَفِ.²⁰⁰

Analisis Hadith:

Hadith yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* sedikit berbeza jika dibandingkan dengan lafaz hadith yang diriwayatkan oleh al-Zamakhsyārī di dalam karya tafsir beliau. Abū al-Qāsim al-Asbahānī di dalam karya *al-Targhib Wa al-Tarhib* telah meriwayatkan hadith ini dengan sanad yang sama sebagaimana diriwayatkan oleh al-Tha'labī di dalam karya tafsir beliau. Menurut al-Zayla’ī, individu di dalam rantaian sanad tersebut bernama Bakr Ibn Ḥubays, Dirār dan al-Ruqāsyī adalah individu-individu yang bertaraf lemah.²⁰¹

¹⁹⁹ *Ibid.*, 456-457.

²⁰⁰ *Ibid.*, 457.

²⁰¹ *Ibid.*, 457-458.

Abū Nu’aym di dalam *al-Hiylah* turut menyenaraikan versi hadith daripada Imam al-Tabrānī dengan rantaian sanad dan matannya di dalam *turjumah* beliau ke atas Jābir bin Zaid.²⁰² Akan tetapi, menurut Imam al-Qurṭubī, hadith ini berstatus *gharīb* dari hadith Jābir al-Ju’fī dan Qatādah. Hadith ini semata-mata hanya diriwayatkan oleh Qatādah seorang sahaja daripada Jābir daripada Ibn ‘Abbās daripada Mujā’ah Ibn Zubayr.²⁰³

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz seperti yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak ditemui dari mana-mana sumber. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Zamakhsyārī berstatus lemah menurut pendapat al-Zayla’ī, manakala hadith Abu Nu’aym pula berstatus *gharīb* menurut pendapat Imam al-Qurṭubī.

²⁰² *Ibid.*

²⁰³ Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Tadhkirah Bi Ihwāl al-Mawtā Wa Umūr al-Ākirah*, ed. Dr. al-Šādiq bin Muḥammad bin Ibrāhīm, (Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, 1425H), 2: 719-720.

3.4 Bab *Khumāsi*

3.4.1 Hadith Pertama

رُوِيَّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :

«مَنْ أَهَانَ حُسْنَةً خَسِيرٌ حُسْنَةً؛ مَنْ اسْتَخْفَفَ بِالْعُلَمَاءِ
خَسِيرُ الدِّينِ، وَمَنْ اسْتَخْفَفَ بِالْأَمْرَاءِ خَسِيرُ الدُّنْيَا، وَمَنْ
اسْتَخْفَفَ بِالْجَيْرَانِ خَسِيرُ الْمَنْافِعِ، وَمَنْ اسْتَخْفَفَ بِالْأَقْوَى إِيمَانِهِ
خَسِيرُ الْمَوْدَّةِ، وَمَنْ اسْتَخْفَفَ بِأَهْلِهِ خَسِيرٌ طَيْبُ الْمَعِيشَةِ».

Sanad Hadith:

Tiada sebarang rekod ditemui yang menunjukkan ia sebagai sebuah hadith. Akan tetapi terdapat ulama yang menukilkannya sebagai kata-kata *ḥukamā'*.

Takhrij Hadith:

Hadith ini dinukilkan oleh Imam al-Dhahabī di dalam *Siyar al-A'lām al-Nubalā'* sebagai kata-kata daripada 'Abdullāh bin al-Mubārak:

عَنْ أَبْنَى الْمَبَارِكِ قَالَ: مَنْ اسْتَخْفَفَ بِالْعُلَمَاءِ، ذَهَبَتْ آخْرَتُهُ، وَمَنْ اسْتَخْفَفَ بِالْأَمْرَاءِ، ذَهَبَتْ دُنْيَاهُ، وَمَنْ
اسْتَخْفَفَ بِالْأَحْوَانِ، ذَهَبَتْ مَرْوِيَّتُهُ.²⁰⁴

Ibn 'Abd al-Bar pula menukilkannya di dalam *Jāmi' Bayān a-Ilm Wa Faḍlihi* sebagai kata-kata Ayyūb bin al-Qaryah:

²⁰⁴ Al-Dhahabī, *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, 17: 251.

قال أئوب بن القرية: أحق الناس بالإجلال ثلاثة: العلماء والإخوان، والسلطانين، فمن استخف بالعلماء أفسد دينه، ومن استخف بالإخوان أفسد مروءته ومن استخف بالسلطان أفسد دنياه، والعاقل لا يستخف بأحد.²⁰⁵

Analysis Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada seorang ulama pun yang meriwayatkan kata-kata ini sebagai sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W.

Status Hadith:

Ia bukan hadith, sebaliknya kata-kata *ḥukamā'*.

3.4.2 Hadith Kedua

وقال النبي عليه السلام :
« سِيَّاتِي زَمَانٌ عَلَى أُمَّتِي يُحِبُّونَ خَسَا وَيُنْسَوْنَ خَسَا : يُحِبُّونَ الدُّنْيَا وَيُنْسَوْنَ الْعُقُوبَ ، يُحِبُّونَ الدُّورَ وَيُنْسَوْنَ الْقُبُورَ ، وَيُحِبُّونَ الْمَالَ وَيُنْسَوْنَ الْحَسَابَ ، يُحِبُّونَ الْعِيَالَ وَيُنْسَوْنَ الْحَقَّ ، وَيُحِبُّونَ النَّفْسَ وَيُنْسَوْنَ اللَّهَ ؛ هُم مِنِي بَرَاءٌ وَأَنَا مِنْهُمْ بَرِيءٌ ».

²⁰⁵ Abū ‘Umar Yūsuf Ibn ‘Abd al-Bar, *Jāmi’ Bayān al-Ilm Wa Faḍlihi*, ed. Abū al-Isybāl al-Zuhayrī, (t.t.p., Dār Ibn al-Jawzī, 1994), 1: 581, no. 996.

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.4.3 Hadith Ketiga

وقال النبي عليه السلام :
« لا يُعطِي اللهُ لَأحدٍ خَسَّا إِلَّا وَقَدْ أَعْدَّ لَهُ خَسَّا
أَخْرَى : لَا يُعْطِيهِ الشُّكْرَ إِلَّا وَقَدْ أَعْدَّ لَهُ الْزِيَادَةَ ،
وَلَا يُعْطِيهِ الدُّعَاءَ إِلَّا وَقَدْ أَعْدَّ لَهُ الْاسْتِجْابَةَ ، وَلَا يُعْطِيهِ
الْاسْتِغْفَارَ إِلَّا وَقَدْ أَعْدَّ لَهُ الْغَفْرَانَ ، وَلَا يُعْطِيهِ التُّوْبَةَ
إِلَّا وَقَدْ أَعْدَّ لَهُ الْقَبْوَلَ ، وَلَا يُعْطِيهِ الصَّدَقَةَ إِلَّا وَقَدْ
أَعْدَّ لَهُ التَّقْبِيلَ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.4.4 Hadith Keempat

وَعَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :

«إِغْتَمَّ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ» : شَبَابَكَ قَبْلَ هَرْمِيكَ ،
وَصَحْتَكَ قَبْلَ سَقْمَكَ ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرَكَ ، وَحِيَاكَ
قَبْلَ مَوْتَكَ ، وَفَرَأَغَكَ قَبْلَ شَغْلَكَ .

Sanad Hadith:

Diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysabūrī di dalam *al-Mustadrak* seperti berikut:

أخبرني الحسن بن حكيم المروزي أنباء أبو الموجه أنباء عبдан أنباء عبد الله بن أبي هند عن أبيه عن ابن عباس رضي الله عنهما قال : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم.

Takhrij Hadith:

Al-Ḥākim al-Naysabūrī di dalam *al-Mustadrak* meriwayatkan hadith ini dengan lafaz seperti berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه و سلم لرجل و هو يعظه : اغتنم خمسا قبل خمس : شبابك قبل هرمك و صحتك قبل سقمك و غناك قبل فقرك و فراغك قبل شغلك و حياتك قبل موتك.²⁰⁶

Analisis Hadith:

Menurut al-Ḥākim, hadith ini bertaraf *sahīh* berdasarkan syarat hadith saih Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim. Akan tetapi, kedua-dua imam ini tidak meriwayatkan hadith ini di dalam karya *al-Sahīh* mereka. Pendapat berkenaan kesahihan hadith ini turut disokong oleh Imam al-Dhahabī di dalam komentarnya ke atas karya *al-Mustadrak*.²⁰⁷

Namun, didapati lafaz yang dikemukakan pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* berlawanan dengan lafaz yang dikemukakan oleh al-Ḥākim, dari sudut susunan potongan hadith (وفراغك قبل شغلك وحياتك قبل موتك).

Menurut pemerhatian, pengarang *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* telah mendahulukan lafaz (وحياتك قبل موتك), diikuti dengan lafaz (وفراغك قبل شغلك).

Manakala lafaz yang masyhur dan bertaraf *sahīh* adalah sebagaimana yang diriwayatkan

²⁰⁶ Dinukil al-Ḥākim dalam bab *Kitāb Al-Raqāq*, no. hadith 7846. Lihat al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 4: 341.

²⁰⁷ *Ibid.*

oleh al-Ḥākim, iaitu dengan mendahulukan lafaz (وفراڠك قبل شغلک) dan diakhiri dengan lafaz (وحياتك قبل موتك).

Status Hadith:

Hadith yang dinukilkan oleh pengarang *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini mempunyai sifat *maqlūb* pada lafaznya. Hadith *maqlūb* merupakan sebahagian daripada hadith hadith *da’īf*.

3.4.5 Hadith Kelima

وعن النبي عليه السلام :
« التَّحْوِي يُحْصَن ”الْأَسْرَارُ ، وَالصَّدَقَةُ تُحْصَنُ الْأَمْوَالُ ، وَالْإِخْلَاصُ يُحْصَنُ الْأَعْمَالُ ، وَالصَّدْقَةُ يُحْصَنُ الْأَقْوَالُ ، وَالْمَشُورَةُ تُحْصَنُ الْأَرَاءُ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.4.6 Hadith Keenam

[و] قال النبي عليه السلام :

« إِنَّ فِي جُمْعِ الْمَالِ خَمْسَةً أَشْيَاءً : الْعَنَاءُ فِي جَمْعِهِ ، وَالشُّغْلُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى بِإِصْلَاحِهِ ، وَالخُوفُ مِنْ سَالِبِهِ وَسَارِقِهِ ، وَاحْتِمَالُ اسْمِ الْبَخِيلِ لِنَفْسِهِ ، وَمُفَارَقَةُ الصَّالِحِينَ مِنْ أَجْلِهِ ؛ وَفِي تَفْرِيقِهِ خَمْسَةُ أَشْيَاءٍ : رَاحَةُ النَّفْسِ مِنْ طَلَبِهِ ، وَالْفَرَاغُ لِذِكْرِ اللَّهِ مِنْ حِفْظِهِ ، وَالْأَمْنُ مِنْ سَالِبِهِ وَسَارِقِهِ ، وَاِكْتَسَابُ اسْمِ الْكَرِيمِ لِنَفْسِهِ ، وَمُصَاحَّةُ الصَّالِحِينَ لِفَرَاقِهِ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.4.7 Hadith Ketujuh

قال النبي عليه السلام :

« سيأتي على أمتي زمان يحبون الحسن وينسون
الحسن : يحبون الدنيا وينسون الآخرة ، ويحبون
الحياة وينسون الموت ، ويحبون القصور وينسون
القبور ، ويحبون المال وينسون الحساب ، ويحبون
الخلق وينسون الخالق » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.5.1 Hadith Pertama

قال النبي ﷺ :

« ستة أشياء هنَّ غريبةٌ في ستة مواضع : المسجدُ
غريبٌ فيها بين قومٍ لا يصلُّون فيه ، والمصحفُ غريبٌ
في منزلِ قومٍ لا يقرأون فيه ، والقرآنُ غريبٌ في جوفِ
الفاسق ، والمرأةُ المسلمة الصالحةُ غريبةٌ في يدِ رجلٍ
ظالمٍ سيءٍ الخلق ، والرجلُ المسلم الصالحُ غريبٌ في
يدِ امرأةٍ رديئةٍ سيئةِ الخلق ، والعالمُ غريبٌ بينِ
قومٍ لا يستمعون إليه . ثم قال (النبي ﷺ عليه السلام) :
إن الله تعالى لا ينظر إليهم يوم القيمة نَظَرَ الرَّحْمَةِ » .

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi ada beberapa lafaz lain yang dijumpai seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr*²⁰⁸ dan al-Daylāmī di dalam *Musnad al-Firdaws*²⁰⁹ daripada Abū Hurairah r.a dengan lafaz berikut:

الغرياء في الدنيا أربعة قرآن في جوف ظالم ومسجد في نادى قوم لا يصلون فيه ومصحف في بيت لا يقرأ فيه ورجل صالح مع قوم سوء.

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Muḥammad bin ‘Alī bin Ṭūlūn di dalam *al-Ahādīth al-Mi’ah al-Musytamilah ‘Alā Miah Nisbah Ila al-Sanā’i’* dengan lafaz berikut:

أخبرنا الكمال محمد بن حمزة الحسيني أنا أبو العباس أحمد بن حسن الصالحي أنا الصلاح بن أبي عمر أنا الفخر بن البخاري أنا أبو المجد الثقفي أنا أبو محمد الخلال أنا أبو صالح خلف بن محمد الخيام ثنا سهل بن شاذويه ثنا نصر بن الحسين أنا مكى أنا أبي ثنا عيسى عن أبي خلف الكوفي عن الزهرى عن أبي سلمة عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال يكون الغرياء في الدنيا أربعة قرآن في جوف ظالم أو مسجد في نادى قوم لا يصلون فيه ومصحف في بيت لا يقرأ فيه ورجل صالح مع قوم سوء.²¹⁰

- iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Lālī al-Maṣnū’ah Fi al-Ahādīth al-Mawdū’ah* yang dipetik dari karya *al-Majrūhīn* karangan Ibn Hibbān dengan lafaz berikut:

حدثنا أبو القاسم هارون بن محمد البغدادي حدثنا محمد بن علي الصوري حدثنا يحيى بن عبد الله البابلتي حدثنا الأوزاعي عن الزهرى عن أبي سلمة عن أبي هريرة مرفوعا إذا كانت سنة ثلاثين ومائة كان الغرياء في

²⁰⁸ Dinukil al-Suyūṭī, bab *Harf al-Ghain*, no. hadith 59. Lihat al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, 1: 14757.

²⁰⁹ Al-Daylāmī, *al-Firdaws Bi Ma’thūr al-Khiṭāb*, no. hadith 4301, 3: 108.

²¹⁰ Muḥammad bin ‘Alī Ibn Ṭūlūn, *al-Ahādīth al-Mi’ah al-Musytamilah ‘Alā Miah Nisbah Ila al-Sanā’i’*, ed. Mus’ad ‘Abd al-Ḥamīd al-Sa’danī, no. hadith 29, (Kaherah: Dār al-Ṭalā’i’, t.t.), 34.

الدنيا أربعة قرآن في جوف ظالم ومصحف في بيت قوم لا يقرأ فيه ومسجد في نادي قوم لا يصلون فيه ورجل صالح بين قوم سوء.²¹¹

iv. Ibn al-Jawzī meriwayatkan hadith di dalam *al-Mawdū'āt* dengan lafaz berikut:

روى يحيى بن عبد الله البابلقي عن الأوزاعي عن الزهري عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إذا كانت سنة ستين ومائة كان الغرباء في الدنيا أربعة: قرآن في جوف ظالم، ومصحف في بيت قوم لا يقرأ فيه، ومسجد في نادم قوم لا يصلون فيه، ورجل صالح بين قوم سوء.²¹²

v. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Lālī Al-Maṣnū'ah Fi al-Āḥādīth al-Mawdū'ah* yang dipetik dari kata-kata Imam al-Daynūrī dengan lafaz berikut:

حدثنا إبراهيم بن حبيب حدثنا أبي عن نعيم بن مورع عن شريك عن أبي إسحاق عن شداد بن أوس قال قال رسول الله ثلاثة غرباء قرآن في قلب رجل فاجر ومصحف في بيت لا يقرأ فيه وصالح مع الظالمين.²¹³

Analysis Hadith:

Pada hadith pertama, *al-Munāwī* berkata di dalam rantaian periwakatnya terdapat ‘Abdullāh bin Hārūn al-Šūrī yang menurut Imam al-Dhahabī di dalam *al-Dhayl* bahawa beliau tidak dikenali.²¹⁴ Menurut Ibn Ḥibbān, hadith ini tanpa ragu berstatus *ma'mūl*²¹⁵ iaitu *mawdū'* dan penyebabnya adalah perawi yang digelar al-Bābīlī. Beliau tidak boleh

²¹¹ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū'ah*, 2: 391.

²¹² Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū'āt*, no. hadith 1694, 3: 470.

²¹³ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū'ah*, 2: 391.

²¹⁴ Al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, no. hadith 11463, 3: 69.

²¹⁵ Ibn Ḥibbān, *al-Majrūhīn*, ed. Muhammad bin ‘Abd al-Majid al-Salafi, (t.tp., Dār al-Šamī’ī, 2000), 2: 480.

dijadikan hujah andai beliau meriwayatkan sebarang hadith secara berseorangan.²¹⁶

Menurut al-Kinānī, Yaḥya bin ‘Abdullāh al-Bābiltī meriwayatkan hadith daripada periyat-periyat hadith yang bertaraf *thiqah* dengan hadith-hadith yang berstatus *mu’addal*.²¹⁷ Menurut pendapat al-Dāraquṭnī pula, masalah di dalam rantaian hadith ini bukan datangnya dari al-Bābiltī, tetapi dari periyat yang meriwayatkan hadith darinya, iaitu Muḥammad bin ‘Alī al-Šūrī. Menurut Imam al-Suyūtī pula, faktor *munkar* adalah bersumber daripada al-Bābiltī.²¹⁸ Ibn al-Jawzī turut menyokong pendapat ini dan beliau menghukum hadith ini sebagai hadith palsu.²¹⁹

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun segala *syāhid* yang didatangkan tersebut, kesemuanya berstatus palsu.

3.5.2 Hadith Kedua

وَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :

* سَتَةٌ لَعْنَتُهُمْ وَلَعْنَتُهُمُ اللَّهُ تَعَالَى ، وَكُلُّ نَبِيٍّ مُجَابٌ الدُّعَوَاتُ : الزَّائِدُ^(۱) فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَالْمَكْذُوبُ بِقَدْرِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَالْمُتَسْلِطُ بِالْجَبَرَوْتِ^(۲) لِيُعَزِّزَ مِنْ أَذْلَهِ اللَّهُ وَيُذَلِّ مِنْ أَعْزَهِ اللَّهُ ، وَالْمُسْتَحِيلُ لِحَرَمِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَالْمُسْتَحْلِلُ مِنْ عِتْرَتِي مَا حَرَمَ اللَّهُ ، وَتَارِكُ لِسْتَنِّي ؛ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَنَظَّرُ الرَّحْمَةَ . *

²¹⁶ Abū Ishaq al-Ḥuwainī, *al-Nāfilah Fi al-Aḥādīth al-Dā’ifah Wa al-Bātilah*, no. hadith 200, (Tantā: Dār al-Šāhābah Li al-Turāth, 1988), 2: 255-256.

²¹⁷ Abū al-Ḥassan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Arrāq Al-Kinānī, *Tanzīh al-Syari‘ah al-Marfū‘ah ‘An al-Aḥādīth al-Syāni‘ah al-Mawdū‘ah*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 2: 424.

²¹⁸ Al-Suyūtī, *al-Lālī al-Maṣnū‘ah*, 2: 391.

²¹⁹ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū‘at*, 3: 470.

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi ada beberapa lafaz lain yang dijumpai seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ḥākim al-Naysabūrī di dalam *al-Mustadrak* dengan empat versi seperti berikut:

(a) حدثنا أبو محمد عبد الله بن جعفر بن درستويه الفارسي ثنا يعقوب بن سفيان الفارسي و حدثنا أبو بكر بن إسحاق الفقيه ثنا الحسن بن علي بن زياد قالا : ثنا إسحاق بن محمد الفروي ثنا عبد الرحمن بن أبي المولال القرشي وأخرين محمد بن المؤمل ثنا الفضل بن محمد الشعراي ثنا قتيبة بن سعد ثنا عمرو بن حزم عن عمرة عن عائشة قالت : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ستة لعنهم الله و كل بني مجاب المكذب بقدر الله و الزائد في كتاب الله و المتسلط بالجبروت يذل من أعز الله و يعز من أذل الله و المستحل لحرم الله و المستحل من عترتي ما حرم الله و التارك لستي.²²⁰

(b) حدثنا أبو علي الحسين بن علي الحافظ أنبا عبد الله بن محمد بن محمد بن وهب الحافظ أنبا عبد الله بن محمد بن يوسف الغريابي حدثني أبي ثنا سفيان عن عبيد الله بن عبد الرحمن بن عبد الله بن موهب قال : سمعت علي بن الحسين يحدث عن أبيه عن جده رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ستة لعنهم الله و كل بني مجاب : الزائد في كتاب الله و

²²⁰ Hadith riwayat al-Ḥākim, bab *Kitāb al-Īmān*, no. hadith 102. Lihat al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 1: 91-92.

المكذب بقدر الله و المتسلط بالجبروت ليذل من أعز الله و يعز من أذل الله و التارك لسني و المستحل من عترتي ما حرم الله و المستحل لحرم الله.²²¹

(c) حدثنا عبد الله بن جعفر بن درستويه الفارسي ثنا يعقوب بن سفيان ثنا إسحاق بن محمد الفروي ثنا عبد الرحمن بن أبي الرجال عن عبيد الله بن موهب عن عمرة عن عائشة رضي الله عنها قالت : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : ستة لعنتهم و لعنة الله و كل نبي مجاوب الرائد في كتاب الله تعالى و المكذب بأقدار الله و المتسلط بالجبروت من ليذل من أعز الله و يعز من أذل الله و المستحل لحرم الله و المستحل من عترتي ما حرم الله و التارك لسني.²²²

(d) حدثنا عبد الله بن جعفر الفارسي ثنا يعقوب بن سفيان ثنا إسحاق بن محمد الفروي ثنا عبد الرحمن بن أبي الموال عن عبد الله بن موهب عن أبي بكر بن محمد بن عمرو بن حزم عن عمرة عن عائشة رضي الله عنها قالت : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : ستة لعنتهم لعنهم الله و كل نبي مجاوب : المكذب بقدر الله و الرائد في كتاب الله و المتسلط بالجبروت ليذل ما أعز الله و يعز ما أذل الله و المستحل لحرم الله و المستحل من عترتي ما حرم الله و التارك لسني.²²³

ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu’jam al-Awsat* dan *al-Mu’jam al-Kabīr* dengan tiga versi seperti berikut:

(a) حدثنا أحمد قال حدثنا قتيبة بن سعيد قال حدثنا عبد الرحمن بن أبي الموال عن عبيد الله بن عبد الرحمن بن موهب عن عمرة عن عائشة أن رسول الله قال : ستة لعنتهم وكل نبي مجاوب الرائد في

²²¹ *Ibid.*, bab *Tafsīr Sūrah Wa al-Layl Idhā Yaghshā*, no. hadith 3940, 2: 571-572.

²²² *Ibid.*, no. hadith 3941, 572.

²²³ *Ibid.*, bab *Kitāb al-Āhkām*, no. hadith 7011, 4: 101.

كتاب الله والمكذب بقدر الله والمستحل محارم الله المستحل من عترتي ما حرم الله وتارك

²²⁴. السنة.

(b) حدثنا أحمد بن شعيب النسائي أنا قتيبة بن سعيد ثنا ابن أبي الموال عن عبيد الله بن عبد الرحمن

بن موهب عن عميرة عن عائشة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ستة لعنتهم وكل نبي

محاب الزائد في كتاب الله عزوجل والمكذب بقدر الله والمستحل محارم الله المستحل من عترتي ما

حرم الله والتارك للسنة.²²⁵

(c) حدثنا أحمد بن رشدين المصري ثنا أبو صالح الحراني ثنا ابن همزة عن عياش بن عباس العتباني عن

أبي معشر الحميري عن عمرو بن سعواد اليافعي قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :

سبعة لعنتهم وكل نبي محاب الزائد في كتاب الله والمكذب بقدر الله والمستحل حرمة الله و

المستحل من عترتي ما حرم الله والتارك لسنتي والمستأثر بالفيء والمتجر بسلطانه ليعز من أذل

الله ويدل من أعز الله.²²⁶

iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr* dengan empat versi seperti berikut:

(a) سبعة لعنتهم وكل نبي محاب الزائد في كتاب الله والمكذب بقدر الله والمستحل حرمة الله المستحل

من عترتي ما حرم الله والتارك لسنتي والمستأثر بالفيء والمتجر بسلطانه ليعز من أذل الله ويدل من

أعز الله.²²⁷

²²⁴ Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tāriq bin ‘Awḍullāh et. al, no. hadith 1667, (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995), 2: 186.

²²⁵ Al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, no. hadith 2883, 3: 136-137.

²²⁶ *Ibid.*, no. hadith 89, 17: 43.

²²⁷ Al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, bab *Harf al-Sīn*, no. hadith 14702, 5: 233.

(b) ستة لعنهم الله ولعنتهم وكل نبی مجاب الزائد في كتاب الله والمکذب بقدر الله والمتسلط بالجبروت

فيعز بذلك من أذل الله ويدل من أعز الله والمستحل ما حرم الله والمستحل من عترتي ما حرم الله

²²⁸ والتارك لسنتي.

(c) ستة لعنهم الله ولعنتهم وكل نبی مجاب الزائد في كتاب الله والمکذب بقدر الله والراغب عن سنتي

إلى بدعة والمستحل من عترتي ما حرم الله والمتسلط على أمتي بالجبروت ليعز من أذل الله ويدل

من أعز الله والمرتد أعرابياً بعد هجرته.²²⁹

iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam *al-Jāmi'* dengan lafaz berikut:

حدثنا قتيبة حدثنا عبد الرحمن بن زيد بن أبي المولى المزني عن عبيد الله بن عبد الرحمن بن موهب عن عمرة

عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ستة لعنهم ولعنتهم الله وكل نبی كان الزائد في كتاب

الله والمکذب بقدر الله والمتسلط بالجبروت ليعز بذلك من أذل الله ويدل من أعز الله والمستحل لحرم الله

والمستحل من عترتي ما حرم الله والتارك لسنتي.²³⁰

v. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam *al-Muttafiq Wa al-Muftariq* dengan lafaz berikut:

أخبرني عبيد الله بن أبي الفتح الفارسي قال حدثنا أبو الحسن علي بن عمر الحافظ قال حدثنا الحسن بن

أحمد بن سعيد الراهوي قال حدثنا عبدالله بن الزبير بن محمد الراهوي قال حدثنا أبو إسحاق إبراهيم بن

يزيد المكتب قال حدثنا أبو قتادة الحراني قال حدثنا سفيان الثوري عن زيد بن علي بن الحسين عن أبيه

عن الحسين بن علي عن علي أن النبي صلى الله عليه وعلى آله وسلم قال ستة لعنهم الله ولعنتهم وكل نبی

²²⁸ *Ibid.*, no. hadith 14716, 242.

²²⁹ *Ibid.*, no. hadith 14726, 245-246.

²³⁰ Al-Tirmidhi, *al-Jāmi'*, bab *Mā Jā'a Fi al-Riḍā Bi al-Qadā'*, 8: 50.

مجاب الزائد في كتاب الله والمكذب بقدر الله والراغب عن سنتي إلى البدعة والمستحلب من عترتي ما حرم

الله والمسلط على أمتي بالجبروت ليعز من أذل الله ويذل من أعز الله والمرتد أعرابياً بعد هجرته.²³¹

- vi. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam *al-Majrūḥīn* dengan lafaz berikut:

أخبرنا عن يحيى بن حبيب بن عبيدة عن روح بن سعيد بن أبي عروبة عن (قتادة عن) سعيد بن جبير عن ابن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أربعة لعنة لهم ولعنهم الله وكل نبى مُحَمَّدٌ: الرائد في كتاب الله - عزوجل - والمكذب بقدر الله - عزوجل - والمتعزز بالجبروت ليذل من أعز الله ويعز من أذله الله، والمستحلب من عترتي ما حرم الله.²³²

Analysis Hadith:

Dalam kepelbagaian versi hadith ini ada riwayat yang boleh diterima dan kebanyakannya berstatus lemah. Penulis akan menyenaraikan kritikan hadith dengan kepelbagaian versi ini mengikut susunan hadith yang telah penulis senaraikan di atas.

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak* dengan empat versi.

Hadith pertama: Menurut al-Ḥākim, Imam al-Bukhārī telah mengambil hujjah periwayat bernama ‘Abd al-Rahmān bin Abī al-Mawāl. Menurut al-Ḥākim lagi, hadith dengan lafaz ini bertaraf *sahīh* pada sanad dan beliau tidak mengetahui hadith ini mempunyai sebarang ‘illah. Walaupun hadith dengan lafaz ini berstatus *sahīh*, ia tidak dikeluarkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim di dalam karya *sahīh* mereka.²³³ Kesahihan hadith ini turut disokong oleh Imam al-

²³¹ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*, no. hadith 72, 1: 214.

²³² Ibn Ḥibbān, *al-Majrūḥīn*, 1: 169.

²³³ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, bab *Kitāb al-Imān*, no. 102, 1: 91.

Dhahabī yang turut berpendapat bahawa hadith ini bertaraf *sahīh* dan tidak diketahui wujud sebarang ‘illah padanya.²³⁴

Hadith Kedua: Menurut al-Hākim, hadith ini diriwayatkannya sedemikian bentuk lafaznya daripada Abu ‘Ali dan beliau berpendapat bahawa hadith dengan lafaz ini memiliki sanad yang *sahīh*.²³⁵ Imam al-Dhahabī di dalam *al-Takhliṣ* tidak memberikan sebarang komentar beliau terhadap hadith ini.²³⁶

Hadith Ketiga: Menurut al-Hākim, Imam al-Bukhārī telah mengambil kira periwayat bernama Ishāq bin Muḥammad al-Farwī dan ‘Abd al-Rahmān bin Abī al-Rijāl dan menjadikan mereka sebagai hujah di dalam karya beliau *al-Jāmi’ al-Sahīh*. Ini lebih hampir kepada tepat daripada sanad hadith pertama,²³⁷ iaitu hadith kedua mengikut senarai penulis.

Hadith Keempat: Menurut al-Hākim, hadith dengan lafaz ini berstatus *sahīh* berdasarkan syarat *sahīh* menurut pandangan Imam al-Bukhārī. Akan tetapi, ia tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim di dalam karya *al-Sahīh* mereka.²³⁸ Pendapat ini disanggah oleh Imam al-Dhahabī di dalam *al-Takhliṣ*. Beliau berpendapat bahawa hadith ini berstatus *munkar*.²³⁹ Walau bagaimanapun, beliau tidak mendatangkan sebarang bukti yang menyokong dakwaannya itu.

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabarānī di dalam *al-Mu’jam al-Awsat* dan *Al-Mu’jam al-Kabīr* dengan tiga versi.

Hadith pertama: Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabarānī di dalam *al-Mu’jam al-Awsat*. Menurut Imam al-Ṭabarānī, hadith ini tidak diriwayatkan

²³⁴ *Ibid.*

²³⁵ *Ibid.*, bab *Tafsīr Sūrah Wa al-Layl Idhā Yaghshā*, no. hadith 3940, 2: 571.

²³⁶ *Ibid.*

²³⁷ *Ibid.*, no. hadith 3941, 572.

²³⁸ *Ibid.*, bab *Kitāb al-Aḥkām*, no. hadith 7011, 4: 101.

²³⁹ *Ibid.*

secara bersambung sanad daripada ‘Ubaidillāh melainkan oleh Ibn Abī al-Mawāl.²⁴⁰ Dalam erti kata lain, Imam al-Ṭabrānī berpendapat bahawa kesemua riwayat hadith ini daripada periwayatnya ‘Ubaidillāh adalah terputus sanad. Hadith yang terputus sanad tidak boleh dijadikan hujah. Satu-satunya jalan periwayatan hadith ini yang bersambung rantaian sanadnya ialah dari jalan Ibn Abī al-Mawāl daripada gurunya ‘Ubaidillāh.

Hadith Kedua: Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *Mu’jam al-Kabīr*. Imam al-Ṭabrānī tidak menyatakan komentar beliau terhadap hadith ini. Jika diperhatikan, hadith yang diriwayatkan di dalam *Mu’jam al-Kabīr* ini adalah sama dalam semua sudut jika dibandingkan dengan apa yang beliau telah riwayatkan di dalam *al-Mu’jam al-Awsat*. Oleh yang demikian itu, hadith ini juga telah diriwayatkan secara bersambung sanad.

Hadith Ketiga: Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *Mu’jam al-Kabīr*. Akan tetapi beliau tidak menyatakan sebarang komentar terhadap hadith ini. Sekiranya diperhatikan, terdapat perbezaan dan pertambahan lafaz di dalam hadith ini jika dibandingkan dengan versi-versi terdahulu. Periwayat tertinggi di dalam hadith ini juga bukanlah Sayyidatinā ‘Āisyah r.a sebagaimana versi-versi terdahulu, akan tetapi seseorang yang lain yang bernama ‘Amrū bin Sa’wā’ al-Yāfi’ī.

- iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Jāmi’ al-Kabīr* dengan empat versi.

Hadith pertama: Imam al-Suyūṭī telah mentakhrijkan hadith ini dan mengisyaratkan bahawa ia telah diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabrānī di dalam *Mu’jam al-Kabīr* daripada ‘Amrū bin Saghwā al-Yāfi’ī. Imam al-Suyūṭī

²⁴⁰ Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsat*, 2: 186.

memetik kata-kata al-Haythamī bahawa di dalam rantaian sanad periwayatan hadith ini terdapat Ibn Lahi'ah yang merupakan seorang yang *dha'if* dan Abū Ma'syar al-Humayrī yang tidak pernah beliau lihat sesiapapun menyebutkan nama itu.²⁴¹

Hadith Kedua: Imam al-Suyūtī telah mentakhrijkan hadith ini dan mengisyaratkan bahawa ia telah diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī, al-Ḥākim, Abū Nu'aym di dalam *al-Hilyah*, al-Ṭabrānī, al-Bayhaqī di dalam *Syu'ab al-Imān* daripada riwayat ‘Āisyah R.A. Manakala al-Ḥakim meriwayatkannya daripada ‘Alī bin al-Ḥassan daripada bapanya daripada datuknya. Pada hadith ‘Āisyah r.a, Imam al-Suyūtī memetik kata-kata al-Haythamī bahawa di dalam rantaian sanad periwayatan hadith ini terdapat ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Rahmān bin Mawhib yang menurut Ya’qūb bin Syaibah padanya terdapat kelemahan. Yaḥyā Ibn Ma’īn turut mendā'iñkan beliau pada suatu riwayat dan melebelkan beliau sebagai *thiqah* pada satu riwayat yang lain. Menurut Abū Ḥātim, ‘Ubaydillāh dikatagorikan sebagai *sālih al-hadīth*. Malah, Ibn Ḥibbān mengklafikasikan beliau sebagai *thiqah*. Adapun baki para periyawat hadith yang lain, kesemuanya dikatagorikan sebagai *sahīh*.²⁴²

Hadith Ketiga: Imam al-Suyūtī telah mentakhrijkan hadith ini dan mengisyaratkan bahawa ia telah diriwayatkan oleh al-Dāraquṭnī di dalam *al-Afrād*, al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam *al-Muttafiq Wa al-Muftariq* daripada ‘Alī. Menurut al-Dāraquṭnī, hadith ini *gharīb* dari hadith yang diriwayatkan oleh Al-Thawrī dari Zayd bin ‘Alī bin al-Hussayn di mana Abū Qatādah al-Ḥarrānī menjadi hanya satu-satunya periyawat tunggal yang meriwayatkan daripadanya.²⁴³

²⁴¹ Al-Suyūtī, *al-Jāmi’ al-Kabīr*, bab *Harf al-Ṣīn*, no. hadith 14702, 5: 233.

²⁴² *Ibid.*, no. hadith 14716, 242.

²⁴³ *Ibid.*, no. hadith 14726, 245-246.

- iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī di dalam *al-Jāmi'*. Menurut Abu ‘Isa al-Tirmidhī, ‘Abd al-Rahman Ibn Abī al-Mawāl meriwayatkan hadith ini dengan lafaz demikian daripada ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Rahmān bin Mawhib daripada ‘Amrah daripada ‘Āisyah R.A daripada Nabi Muhammad S.A.W. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Sufyān al-Thawrī, Ḥafs bin Ghayāth dan seseorang yang lain daripada ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Rahmān bin Mawhib daripada ‘Ali bin Hussayn daripada Nabi Muhammad S.A.W secara *mursal* dan inilah yang lebih *sahīh*.²⁴⁴
- v. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*. Al-Khaṭīb al-Baghdādī memberikan komentar beliau terhadap hadith ini dengan memetik kata-kata Abū al-Hassan. Menurut Abū al-Hassan, hadith ini *gharīb* dari hadith yang diriwayatkan oleh al-Thawrī dari Zayd bin ‘Alī bin al-Hussayn di mana Abū Qatādah al-Harrānī menjadi hanya satu-satunya periyat tunggal yang meriwayatkan daripadanya. Menurut al-Khaṭīb al-Baghdādī lagi, hadith ini tidak ditulis melainkan dari wajah ini sahaja.²⁴⁵
- vi. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam *al-Majrūḥīn*. Hadith ini dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān ketika memberi *turjumah* ke atas Aḥmad bin al-‘Abbās bin ‘Īsā bin Hārūn bin Sulaymān Abū Bakr al-Hāsyimī yang juga dikenali sebagai suami Umm Mūsā. Menurut Ibn Ḥibbān, Aḥmad bin al-‘Abbās ini mencampur aduk *khabar-khabar* dan bermasalah *wahm* yang sangat teruk di dalam meriwayatkan *athar* di samping turut mencampur adukkannya. Menurut Ibn Ḥibbān lagi, Aḥmad bin al-‘Abbās ini tidak boleh dijadikan hujah. Pernah Ibn Ḥibbān meminta beliau menuliskan hadith, lalu beliau menulis hadith-hadith

²⁴⁴ Al-Tirmidhī, *al-Jāmi'*, 8: 50.

²⁴⁵ Al-Khaṭīb Al-Baghdādī, *al-Muttafiq Wa al-Muftariq*, 1: 214.

yang bercampur aduk.²⁴⁶ Di antara hadith yang bercampur aduk tersebut ialah hadith di atas.

Al-Dhahabī turut mengkritik hadith versi riwayat Ibn ‘Abbās ini di dalam karya *Mīzān al-I’tidāl*. Beliau memetik kata-kata Ibn Ḥibbān terhadap Aḥmad bin al-‘Abbās Abū Bakar al-Hāsyimī yang merupakan antara individu yang terdapat di dalam rantai sanad hadith versi tersebut. Beliau meriwayatkan daripada Muḥammad bin ‘Abd A’lā. Menurut Ibn Ḥibbān, Aḥmad bin al-‘Abbās tidak boleh dijadikan hujjah. Beliau banyak mereka hadith dan di antaranya adalah hadith ini. Al-Dhahabī juga mengisyaratkan bahawa Ibn ‘Adi turut meriwayatkan hadith ini daripada Aḥmad bin al-‘Abbās. Beliau berpendapat bahawa Aḥmad bin al-‘Abbās banyak meriwayatkan hadith-hadith *munkar*.²⁴⁷ Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam *Lisān al-Mīzān*.²⁴⁸ Menurut al-Dhahabī lagi, hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidatinā ‘Āisyah r.a berstatus *mursal*. Beliau memetik pendapat Abū Zur’ah yang berpendapat terdapat kesalahan pada rantai sanad tersebut. Sepatutnya Ibn al-Mawhib meriwayatkan daripada ‘Alī bin al-Hassan.²⁴⁹

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun segala *syāhid* yang didatangkan tersebut, kesemuanya bermasalah menurut jumhur kecuali tiga versi hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim.

²⁴⁶ Ibn Ḥibbān, *al-Majrūhīn*, 1: 169.

²⁴⁷ Al-Dhahabī, *Mīzān al-I’tidāl*, no. hadith 419, 1: 106.

²⁴⁸ Dinukil Ibn Ḥajar dalam *Lisān al-Mīzān*, bab *Man Ismuhi Ahmad*. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar Al-‘Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, (t.tp., Maktabah al-Maṭbū’at al-Islāmiyyah, 2002), 1: 489-490.

²⁴⁹ Al-Dhahabī, *Mīzān al-I’tidāl*, no. hadith 4985, 2: 592-593.

3.6 Bab *Subā'i*

3.6.1 Hadith Pertama

عن أبي هريرة (رضي الله عنه) عن النبي ﷺ :
«سبعة نفر يظلمون الله يوم القيمة تحت ظل عروشه يوم لا ظيل إلا ظله أو لهم : إمام عادل ، وشاب نشا في عبادة الله تعالى ، ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه دمعا من خشية الله تعالى ، ورجل قلب متصلق بالمسجد حتى يرجع إليه ، ورجل تصدق بصدقة فلم تعلم شمالة بما صنعت يمينه ، ورجلان تحابا في الله ، ورجل دعنته امرأة ذات جمال إلى نفسها فأبى وقال إني أخاف الله تعالى » .

Sanad Hadith:

Sanad hadith sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam karya *al-Jāmi' al-Sahīh*:

حدثنا محمد بن سلام أخبرنا عبد الله بن عبيد الله بن عمر عن خبيب بن عبد الرحمن عن حفص بن

العاصم عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم.²⁵⁰

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui di dalam mana-mana karya setakat ini.

Namun, lafaz yang masyhur dan berstatus *sahīh* adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam karya *al-Jāmi' al-Sahīh* dengan lafaz berikut:

²⁵⁰ Hadith riwayat al-Bukhārī, bab *Ṣadaqah Bi al-Yamīn*, no. hadith 1423. Lihat al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, 192.

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال سبعة يظلمهم الله يوم القيمة في ظله يوم لا ظل إلا ظله إمام عادل وشاب نشأ في عبادة الله ورجل ذكر الله في خلاء ففاضت عيناه ورجل قلبه معلق في المسجد ورجلان تحابا في الله ورجل دعته امرأة ذات منصب وجمال إلى نفسها قال إني أخاف الله ورجل تصدق بصدقة فأخفاها حتى لا تعلم شماليه ما صنعت يمينه.²⁵¹

Analisis Hadith:

Walaupun penulis mengandaikan bahawa pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* meriwayatkan hadith ini dengan makna, namun terdapat banyak perselisihan antara lafaz pengarang dan lafaz *al-Bukhārī*, dari sudut pertambahan kalimah dan susun atur kedudukan lafaz hadith.

Status Hadith:

Hadith yang dinukilkan oleh pengarang *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini mempunyai sifat *maqlūb* pada lafaznya. Hadith *maqlūb* merupakan sebahagian daripada hadith hadith *da’if*.

3.6.2 Hadith Kedua

وقال النبي ﷺ عليه السلام :

« الدُّنْيَا دَارٌ مَنْ لَا دَارَ لَهُ ، وَمَالٌ مَنْ لَا مَالَ لَهُ ،
وَهَا يَجْمِعُ مَنْ لَا عُقْلَ لَهُ ، وَيَشْتَغِلُ بِشَهْوَتِهَا مَنْ لَا فَهْمَ لَهُ»

²⁵¹ Ibid.

وَعَلَيْهَا يَعِاقِبُ^{١١} مَنْ لَا عِلْمَ لَهُ، وَلَهَا يَحْسُدُ مَنْ لَا لَبْ
لَهُ، وَلَهَا يَسْعى مَنْ لَا يَقِينَ لَهُ .

Sanad Hadith:

Sanad hadith sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad di dalam *al-Musnad*.

حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا حسين بن محمد قال ثنا ذؤيد عن أبي إسحاق عن زرعة عن عائشة قالت
قال رسول الله صلى الله عليه وسلم.²⁵²

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi ada lafaz lain yang dijumpai seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Ghazālī di dalam *al-Iḥyā'* dengan lafaz berikut:

وقال صلی اللہ علیہ وسلم: إن الدنيا دار من لا دار له ومال من لا مال له ولها يجمع من لا عقل له
وعليها يعادى من لا علم له وعليها يحسد من لا فقه له ولها يسعى من لا يقين له.²⁵³

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr* dengan lafaz berikut:

الدنيا دار من لا دار له ومال من لا مال له ولها يجمع من لا عقل له.²⁵⁴

²⁵² Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*, ed. Syu'aib al-Arnāūṭ *et. al.*, no. hadith 24419, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 40: 480.

²⁵³ Al-Ghazālī, *al-Iḥyā'*, 3: 203.

²⁵⁴ Al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, no. 10804, 3: 705.

Menurut Imam al-Suyūtī, hadith ini diriwayatkan oleh Imam Aḥmad di dalam *al-Musnad*, al-Syīrāzī di dalam *al-Alqāb*, al-Daylāmī dan al-Baihaqī di dalam *Syu'ab al-Īmān* daripada riwayat Ā'isyah dan Ibn Mas'ūd.²⁵⁵

iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad di dalam *al-Musnad* dengan lafaz berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي ثَنَاءَ حَسِينَ بْنَ مُحَمَّدٍ قَالَ ثَنَا ذُوِيدُ عَنْ أَبِي إِسْحَاقِ عَنْ زَرْعَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْدُّنْيَا دَارٌ مَنْ لَا دَارٌ لَهُ وَلَمَا يَجْمِعَ مَنْ لَا عَقْلٌ لَهُ.²⁵⁶

Analisis Hadith:

Menurut Imam al-Suyūtī, hadith riwayat Ibn Mas'ud berstatus *mawqūf*. Memetik pendapat al-Haythamī, para periyat hadith dari riwayat Ā'isyah ini kesemuanya *sahīh* dan *thiqah*. Memetik pendapat al-Munāwī pula, al-Mundhiri dan al-'Irāqī berpendapat bahawa rantaian sanad hadith dari riwayat Ibn Mas'ūd pula berstatus baik.²⁵⁷

Menurut Syeikh Syu'aib al-Arnāūṭ, hadith yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad mempunyai rantaian sanad yang lemah.²⁵⁸ Tetapi, Imam al-Sakhāwī pula berpendapat bahawa kesemua periyat hadith ini *thiqah*.²⁵⁹

Menurut al-Albānī pula, hadith yang diriwayatkan daripada Ā'isyah ini berstatus *munkar*, lantaran sanadnya lemah. Manakala hadith Ibn Mas'ūd pula berstatus lemah disebabkan '*illah mu'dal*', walaupun rantaian sanadnya bagus. Hal ini kerana terdapat

²⁵⁵ *Ibid.*

²⁵⁶ Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 40: 480.

²⁵⁷ Al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, 1: 12567.

²⁵⁸ Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 480-481.

²⁵⁹ Al-Sakhāwī *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, no. hadith 494, 217.

beberapa keguguran nama periwayat pada jalan periwayatannya. Terdapat juga beberapa orang perawi yang *majhūl* di dalamnya.²⁶⁰

Status Hadith:

Hadith ini berstatus lemah. Demikian kerana teks hadith sebegini tidak ditemui di dalam kitab hadith muktabar, melainkan hanya ditemukan di dalam kitab *al-Iḥyā'*. Adapun hadith sokongan, sekalipun *isnādnya* baik, namun hadith Ibn Mas'ūd berstatus *mawqūf*. Hadith Ā'isyah pula, jalan periwayatannya lemah menurut pendapat Syeikh Syu'aib al-Arnāūṭ dan pendapat ini turut disokong oleh Syeikh al-Albānī.

3.6.3 Hadith Ketiga

وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ^(٢٢) (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ :
«مَا زَالَ يُوصِينِي جَبْرائِيلُ^(٣) بِالْجَارِ حَتَّىٰ ظَنِنتُ أَنَّهُ يُجْعِلُهُ وَارِثًا ، وَمَا زَالَ يُوصِينِي بِالنِّسَاءِ حَتَّىٰ ظَنِنتُ أَنَّهُ سِحْرٌ مُطْلَقٌ ، وَمَا زَالَ يُوصِينِي بِالْمَلُوكِينَ حَتَّىٰ ظَنِنتُ أَنَّهُ يُجْعِلُ لَهُمْ وَقْتًا يُعْتَقُونَ فِيهِ ، وَمَا زَالَ يُوصِينِي بِالسُّوَالِكَ حَتَّىٰ ظَنِنتُ أَنَّهُ فَرِيْضَةٌ ، وَمَا زَالَ يُوصِينِي

²⁶⁰ Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Da'iṣah*, no. hadith 1933, 4: 405-406.

بالصلوة في الجماعة حتى ظننت أنه لا يقبل الله تعالى صلاة إلا في الجماعة، وما زال يوصيني بقيام الليل حتى ظننت أنه لا نوم بالليل، وما زال يوصيني بذكر الله حتى ظننت أنه لا ينفع قول إلا به.

Sanad Hadith:

Setakat ini, penulis tidak berjaya menemukan rantaian sanad hadith dengan lafaz di atas.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak menjumpai sebarang hadith dengan lafaz yang panjang ini dari mana-mana karya. Akan tetapi terdapat beberapa potong hadith lain yang membawa makna yang hampir kepada hadith di atas. Hadith tersebut adalah seperti berikut:

i. عن عائشة رضي الله عنها عن النبي صلى الله عليه وسلم قال ما زال يوصيني جبريل بالجار حتى

²⁶¹ ظننت أنه سيورثه.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukārī di dalam *al-Jāmi' al-Sahīh* daripada riwayat Ā'isyah. Beliau turut meriwayatkan hadith dengan lafaz yang hampir sama daripada Ibn 'Umar.

ii. ما زال جبريل يوصيني بالجار حتى ظننت أنه يورثه و ما زال يوصيني بالملوك حتى ظننت أنه يضرب

له أحلا أو وقتا إذا بلغه عتق.

²⁶¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, bab *al-Wisāh Bi al-Jār*, no. hadith 6014. Lihat al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, 840.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Suyūtī di dalam *al-Jāmi' al-Ṣaghīr* juga daripada riwayat Ā'isyah. Menurut al-Albānī, hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī.²⁶²

.iii . عن ابن عباس ، رضي الله عنهمَا ، قال : قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ما زال جبريل

يوصيني بالملوكين حتى ظنت أنه سيجعل لهم حَدًّا إذا بلغوا عتقوا ، وما زال يوصيني بالنساء حتى

ظنت أنه سيحرم طلاقهن.²⁶³

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad bin Abī Bakr bin Ismail al-Buṣairī di dalam *Ithāf al-Khairah al-Mahrah* melalui riwayat Aḥmad bin Manī' daripada Ibn 'Abbās.

.iv . ما زال جبريل يوصيني بقيام الليل حتى ظنت أن خيار أمتي لن يناموا إلا قليلا.²⁶⁴

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Suyūtī di dalam *al-Jāmi' al-Kabīr*. Menurut beliau, hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Daylami daripada riwayat Ānas.

.v . ما زال جبريل يوصيني بالسواك حتى خفت على أضراسي.²⁶⁵

Hadith Umm Salāmah ini diriwayatkan oleh al-Haythamī di dalam *Majma' al-Zawā'id*.

Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Ṭabarānī di dalam *Mu'jam al-Kabīr*.

Analisis Hadith:

Apa yang jelas, setakat penulisan ini ditulis, penulis tidak berjaya menemukan sebarang hadith panjang dengan lafaz di atas. Adapun hadith yang yang penulis datangkan, hadith riwayat Imam al-Bukhārī berstatus *sahīh* tanpa ragu. Kesahihan ini turut diakui oleh al-

²⁶² Al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, 24: 355.

²⁶³ Al-Buṣairī, *Ithāf al-Khairah al-Mahrah*, bab *Kitab al-Imārah*, no. hadith 5077, 5: 489.

²⁶⁴ Al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, no. 18931, 7: 618.

²⁶⁵ Al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id*, Bab *Mā Jāa Fī Siwāk*, 2: 99.

Albānī. Manakala hadith Imam al-Suyūtī dihukumkan sebagai lemah oleh al-Albānī.²⁶⁶

Menurut Aḥmad bin Abī Bakr bin Ismāīl al-Buṣayrī, hadith Ibn ‘Abbās memiliki sanad yang lemah, disebabkan sebahagian periyatnya berstatus *majhūl*.²⁶⁷ Menurut al-Haythamī, hadith Umm Salāmah diriwayatkan oleh periyat berstatus *thiqah* kesemuanya, walaupun terdapat percanggahan ulama tentang status *thiqah* mereka.

Status Hadith:

Penulis tidak berjaya menemukan hadith dengan lafaz di atas.

3.6.4 Hadith Keempat

وقال النبي عليه السلام :
«سبعة لا ينظر إليهم الخالق يوم القيمة ولا
يُزكيهم ويدخلهم النار :
«الفاعل»، والمفعول به، والناكح بيده، وناكح
البهيمة، وناكح المرأة من دبرها، والجامع بين المرأة
وابنتيها، والزاني بخليفة جاره، والمؤذن جاره حتى
يُلعنَّه ». .

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya. Adapun sanad hadith yang dinukilkan al-Albānī di dalam *al-Manār al-Sabil* adalah seperti berikut:

²⁶⁶ Al-Suyūtī, *al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*, 24: 355.

²⁶⁷ Al-Buṣayrī, *Ithāf al-Khairah al-Mahrah*, 5: 489.

حدثني على بن ثابت الجزرى عن مسلمة بن حعفر عن حسان بن حميد عن أنس بن مالك عن النبي صلى الله عليه وسلم.²⁶⁸

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi terdapat beberapa lafaz lain yang dijumpai sebagaimana yang dinukilkan oleh Syeikh al-Albānī di dalam *takhrij* beliau ke atas karya *Manār al-Sabīl* karangan Ibn Ḥuyān Ibrāhīm bin Muḥammad bin Sālim (m.1353H). Hadith tersebut adalah seperti berikut:

حدثني على بن ثابت الجزرى عن مسلمة بن حعفر عن حسان بن حميد عن أنس بن مالك عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "سبعة لا ينظر الله عز وجل إليهم يوم القيمة ولا يذكرهم ، ولا يجمعهم مع العالمين ، ويدخلهم النار أول داخلين ، إلا أن يتوبوا ، إلا أن يتوبوا ، فمن تاب تاب الله عليه : الناكح يده ، و الفاعل و المفعول به ، و مدمن الخمر ، و الضارب أبويه حتى يستغينا ، و المؤذى جيرانه حتى يلعنونه ، و الناكح حليلة جاره".²⁶⁹

Hadith di atas diriwayatkan oleh al-Ḥassan bin ‘Arfah di dalam *juz'* beliau di dalam bab *fī tahrīm al-istimnā*’ bi al-yad. Hadith ini disokong oleh sebuah hadith yang lain sebagai *syāhidnya*.

Hadith tersebut diriwayatkan oleh ‘Abdullāh bin Amrū secara *marfū* dengan lafaz (مدمن الخمر والضارب أبويه حتى يستغينا والناكح حليلة جاره) seperti di atas kecuali pada lafaz (ناكح البهيمة والجامع بين المرأة وابتها والناكح للمرأة في ذرها).

Menurut Syeikh al-Albānī, hadith *syāhid* ini diriwayatkan oleh Abū al-Syeikh di dalam *majlis*

²⁶⁸ Al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl Fī Takhrij Ahādīth Manār al-Sabīl*, no. hadith 2401, (Riyadh: Maktabah al-Islāmī, 1979), 8: 58.

²⁶⁹ *Ibid.*

min ḥadīth karya beliau dan Ibn Bisyrān di dalam karya *al-Amālī* dari jalan ‘Abd al-Rahmān bin Ziyād al-Afriqī daripada ‘Abd al-Rahmān al-Ḥalabī daripada beliau.²⁷⁰

Analisis Hadith:

Menurut al-Albānī, hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥassan bin ‘Arfaḥ diriwayatkan dengan rantaian sanad yang lemah dan ‘illahnya adalah pada periwayat yang bernama Maslamah bin Ja’far. Al-Albānī menukilkhan kata-kata al-Dhahabī yang berpendapat bahawa al-Ḥassan bin ‘Arfaḥ dan gurunya tidak dikenali. Menurut al-Azdi pula, al-Ḥassan adalah seorang yang berstatus lemah.²⁷¹ Adapun hadith *syāhid*, al-Albānī turut berpendapat bahawa rantaian sanad periwayatan hadith tersebut berstatus lemah disebabkan kewujudan periwayat bernama ‘Abd al-Rahmān yang juga dikenali sebagai Ibn Ziyād bin An’am Afriqī yang merupakan seorang yang berstatus lemah.²⁷²

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun segala *syāhid* yang didatangkan tersebut, kesemuanya berstatus lemah.

²⁷⁰ *Ibid.*

²⁷¹ *Ibid.*

²⁷² *Ibid.*, 59.

3.6.5 Hadith Kelima

وقال النبي ﷺ :
« الشهداء سبعة سوى المقتول في سبيل الله، أو هم:
المبطون ^{١)} شهيد ، والغريق شهيد ، وصاحب ذات
الجنب ^{٢)} شهيد ، والمطعون شهيد ، والحريق شهيد ،
والبيت تحت الهدم شهيد، والمرأة التي ماتت عن الولادة ^{٣)}
شهيد » .

Sanad Hadith:

Sanad hadith sebagaimana yang diriwayatkan Imam Mālik di dalam *al-Muwatṭa'* adalah seperti berikut:

روى مالك عن عبد الله بن عبد الله بن جبار بن عتيك أن رسول الله صلى الله عليه

²⁷³ وسلم.

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi, terdapat satu lafaz lain yang dijumpai sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Mālik di dalam *al-Muwatṭa'* sebagaimana berikut:

²⁷³ Hadith riwayat Imam Mālik dalam *al-Muwatṭa'*, bab *al-Nahyu 'An al-Bukā'* '*Alā al-Mayyit*', no. hadith 36. Lihat Mālik bin Anas, *al-Muwatṭa'*, ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1985), 2: 233-234.

الشهداء سبعة سوى القتل في سبيل الله المطعون والغرق وصاحب ذات الجنب والمبطون والحرق والذي يموت تحت المدم والمرأة تموت بجمع.²⁷⁴

Analisis Hadith:

Imam al-Munāwī di dalam *Fayd al-Qadīr* memetik pendapat Imam al-Nawāwī berkata, “Hadith ini berstatus *sahīh*, walaupun ia tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim di dalam karya *al-Sahīh* mereka.²⁷⁵ Al-Albānī di dalam karyanya *Aḥkām al-Janāiz* turut berpendapat sedemikian. Beliau menukilkan pendapat al-Hākim dan al-Dhahabī yang berpendapat hadith ini mempunyai sanad yang *sahīh*. Hadith ini juga mempunyai *syāhid* yang banyak. Walaupun statusnya hadith *syāhid* tersebut berbeza-beza, namun ia tidak menjelaskan status hadith ini, lantaran kesahihannya dan tersokong hadith *syāhid* yang banyak.²⁷⁶

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun lafaz yang diriwayatkan oleh Imam Mālik seperti yang didatangkan tersebut berstatus *sahīh*.

²⁷⁴ *Ibid.*

²⁷⁵ Al-Munāwī, *Fayd al-Qadīr*, no. hadith 4952, 4: 178-179.

²⁷⁶ Al-Albānī, *Aḥkām al-Janāiz*, (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, 1993), 54-55.

3.7 Bab *Thumāni*

3.7.1 Hadith Pertama

قال النبي عليه السلام :
« ثمانية أشياء لا تشبع من ثمانية :
العينُ من النظر ، والأرضُ من المطر ، والأنثى
من الذكر ، والعالم من العلم ، والسائلُ من المسئلة ،
والحريرص من الجمْع ، والبحر من المساء ، والنار من
الخطب ». .

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi ada beberapa lafaz lain yang dijumpai seperti berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan oleh Al-'Uqaylī di dalam *Al-Du'afā'* seperti berikut:

حدثنا عبد الله بن أحمد قال : حدثنا محمد بن الحسن بن زبالة قال : حدثنا عبد الله بن محمد بن عجلان

، عن أبيه ، عن جده ، عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : أربع لا يشبعن من أربع

: أرض من مطر ، ولا أنثى من ذكر ، ولا العين من النظر ، ولا العالم من العلم.²⁷⁷

²⁷⁷ Dinukil al-'Uqaylī dalam *al-Du'afā'*, no. hadith 871. Lihat Muḥammad bin 'Amr bin Mūsā bin Ḥammād al-'Uqaylī, *al-Du'afā'*, ed. Ḥamdi bin 'Abd al-Majid al-Salafi, (Riyadh: Dār al-Samī'i, 2000), 4: 689.

- ii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Lālī al-Maṣnū’ah* daripada Abū Nu’aym dengan lafaz berikut:

حدثنا محمد بن محمد بن مكي حدثنا محمد بن عمرو بن هشام حدثنا أحمد بن يوسف حدثنا عمر بن عبد الله بن رزين عن محمد يعني ابن الفضل عن التميمي عن ابن سيرين عن أبي هريرة مرفوعاً أربع لا يشبعن من أربع أرض من مطر وأثنى من ذكر وعين من نظر وعالم من علم.²⁷⁸

- iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ibn al-Jawzī di dalam *al-Mawdū’āt* dengan jalan yang sama tetapi lafaznya sedikit berbeza daripada yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym:

حدثنا أحمد بن يوسف قال حدثنا عمر بن عبد الله بن رزين عن محمد يعني ابن الفضل عن التميمي عن ابن سيرين عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : أربع لا يشبعن من أربع: أرض من مطر، وأثنى من ذكر، وعالم من علم، وعين من نظر.²⁷⁹

- iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Lālī al-Maṣnū’ah* daripada Ibn ‘Adī dengan lafaz berikut:

حدثنا عمر بن سنان حدثنا عباس بن الوليد الخلال حدثنا عبد السلام بن عبد القدوس عن هشام بن عروة عن أبيه عن عائشة مرفوعاً أربع لا يشبعن من أربع أرض من مطر وأثنى من ذكر وعين من نظر وطالب علم من علم.²⁸⁰

- v. Hadith yang diriwayatkan juga oleh Imam al-Suyūṭī di dalam *al-Lālī al- Maṣnū’ah* yang dipetik daripada al-Kharā’itī di dalam *I’tilāl al-Qulūb* dengan lafaz berikut:

²⁷⁸ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū’ah*, 1: 210.

²⁷⁹ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū’āt*, no. 464, 1: 385.

²⁸⁰ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū’ah*, 1: 210.

حدثنا نصر بن داود الجلخني حدثنا بكر بن بكار حدثنا أبو معاشر عن محمد بن كعب القرطي قال ثلاث
لا يشبعن أرض من مطر وانشى من ذكر إذا كانت تحبه وطالب علم من علم.²⁸¹

Analisis Hadith:

Al-‘Uqaylī menyatakan hadith ini di dalam *al-Du’afā’ al-Kabīr* ketika memberi *turjumah* ke atas individu bernama ‘Abdullāh bin Muḥammad bin ‘Ajlān Madanī. Menurut al-‘Uqaylī, ‘Abdullāh bin Muḥammad ini adalah seorang yang berstatus *munkar al-hadīth*, dua buah hadith beliau tidak boleh diikuti,²⁸² dan salah satunya adalah hadith di atas. Menurut Imam al-Suyūṭī, hadith ini berstatus palsu. Muḥammad bin al-Faḍl adalah pendusta. Menurut Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin al-Faḍl meriwayatkan hadith-hadith palsu daripada meriwayatkan hadith-hadith yang sabit. Ibn Zubālah adalah berstatus *matrūk*. ‘Abbās meriwayatkan *al-‘ajā’ib*, manakala ‘Abd al-Salām pula meriwayatkan hadith-hadith palsu. Menurut Imam al-Suyūṭī lagi, Imam al-Tirmidhī dan Ibn Mājah telah mengambil riwayat daripada Muḥammad bin al-Faḍl manakala Abu Dāwūd pula telah mengambil riwayat daripada Ibn Zubālah. Ibn Mājah juga telah mengambil riwayat daripada ‘Abbās bin al-Walīd. Abū Ḥātim mengkategorikan beliau sebagai *syeikh*.²⁸³

Kata Imam al-Suyūṭī lagi, menurut Ibn ‘Adī, hadith ini adalah berstatus *munkar* dari jalan riwayat dari Hisyām kerana beliau tidak meriwayatkannya kepada selain ‘Abd al-Salām. Menurut Ibn Tāhir di dalam *Tadhkīrah al-Huffāẓ* pula, hadith ini diriwayatkan oleh Ḥussain bin ‘Ulwān al-Kūfī dari Hisyām dan Ḥussayn bin ‘Ulwān adalah seorang pemalsu hadith. Manakala ‘Abd al-Salām pula boleh jadi beliau mencuri hadith ini daripada Ḥussayn bin ‘Ulwān kerana beliau lebih masyhur daripada Ḥussayn. Abū

²⁸¹ *Ibid.*

²⁸² Al-‘Uqaylī, *al-Du’afā’*, 4: 689.

²⁸³ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū’ah*, 1: 210.

Nu’aym mengkritik hadith pertama dengan status *gharib* dari hadith versi riwayat Muḥammad dan hadith versi riwayat Sulaymān bin Ṭarkhān al-Tamīmī di mana Muḥammad bin al-Faḍl atau nama sebenarnya Muḥammad bin ‘Aṭiyyah adalah merupakan satu-satunya individu yang meriwayatkan hadith ini daripada beliau. Beliau hanya menulis hadith daripada versi riwayat ‘Umar bin ‘Abdullāh bin Razīn yang merupakan kadi Naysābūr yang dikategorikan Abū Nu’aym sebagai *thabat thiqah*.²⁸⁴

Menurut Ibn al-Jawzī di dalam *al-Mawdū’āt*, hadith Sayyidatinā ‘Āisyah tidak sah riwayatnya daripada Rasulullah S.A.W.²⁸⁵ Di dalam rantaian sanadnya terdapat periwayat yang bernama ‘Abbās bin al-Walīd yang menurut Ibn Ḥibbān beliau tidak boleh dijadikan hujjah dan tidak boleh dituliskan hadith beliau melainkan untuk tujuan iktibar. Manurut Ibn Ḥibbān lagi, hadith ini palsu. Al-‘Uqaylī pula berpendapat bahawa hadith ini tidak diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W melalui jalan yang sabit.²⁸⁶

Adapun hadith kedua di dalam senarai penulis, Ibn al-Jawzī berpendapat bahawa Muhammad bin al-Faḍl meriwayatkannya semata-mata secara berseorangan dan Imam Aḥmad bin Ḥanbal, Yaḥyā, al-Sa’dī dan al-Fallās mengkritik beliau sebagai *laitha bi syai’*, hadithnya adalah hadith golongan pendusta. Imam al-Nasā’ī pula mengkatagorikan Muhammad bin al-Faḍl sebagai *matrūk al-hadīth*. Menurut Ibn Hibban pula, beliau meriwayatkan hadith-hadith palsu daripada meriwayatkan hadith-hadith yang sabit. Hadithnya tidak boleh ditulis melainkan untuk iktibar sahaja.²⁸⁷

Berkenaan hadith yang diriwayatkan oleh al-‘Uqaylī, Ibn al-Jawzī memetik pendapat Yaḥyā bahawa salah seorang periwayat hadith ini iaitu Ibn Zubālah adalah seorang yang

²⁸⁴ *Ibid.*

²⁸⁵ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū’āt*, 385.

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ *Ibid.*

penipu dan tidak *thiqah*. Imam al-Nasā'ī juga mengkategorikan Ibn Zubālah sebagai *matrūk al-hadīth*.²⁸⁸

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun segala *syāhid* yang didatangkan tersebut, kesemuanya berstatus palsu.

3.8 Bab *Tusā'i*

3.8.1 Hadith Pertama

قال النبي ﷺ :

«أوحى الله تعالى إلى موسى بن عمران في التوراة أن أمهات الخطايا ثلاثة : الكبير ، والحسد ، والحرص ؛ فنشأ منها ستة فصيرون تسعة : الأولى من الستة الشبّع ، والنوم ، والراحة ، وحب الأموال ، وحب الثناء ، والحمدة ، وحب الرياسة ». .

Sanad Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui rantaian sanadnya.

²⁸⁸ *Ibid.*

Takhrij Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui. Akan tetapi terdapat satu lafaz lain yang dijumpai seperti berikut:

حدثنا أحمد بن جعفر بن عبد ، ثنا يحيى بن مطرف ، ثنا علي بن قرين ، ثنا جعفر بن سليمان ، ثنا فرقان ، قال : قرأت في التوراة : أمهات الخطايا ثلاثة ، أول ذنب عصي الله به الكبير ، والحسد ، والحرص ، فاستل من هؤلاء الثلاث ست فصار تسعا : الشبع ، والنوم ، والراحة ، وحب المال ، وحب الجمال ، وحب الرئاسة .

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym al-Asbahānī di dalam *Dhikr Akhbār Asbahān*²⁸⁹, al-Mizzī di dalam *Tahdhīb al-Kamāl*²⁹⁰ dan Imam al-Dhahabī di dalam *Tārīkh al-Islām*.²⁹¹

Analisis Hadith:

Jika diperhatikan, lafaz hadith yang ditemui ini bukanlah hadith Rasulullah S.A.W sebagaimana yang dinyatakan di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Sebaliknya ia adalah merupakan kata-kata yang disandarkan individu yang bernama Farqad dan tidak bersambung rantaian sanadnya hingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Ini dinyatakan di dalam ketiga-tiga karya rujukan di mana Abū Nu'aym, al-Mizzī dan al-Dhahabī menyandarkan kata-kata ini kepada beliau.

²⁸⁹ Dinukil Abū Nu'aym dalam bab *Man Ismuhu 'Alī*. Lihat Ahmad bin 'Abdullāh al-Asbahānī, *Dhikr Akhbār Asbahān*, (t.t., Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 2: 4.

²⁹⁰ Jamāl al-Dīn Abī al-Hajjāj Yūsuf Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fi Asma' al-Rijal*, ed. Dr. Basyār 'Awwād Ma'rūf, bab *Man Ismuhu Farj Wa Farqad Wa Farūkh Wa Farwah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1983), 23: 168.

²⁹¹ Al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām Wa Wafayāt al-Masyāhir Wa al-A'lām*, ed. Dr. 'Umar 'Abd al-Salām al-Tadmūrī, bab *Man Ismuhu Farqad al-Sabkī*, (Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arabi, 1987), 8: 201-202.

Abū Nu’aym menukilkan kata-kata ini ketika memberi *turjumah* kepada salah seorang periyatnya yang bernama ‘Alī bin Qarīn. Menurut Abū Nu’aym, nama penuh beliau ialah ‘Alī bin Qarīn bin Nayhasy. Beliau mengambil riwayat daripada Khālid bin ‘Abdullāh, ‘Umar bin Yūnus, Ibn Wahab dan ‘Afīf bin Salīm. Antara yang mengambil riwayat daripada beliau ialah Asīd bin ‘Āsim dan Aḥmad bin Mihrān. Abū Nu’aym mengkategorikan beliau sebagai seorang yang lemah.²⁹²

Al-Ḥāfiẓ al-Mizzī pula menukilkan kata-kata ini ketika memberi *turjumah* kepada salah seorang periyatnya yang bernama Farqad. Menurut al-Mizzī, , nama penuh beliau ialah Farqad bin Ya’qūb al-Sabkī Abū Ya’qūb al-Baṣrī. Al-Mizzī berpendapat bahawa beliau berasal daripada sebuah tempat yang bernama Sabkhah di Baṣrah, manakala Qa’ nab bin al-Muḥarrar berpendapat bahawa Farqad al-Sabkī berasal daripada sebuah tempat yang bernama Sabkhah di Kūfah.

Berkenaan personaliti Farqad al-Sabkī, al-Mizzī memetik beberapa pendapat para ulama *jarḥ* dan *ta’dīl*. ‘Ali bin al-Madīnī mengkritik hadith beliau dengan berkata bahawa beliau amat takjub dengan hadith-hadithnya. Imam Aḥmad bin Ḥanbal berpendapat bahawa Farqad adalah seorang lelaki yang salih tetapi tidak mapan di dalam bidang hadith dan beliau bukan dari kalangan ahli hadith. Menurut Ibrāhīm bin Ya’qūb al-Juzjānī memetik kata-kata Imam Aḥmad bin Ḥanbal bahawa Farqad ada meriwayatkan hadith-hadith *munkar*. Akan tetapi, menurut Yaḥyā bin Ma’īn, Farqad bukanlah sedemikian, bahkan beliau adalah seorang yang *thiqah*. Al-Bukhārī berpendapat bahawa ada ramai periyat-periyat berstatus *munkar* di dalam hadith Farqad. Menurut Imam al-Tirmidhī, hadith Farqad diperkatakan sedangkan manusia ramai mengambil riwayat daripada beliau. Imam al-Nasā’ī berpendapat bahawa Farqad tidak *thiqah*. Menurut Ya’qūb bin Syaibah pula, Farqad seorang yang salih tetapi sangat lemah di dalam bidang hadith. Abū Ḥātim juga berpendapat bahawa beliau tidak

²⁹² Abū Nu’aym, *Dhikr Akhbār Aṣbahān*, 2:4.

begitu kuat di dalam bidang hadith. Pendapat Abū Aḥmad bin ‘Adī pula mengatakan bahawa Farqad tergolong dari kalangan orang-orang salih penduduk Baṣrah tetapi beliau tidak memiliki banyak hadith²⁹³, dan di antaranya adalah hadith di atas.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun *syāhid* yang didatangkan tersebut bukanlah sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W, tetapi ia adalah kata-kata yang disandarkan kepada seseorang yang bernama Farqad bin Ya’qūb al-Sabkī Abū Ya’qūb al-Baṣrī.

3.9 Bab ’Usyāri

3.9.1 Hadith Pertama

قال رسول الله ﷺ :

«عَلَيْكُم بِالسَّوَالُ فَإِنْ فِيهِ عَشْرَ خَصَالٍ : يُظْهِرُ
الْفَمْ ، وَيُرْضِي الرَّبَّ ، وَيُسْخِطُ الشَّيْطَانَ ، وَيُحِبِّهُ
الرَّحْمَنُ وَالْحَفَظَةَ ، وَيُشَدَّ اللَّثَّةَ ، وَيُقْطَعُ الْبَلْغَمُ ،
وَيُطَهِّرُ النَّكْبَةَ ، وَيُطْفِي الْمِرَّةَ ، وَيُجْلِسُ الْبَصَرَ ،
وَيُذَهِّبُ الْبَخْرَةَ » ، وَهُوَ مِنَ السُّنْنَةِ .

²⁹³ Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl*, 23: 168.

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian, penulis tidak menjumpai sebarang sanad hadith dengan lafaz ini.

Takhrij Hadith:

Terdapat beberapa lafaz yang dijumpai, seperti berikut:

- i. ‘Abd al-Jabbār al-Khawlānī meriwayatkan daripada Ānas dengan lafaz berikut:

حدثنا جعفر بن محمد بن هشام ، حدثنا أحمد بن إبراهيم بن عبد الله القرشي ، حدثنا سليمان بن عبد الرحمن ، حدثنا عبد الله بن عبد الرحمن بن يزيد بن جابر الأزدي ، حدثي أبو محمد الحكمي ، عن قتادة ، عن أنس ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : عليكم بالسواك ، فنعم الشيء السواك ، يذهب بالحفر ، وينزع البلغم ، ويجلو البصر ، ويشد اللثة ، ويذهب بالبخر ، ويصلح المعدة ، ويزيد في درجات الجنة ، وتحمده الملائكة ، ويرضي رب ، ويستخط الشيطان.²⁹⁴

- ii. Ibn ‘Adī meriwayatkan hadith Ibn ‘Abbās dengan lafaz berikut:

ثنا إسحاق بن إبراهيم الغزي ثنا محمد بن أبي السري ثنا بقية عن الخليل بن مرة عن عطاء بن أبي رياح عن بن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم عليكم بالسواك فإنه مطهرة للفم ومرضاة للرب عزوجل مفرجة للملائكة يزيد في الحسنات وهو السنة يجلو البصر ويذهب الحفر ويشد اللثة ويذهب البلغم ويطيب الفم.²⁹⁵

- iii. Imam Aḥmad meriwayatkan daripada Ibn ‘Umar dengan lafaz berikut:

²⁹⁴ Al-Qādī ‘Abd al-Jabbār al-Khawlānī, *Tārīkh Dāriā*, ed. Sa’id al-Afghānī, (Damsyik: Maṭba’ah al-Barqī, 1950), 47.

²⁹⁵ Al-Ḥāfiẓ Abī Aḥmad ‘Abdullāh Ibn ‘Adī, *al-Kāmil Fī al-Qu’afā’ al-Rijāl*, ed. Dr. ‘Abd al-Fattāḥ Abū al-Sunnah, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah t.t.), 3: 507.

حدثنا عبد الله حدثني أبي حدثنا قتيبة بن سعيد ثنا بن هبيرة عن عبيد الله بن أبي جعفر عن نافع عن بن عمر أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: عليكم بالسواك فإنه مطيبة للفم ومرضاة للرب.²⁹⁶

iv. Badr al-Dīn al-‘Aynī menukilkan perkataan Abū al-Dardā' seperti berikut:

روى القشيري بلا إسناد عن أبي الدرداء رضي الله تعالى عنه قال عليكم بالسواك فإن في السواك أربعين وعشرين خصلة أفضلها أن يرضى الرحمن وتضاعف صلاته سبعاً وسبعين ضعفها ويورث السعة والغنى ويطيب النكهة ويشد اللثة ويسكن الصداع ويذهب وجع الضرس وتصافحه الملائكة لنور وجهه وبرق أنسانه.²⁹⁷

Analisis Hadith:

Menurut al-Albāñī, hadith yang dinukilkan oleh ‘Abd al-Jabbār al-Khawlāñī di dalam *Tārīkh Dāriā* berstatus lemah.²⁹⁸ Menurut beliau juga, hadith yang dinukilkan oleh Ibn ‘Adī juga berstatus lemah pada rantaian sanadnya. Walaupun hadith ini *marfū'*, namun di dalam rantaian sanad ini terdapat al-Khalīl bin Murrah yang merupakan seorang yang lemah. Termasuk orang yang mengklifikasikan beliau sebagai lemah adalah Imam al-Bukhārī. Di dalam rantaian sanadnya juga terdapat periyat bernama Baqiyah yang berstatus *mudallis*, dan beliau pula meriyat hadith ini secara ‘*an'anah*.²⁹⁹

Menurut Syeikh Syu'aib al-Arnāūt, hadith yang diriwayatkan Imam Ahmad daripada Ibn ‘Umar berstatus *sahīh li ghayrihi*. Hadith ini mempunyai rantaian sanad yang lemah

²⁹⁶ Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, no. hadith 5865, 10: 106.

²⁹⁷ Badr al-Dīn Maḥmūd bin Ahmad al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qāri’ Syarh Ṣahīh al-Bukhārī, ed. ‘Abdullāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, bab Siwāk Yawm al-Jum’ah, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 6: 262.

²⁹⁸ Al-Albāñī, *Da’if al-Jāmi’ al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, no. hadith 3764, (t.p., al-Maktabah al-Islāmī, 1988), 550.

²⁹⁹ Al-Albāñī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Dā’īfah*, no. hadith 3852, 8: 312-313.

lantaran kewujudan Ibn Lahi'ah yang merupakan seorang berstatus lemah di dalam rantaian sanad.³⁰⁰

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Adapun lafaz yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Jabbār al-Khawlānī dan hadith Ibn Adī, keduanya juga berstatus lemah. Hadith Abū al-Dardā’ pula berstatus *mawqūf* menurut sebahagian ulama, dan yang jelas ianya adalah *athar*. Satu-satunya lafaz yang *sahīh* adalah lafaz hadith yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad.

3.9.2 Hadith Kedua

ثُمَّ قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : « وَالصَّلَاةُ بِالسُّوَالِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ صَلَةً بِغَيْرِ سُوَالٍ ». *

Sanad Hadith:

عن ابن زنجويه عن عائشة ، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم.³⁰¹

³⁰⁰ Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 106.

³⁰¹ Al-Hindi, *Kanz al-‘Ummāl*, no. hadith 26181, 1: 1196.

Takhrij Hadith:

Terdapat beberapa lafaz yang dijumpai, seperti berikut:

- i. Dinukilkan oleh ‘Alā al-Dīn ‘Ali bin Hisām al-Dīn al-Muttaqī al-Hindī di dalam karya *Kanz al-‘Ummāl* dari riwayat Ibn Zanjawiyah daripada ‘Āisyah dengan lafaz berikut:

صلوة بسواك أفضل من سبعين صلاة بغير سواك.³⁰²

- ii. Dinukilkan oleh Abū al-Qāsim Tamām bin Muḥammad bin ‘Abdullah bin Ja’far bin ‘Abdullah al-Junaid di dalam karya *Fawāid al-Tamām* juga dari riwayat ‘Āisyah dengan lafaz berikut:

أحربنا أبو علي أحمد بن محمد بن فضالة ، ثنا بحر بن نصر ، قال : قرئ على عبد الله بن وهب ، قال :
أينا مسلمة بن علي ، عن معاوية بن يحيى الصدفي ، عن ابن شهاب ، عن عروة ، عن عائشة ، عن
رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : صلاة على آثرة سواك ، أفضى من سبعين صلاة بغير سواك .³⁰³

- iii. Diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqī di dalam karya *Sunan al-Kubrā* juga dari riwayat daripada ‘Āisyah, dengan lafaz berikut:

أخبرنا أبو الحسن : محمد بن الحسين العلوي أخبرنا أبو الفضل : العباس بن محمد بن قوهيار حدثنا محمد بن يزيد السلمي حدثنا حماد بن قيراط حدثنا فرج بن فضالة عن عروة بن رويه عن عمرة عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : صلاة بسواك خير من سمعن صلاة بغير سواك.³⁰⁴

- iv. Diriwayatkan oleh al-Ḥākim di dalam karya *al-Mustadrak* juga dari riwayat daripada ‘Āisyah, dengan lafaz berikut:

302 *Ibid*

³⁰³ Abū Sulaymān Jāsim bin Sulaymān al-Fahīd al-Dūsari, *al-Rawd al-Bassām Bi Tartīb Wa Tahkrij Fawāid al-Tamām*, no. hadith 154. (Beirut: Dār al-Basyārī al-Islāmīyah, 1987), 1: 207.

³⁰⁴ Dinukil al-Bayhaqī dalam bab *Ta'kid al-Siwāk 'Ind al-Qiyām*, no. hadith 164. Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, (Haydarabad: Majlis al-Mā'arif al-Nizāmiyyah al-Kāinah, 1344H), 1; 38.

أخبرنا أبو بكر أحمد بن جعفر القطبي ثنا عبد الله بن أحمد بن حنبل حدثني أبي وأخبرنا أبو زكريا يحيى بن محمد العنزي ثنا إبراهيم بن أبي طالب ثنا محمد بن يحيى قالا ثنا يعقوب بن إبراهيم بن سعد ثنا أبي عن محمد بن إسحاق قال ذكر محمد بن مسلم الزهري عن عروة عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : فضل الصلاة التي يستاك لها على الصلاة التي لا يستاك لها سبعين ضعفا.³⁰⁵

v. Ibn Khuzaimah di dalam karya *Sahih Ibn Khuzaymah* juga dari meriwayat hadith ini daripada ‘Āisyah, dengan jalan yang lain.

أخبرنا أبو طاهر نا أبو بكر نا محمد بن يحيى نا يعقوب بن إبراهيم بن سعيد نا أبي عن محمد بن إسحاق قال فذكر محمد بن عبيد الله بن شهاب الزهري عن عروة عن عائشة قالت : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : فضل الصلاة التي يستاك لها على الصلاة التي لا يستاك لها سبعين ضعفا.³⁰⁶

Analisis Hadith:

Menurut Imam al-Bayhaqī, rantaian *isnād* hadith yang beliau riwayatkan tidaklah begitu kuat. Hadith ini menurut beliau, juga diriwayatkan daripada Jubair bin Nufair secara *marfū'* dan *mursal*.

Menurut pendapat Ibn Ma’īn yang dinukilkan di dalam karya *Asnā Maṭālib Fī Aḥādīth Mukhtalif al-Marātib*, hadith Ā’isyah adalah *bāṭil* dan kesemua *syāhidnya* berstatus lemah.³⁰⁷ Ibn Ma’īn juga turut berpendapat hadith Ā’isyah dengan lafaz yang dinukilkan Abū al-Qāsim Tamām juga tidak sah.³⁰⁸

³⁰⁵ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, no. hadith 515, 1: 244-245.

³⁰⁶ Muḥammad bin Iṣhāq Ibn Khuzaymah al-Naysabūrī, *Sahīh Ibn Khuzaymah*, ed. Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A’zamī, no. hadith 137, (Beirut: Dār al-Maktab al-Islāmī, 1970), 1: 109.

³⁰⁷ Muhammad bin Darwisy al-Ḥūt, *Asnā Maṭālib Fī Aḥādīth Mukhtalif al-Marātib*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1983), 184.

³⁰⁸ Sirāj al-Dīn ‘Umar bin ‘Ali Ibn al-Mulaqqan, *al-Badr al-Munīr Fī Takhrij al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Wāq’iyyah Fī al-Syarḥ al-Kabīr*, ed. Muṣṭafa Abū al-Ghaiẓ et. al, (Riyadh: Dār al-Hijrah, 2004), 2: 18.

Manurut al-Ḥākim, hadith yang beliau riwayatkan di dalam *al-Mustadrak* itu berstatus *sahīḥ* atas syarat Imam Muslim, namun beliau tidak meriwayatkannya.³⁰⁹

Ibn Khuzaimah juga berpendapat kesahihan hadith ini diragui. Komentar beliau terhadap hadith tersebut:

“Aku mengecualikan kesahihan hadith Ā’isyah, kerana aku khuatir Muhammad bin Ishak tidak mendengar daripada Muhammad bin Muslim dan dia melakukan *tadlis* terhadapnya.”³¹⁰

Status Hadith:

Kebanyakan jalan periyatan hadith dengan lafaz seperti yang dinukilkan oleh pengarang *al-Munabbihāt* berstatus lemah. Satu-satunya hadith yang berstatus *sahīḥ* adalah hadith dengan lafaz al-Ḥākim. Al-Dhahabī yang membuat semakan terhadap hadith al-Ḥākim ini di dalam karya *al-Takhliṣ*, turut bersetuju bahawa hadith ini *sahīḥ* atas syarat Muslim.

³⁰⁹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 1: 244-245.

³¹⁰ Ibn Khuzaimah, *Sahīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 109.

3.9.3 Hadith Ketiga

وقال عليه السلام :

« عشرة من هذه الأمة هم كفارٌ بالله العظيم ويظنون أنهم المؤمنون : القاتل بغير حق ، والساحر ، والديوث ”³¹¹ الذي لا يغار على أهله ، ومانع الزكاة ، وشارب المخمر ، ومن وجب عليه الحج فلم يحج ، وال ساعي في الفتنة ، وبائع السلاح من أهل الحرب ، وناكح المرأة في دبرها ، وناكح ذات رحمٍ حرام .. إن علم هذه الأفعال حلالاً فقد كفر ». .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian, penulis tidak menjumpai sebarang sanad hadith dengan lafaz ini. Adapun sanad yang diriwayatkan Ibn ‘Asākir adalah seperti berikut:

رواه ابن عساكر عن محمد بن خالد الدمشقي : حدثنا مطر بن العلاء عن حنظلة بن أبي سفيان عن أبيه

عن البراء بن عازب مرفوعا.³¹¹

Takhrij Hadith:

Sepanjang pemerhatian, penulis tidak menjumpai sebarang hadith dengan lafaz ini.

Terdapat beberapa lafaz yang dijumpai, seperti berikut:

- i. Al-Daylami dalam *Musnad al-Firdaus* meriwayatkan daripada al-Barrā' bin ‘Ādhib dengan lafaz berikut:

³¹¹ Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, (Beirut: Dar al-Fikir, 1997), ed. ‘Umar bin Gharāmah al-‘Umrawī, 52: 391.

كفر بالله العظيم عشرة من هذه الأمة الغال والساحر والديوث وناكح المرأة في دبرها ومانع الزكاة ومن وجد سعة ومات ولم يحج وشارب الخمر والساعي في الفتنة وبائع السلاح من أهل الحرب ومن نكح ذات حرم منه.³¹²

ii. Dinukilkan oleh ‘Alā al-Dīn ‘Ali bin Hisām al-Dīn al-Muttaqī al-Hindī di dalam karya *Kanz al-‘Ummāl* dari riwayat Ibn ‘Asākir juga daripada al-Barrā’ bin ‘Ādhib dengan lafaz berikut:

كفر بالله العظيم عشرة من هذه الامة : الغال، والساحر، والديوث، وناكح المرأة في دبرها، وشارب الخمر، ومانع الزكاة، ومن وجد سعة ومات يحج، والساعي في الفتنة، وبائع السلاح أهل الحرب، ومن نكح حرم منه.³¹³

Analisis Hadith:

Hadith Ibn ‘Asākir ini telah beliau muatkan di dalam *turjumah* salah seorang periyawat hadith ini, Muḥammad bin Khālid. Beliau menyebutkan bahawa al-Fazārī merupakan kerabat kepada Maṭar bin al-‘Alā’. Namun, beliau tidak menyebut keadaannya dari sudut ilmu *al-jarh* dan *al-ta’dīl*. Menurut Abu Hatim, Muḥammad bin Khālid merupakan anak murid al-Walīd bin Muslim pernah melakukan dusta. Adapun gurunya Maṭar bin al-‘Alā’, Ibn ‘Asākir telah menturjumah beliau, namun tidak menyebut keadaannya dari sudut ilmu *al-jarh* dan *al-ta’dīl*. Beliau hanya memetik pendapat Abū Ḥātim yang berperdapat bahawa Maṭar bin al-‘Alā’ diklasifikasikan sebagai *syaikh*.

³¹² Al-Daylami, *Fayd al-Qadīr*, no. hadith 4922, 3, 307-308.

³¹³ Al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, no. hadith 44053, 2: 210827.

Imam al-Suyūṭī turut memuatkan hadith riwayat Ibn ‘Asākir di dalam karyanya. Al-Munāwī pula menjadikannya sebagai *mutāba’ah* di dalam karya *al-Fayd al-Qadīr*. Beliau tidak menghukum hadith tersebut sama ada berstatus lemah atau *sahīh*, melainkan hanya memberi komentar bahawa ada pertembungan antara dua lafaz di antara al-Daylāmī dan Ibn ‘Asākir, sedangkan ia diriwayatkan dari periyat yang sama, iaitu Al-Barrā’ bin ‘Ādhīb.

Status Hadith:

Hadith ini berstatus palsu menurut al-Albānī.

3.9.4 Hadith Keempat

وقال النبي ﷺ :

«لا يكون العبد في السماء ولا في الأرض مؤمناً حتى يكون وصولاً، ولا يكون وصولاً حتى يكون مسلماً، ولا يكون مسلماً حتى يسلم الناس من يده ولسانه، ولا يكون مسلماً حتى يكون عالماً، ولا يكون عالماً حتى

يكون بالعلم عاملًا، ولا يكون بالعلم عاملًا حتى يكون زاهدًا، ولا يكون زاهدًا حتى يكون ورعاً، ولا يكون ورعاً حتى يكون متواضعاً، ولا يكون متواضعاً حتى يكون عارفاً بنفسه، ولا يكون عارفاً بنفسه حتى يكون عاقلاً في الكلام ٤.

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi penulis berjaya mendapatkan sebuah *athar* yang diriwayatkan oleh al-‘Askari dari Ibn Mas’ud yang diriwayatkan oleh Imam al-Suyūtī dengan lafaz berikut:

لَا تَكُون مُسْلِمًا حَتَّى يَسْلِم النَّاسُ مِنْ لِسَانِكَ وَيَدِكَ وَلَا تَكُون عَالِمًا حَتَّى تَكُون بِالْعِلْم عَالِمًا وَلَا تَكُون

عَابِدًا حَتَّى تَكُون وَرِعًا وَلَا تَكُون وَرِعًا حَتَّى تَكُون زَاهِدًا أَطْلَل الصَّمْتَ وَأَكْثَرَ الْفَكْرَ وَأَقْلَلَ الضَّحْكَ إِنَّ

كُثْرَةَ الضَّحْكِ مُفْسِدَةً لِلْقَلْبِ.³¹⁴

Analisis Hadith:

Tiada sebarang maklumat berkenaan hadith ini ditemui. Adapun *athar* tersebut, Menurut Imam al-Suyūtī, al-‘Askari meriwayatkannya dari Ibn Mas’ud dan beliau

³¹⁴ Al-Suyūtī, *al-Jāmi’ al-Kabīr*, jilid 11, hal. 395, no. 25327.

muatkan di dalam karyanya *al-Amthāl*. Menurut Imam al-Suyūṭī lagi, rantai sanad *athar* ini lemah.³¹⁵

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. *Athar* Ibn Mas'ūd pula memiliki rantai sanad yang lemah.

3.9.5 Hadith Kelima

وقال رسول الله ﷺ .
«العافية على عشرة أوجه، خمسة في الدنيا وخمسة في الآخرة؛ فاما التي في الدنيا [فهي] العلم، والعبادة، والرزق من الخلال، والصبر على الشدة، والشكر على النعمة؛ وأما التي في الآخرة فإنه يأتيه ”ملك الموت بالرحمة واللطف، ولا يروعه منكراً ونكيراً في القبر، ويكون آمناً في الفزع الأكبر”^(٢)، وتحس سيئاته وتقابل حسناته، وينير على الصراط كالبرق الامشع، ويدخل الجنة في السّلامة » .

³¹⁵ *Ibid.*

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.9.6 Hadith Keenam

قال رسول الله ﷺ :

«مَنْ كَثَرَ ضِحْكَهُ عَوْقَبٌ بَعْشَرَ عَقَوْبَاتٍ،
أَوْ هُمْ يَوْتَ قُلُوبَهُ، وَيَذْهَبُ الْمَاءُ عَلَى وُجُوهِهِ»^(٢)، وَيَشْمَسُ

بِهِ الشَّيْطَانُ، وَيَغْضُبُ عَلَيْهِ الرَّحْمَنُ، وَيُنَاقِشُ بِهِ يَوْمُ الْقِيَامَةِ، وَيُعَرِّضُ عَنْهُ النَّبِيَّ ﷺ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَتَلْعَنُهُ
الْمَلَائِكَةُ، وَيُبَغْضُهُ أَهْلُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَينَ، وَيُنَسِّي
كُلَّ شَيْءٍ، وَيَفْتَضِيْحُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ».

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.9.7 Hadith Ketujuh

وقال ابن عباسٌ (رضي الله تعالى عنه) عن النبي ﷺ :

«عشرة أصنافٍ من أمتي لا يدخلون الجنة إلا من ثابَ، أو هُم القَلَاعُ، والجِيوفُ، والقتَّاتُ، والدَّبُوبُ، والدَّيْوَثُ، وصاحبُ العَرَطَبَةِ، وصاحبُ الْكُسُوبَةِ، والمعْتَلُ، والزَّنِيمُ، والعاقُ لِوالديه» قيلَ : يا رسول الله ، ما القَلَاعُ ؟ قال : «الذِي يمشي بَيْنَ يَدَيِ الْأُمَرَاءِ» . وقيلَ : ما الجِيوفُ ؟ قالَ : «النَّبَاشُ» ، وقيلَ : ما القتَّاتُ ؟ قالَ : «النَّمَامُ» ، وقيلَ : ما الدَّبُوبُ ؟ قالَ : «الذِي يجمع فِي بَيْتِه الْفَتَيَاتِ لِلْفَجُورِ» ، وقيلَ : ما الدَّيْوَثُ ؟ قالَ «الذِي لَا يغَارُ عَلَى أَهْلِه» ، وقيلَ : ما صاحبُ العَرَطَبَةِ ؟ قالَ : «الذِي يضرِبُ بِالْطَبْلِ» ، وقيلَ : ما صاحبُ الْكُوبَةِ ؟ قالَ : «الذِي يضرِبُ الطَّنبُورَ» وقيلَ : ما المعْتَلُ ؟ قالَ : «الذِي لَا يعْفُوُ عَنِ الذَّنْبِ وَلَا يَقْبِلُ العَذْنَرَ» وقيلَ : ما الزَّنِيمُ ؟ قالَ : «الذِي وُلِدَ مِنْ زَنْبِي وَيَقْعُدُ عَلَى قَارِعَةِ الطَّرِيقِ فَيَغْتَابُ النَّاسَ» والعاقُ مشهورٌ .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Sepanjang pemerhatian, penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.9.8 Hadith Kelapan

قال النبي ﷺ :

« عشرة نفسيون يقبل الله تعالى صلاتهم : رجل صلى وحيداً بغير قراءة ، ورجل لا يؤدي الزكاة ، ورجل يوم قوماً وهم له كارهون ، ورجل ملوك آبق ، ورجل شارب الخمر مدمن ، وامرأة باتت وزوجها ساخط عليها ، وامرأة حرة تصلي بغير خمار ، وأكل الربي ، والإمام المخائز ، ورجل لا تنهاه صلاته عن الفحشاء والمنكر لا يزداد من الله تعالى إلا بعداً » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapatkan hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi penulis berjaya mendapatkan beberapa buah hadith yang hampir sama maksudnya. Beberapa lafaz yang dijumpai adalah seperti berikut:

- i. Dinukilkan oleh ‘Alā al-Dīn ‘Ali bin Hisām al-Dīn al-Muttaqī al-Hindī di dalam karya *Kanz al-‘Ummāl* daripada riwayat al-Ḥasan dengan lafaz berikut:

ثلاثة لا يقبل لهم صلاة: رجل أُمّ قوماً وهم له كارهون، والعبد إذا أبقى حتى يرجع إلى مولاه، والمرأة إذا

باتت مهاجرة لزوجها عاصية له.³¹⁶

Beliau juga menukilkan sebuah hadith riwayat Qatādah yang hampir sama lafaznya:

ثلاثة لا تجاوز صلاتهم آذانهم: عبد أبقى من سيده حتى يأتي فيضع يده في يده، وامرأة بات زوجها غضبان

عليها، ورجل أُمّ قوماً وهم له كارهون.³¹⁷

- ii. Dinukilkan oleh al-Albānī di dalam karya *Ṣaḥīḥ Abū Dawūd* daripada riwayat ‘Āisyah dengan lafaz berikut:

عن عائشة عن النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: لَا يَقْبُلُ اللَّهُ صَلَاةً حَائِضٌ إِلَّا بِخَمَارٍ.³¹⁸

Analisis Hadith:

Menurut al-Muttaqī al-Hindī, kedua-dua hadith riwayat al-Ḥasan dan Qatādah berstatus *mursal*.³¹⁹ Menurut al-Albānī, hadith Abū Dawūd berstatus *ṣaḥīḥ*. Beliau memetik

³¹⁶ Al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, no. hadith 43925, 2: 2124.

³¹⁷ *Ibid.*, no. hadith 43924.

³¹⁸ Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Abū Dawūd*, no. hadith 648, (Kuwait: Muassasah Gharas, 2002), 3: 206.

³¹⁹ Al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, 2: 2124.

pendapat al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak* dan pendapat tersebut turut dipersetujui oleh al-Dhahabī di dalam *al-Talkhiṣ*.³²⁰

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.9.9 Hadith Kesembilan

وقال النبي ﷺ :
« ينبعي للداخل في المسجد عشر خصالٍ أو لها أن يتعاهد خفيفه أو نعليه ، وأن يبدأ برجله اليمني ، وأن يقول إذا دخل بسم الله وسلام على رسول الله وعلى ملائكة الله ، اللهم افتح لنا أبواب رحمتك إنك أنت الوهاب ، وأن يسلّم على أهل المسجد ، وأن يقول إذا لم يكن فيه أحد السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين ، وأن يقولأشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله

³²⁰ Al-Albānī, *Šaḥīḥ Abū Dawūd*, 3: 206.

وَلَا يَنْرُّ بَيْنَ يَدِي الْمُصَلِّيِّ ، وَأَنْ لَا يَعْمَلْ بِعَمَلِ الدِّينِ
 وَلَا يَتَكَلَّمْ بِكَلَامِ الدِّينِ ، وَأَنْ لَا يَخْرُجْ حَتَّى يَصْلِي
 رُكُعَتَيْنِ ، وَأَنْ لَا يَدْخُلْ إِلَّا بِوْضُوءِ ، وَأَنْ يَقُولْ إِذَا قَامَ
 سَبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ،
 أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi penulis berjaya menemukan beberapa buah hadith yang hampir sama maksudnya.

Beberapa lafaz yang dijumpai adalah seperti berikut:

- i. Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī sebagai tajuk sebuah bab di dalam karya *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* daripada perbuatan Ibn 'Umar, dengan lafaz berikut:

وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَبْدأُ بِرِجْلِهِ الْيَمِنِيِّ فَإِذَا خَرَجَ بَدأَ بِرِجْلِهِ الْيَسِيرِ.³²¹

- ii. Dinukilkan oleh Abū Muḥammad 'Abd al-Ḥaq al-Isybīlī di dalam karya *al-Aḥkām al-Syar'iyyah al-Kubrā* daripada riwayat Abū Asīd al-Anṣārī dengan lafaz berikut:

³²¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, bab *al-Tayammun Fi Dukhūl al-Masjid*, 66.

أبو داود : حدثنا محمد بن عثمان الدمشقي ، ثنا عبد العزيز - يعني الدراوردي - عن ربيعة بن أبي عبد الرحمن ، عن عبد الملك بن سعيد بن سعيد قال : سمعت أبا حميد أو أبا أسيد الأنباري يقول : قال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم : إذا (دخل) أحدكم المسجد فليسلم على النبي صلى الله عليه وآله وسلم ثم ليقل : اللهم افتح لي أبواب رحمتك ، فإذا خرج فليقل : اللهم إني أسألك من فضلك.³²²

iii. Diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam karya *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* daripada riwayat ‘Amrū bin Salīm al-Anṣārī dengan lafaz berikut:

أخبرنا الحسين بن محمد بن أبي معاشر بحران قال : حدثنا محمد بن الحارث الحراني حدثنا محمد بن سلمة عن أبي عبد الرحيم عن زيد بن أبي أنيسة عن عامر بن عبد الله بن الزبير عن عمرو بن سليم الأنباري : عن أبي قتادة قال : سمعت النبي صلى الله عليه و سلم يقول: إذا دخل أحدكم المسجد فليصل ركعتين قبل أن يجلس.³²³

iv. Dinukilkan oleh al-Fākihī di dalam karya *Akhbār Makkah* daripada kata-kata Ibn ‘Abbās dengan lafaz berikut:

حدثنا أبو بشر بكر بن خلف قال : حدثنا عبد الرحمن بن مهدي قال : حدثني عبد الله بن المبارك ، عن عمر ، عن عمرو بن دينار ، عن ابن عباس رضي الله عنهما قال : فإذا دخلتم بيوتا فسلموا على أنفسكم تحية من عند الله مباركة طيبة، قال : هو المسجد ، يقول : السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين.³²⁴

³²² Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaq al-Isybīlī, *al-Āḥkām al-Syar’iyyah al-Kubrā*, ed. Ḥusayn bin ‘Ukāsyah (Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2001), 2: 75-76.

³²³ ‘Ali al-Fārisī Ibn Balbān, *al-Iḥsān Fi Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Syu’āib Al-Arnāūt, bab *al-Nawāfił*, no. hadith 2498, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1988), 6: 245.

³²⁴ Muḥammad bin Ishāq bin al-‘Abbās al-Fākihī, *Akhbār Makkah Fi Qadīm al-Dahr Wa Ḥadīthihī*, ed. Dr. ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullāh, no. hadith 1290, (Beirut: Dār Khaḍar, 1994), 2: 129-130.

Analisis Hadith:

Menurut Ibn Ḥajar, Imam al-Bukhārī meriwayatkan kata-kata Ibnu ‘Umar secara *ta’līq* di dalam *sahīhnya* dengan lafaz tersebut. Ibn Ḥajar berpendapat bahawa hadith itu tidak bertatus *mawṣūl*.³²⁵ Menurut Syu’āib al-Arnāūṭ, hadith Ibnu Ḥibbān berstatus *sahīh al-isnād*.³²⁶

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya.

3.9.10 Hadith Kesepuluh

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ (رَحْمَهُ اللَّهُ) عَنِ النَّبِيِّ ﷺ :
«الصَّلَاةُ عِبَادَ الدِّينِ وَفِيهَا عَشْرٌ خَصَالٌ : زَيْنٌ
الْوَجْهِ، وَنُورُ الْقَلْبِ، وَرَاحَةُ الْبَدْنِ، وَأَنْسٌ فِي الْقَبْرِ،
وَمَنْزِلُ الرَّحْمَةِ، وَمَفْتَاحُ السَّمَاوَاتِ، وَثِيقَةُ الْمِيزَانِ،
وَمَرْضَاهُ الرَّبِّ، وَثَنَنُ الْجَنَّةِ، وَحِجَابُ النَّارِ؛
وَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ».»

³²⁵ Al-Albānī, *al-Thamar al-Muṣṭaqāb Fī Fiqh al-Sunah Wa al-Kitāb*, (Kuwait: Muassasah Gharās, 1422H), 602.

³²⁶ Ibn Balbān, *al-Ihsān Fi Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibni Ḥibbān*, 6: 245.

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi penulis berjaya mendapatkan beberapa buah hadith yang hampir sama maksudnya. Beberapa lafaz yang dijumpai adalah seperti berikut:

- i. Dinukilkan oleh Imam al-Ghazālī di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* yang menukilkan riwayat al-Bayhaqī di dalam *Syu’ab al-Īmān* dengan lafaz berikut:

قال صلى الله عليه وسلم الصلاة عماد الدين فمن تركها فقد هدم الدين.³²⁷

- ii. Dinukilkan oleh Abū Ishaq al-Ḥuwainī di dalam karyanya *al-Nāfilah Fi al-Āḥādīth al-Da’īfah Wa al-Bāṭilah* dengan lafaz berikut:

الصلاحة عماد الدين ، من أقامها فقد أقام الدين ، ومن هدمها فقد هدم الدين.³²⁸

- iii. Diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī di dalam *Syu’ab al-Īmān* dari riwayat ‘Umar dengan rantaian sanad dan lafaz seperti berikut:

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ أَنَّا أَبُو حَامِدَ بْنَ أَحْمَدَ بْنَ مُحَمَّدَ بْنَ شَعِيبَ بْنَ هَارُونَ بْنَ مُوسَى الْفَقِيْهِ ثَنَا زَكْرِيَاً بْنَ يَحْيَى بْنَ مُوسَى بْنِ إِبْرَاهِيمَ النِّيسَابُوريَّ ثَنَا يَحْيَى بْنَ زَكْرِيَاً ثَنَا شَعْبَةُ عَنْ قَتَادَةِ عَنْ

³²⁷ Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 1: 285

³²⁸ Al-Ḥuwainī, *al-Nāfilah Fi al-Āḥādīth al-Da’īfah Wa al-Bāṭilah*, no. hadith 171, 1: 237.

عكرمة عن عمر قال : جاء رجل فقال يا رسول الله أي شيء أحب عند الله في الإسلام قال : الصلاة لوقتها و من ترك الصلاة فلا دين له و الصلاة عماد الدين.³²⁹

Analisis Hadith:

Menurut Imam al-‘Irāqī, hadith yang dinukilkan oleh Imam al-Ghazālī adalah bersumberkan riwayat yang lemah daripada Imam al-Bayhaqī. Menurut al-Hākim, salah seorang periwayat, iaitu ‘Ikrimah tidak mendengar hadith ini daripada ‘Umar, dan beliau berpendapat bahawa hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar. Ibn Ṣalāḥ pula tidak berjaya menjelaskan asal usul hadith ini, dan beliau berkata di dalam *Musykil al-Wasiṭ* bahawa hadith ini tidak diketahui.³³⁰

Menurut Abū Ishāq al-Ḥuwainī, hadith yang beliau nukilkan di dalam karyanya *al-Nāfilah Fi al-Aḥādīth al-Da’ifah Wa al-Bāṭilah* itu belum beliau temukan asalnya. Menurut pemerhatian beliau, ramai penceramah menggunakan hadith dengan lafaz sedemikian sebagai dalil dalam ucapan mereka. Namun, beliau hanya menemukan

pendapat Imam al-Nawāwī di dalam *al-Tanqīh*, bahawa hadith dengan lafaz pendek ini berstatus *munkar batil*.³³¹

Bagi hadith ketiga yang ditemukan di atas, menurut Abū ‘Abdullāh al-Bayhaqī, periyawat hadith ini iaitu ‘Ikrimah tidak mendengarnya daripada ‘Umar, dan beliau

³²⁹ Al-Bayhaqī, *Suy'ah al-Īmān*, no. hadith 2550, 4: 300.

³³⁰ Al-Bayhaqī, *Syū’ ab al-Imān*, no. hadith 2350, 4: 300. Al-Haddād, *Takhrij Āḥādīth Iḥyā’* no. hadith 359 1: 324

³³¹ Al-Hiḍādāt, *Takhrij Ahādīth Ḥiyā*, no. hadith 339, 1: 324.

berpendapat, mungkin yang dimaksudkan oleh ‘Ikrimah adalah Ibn ‘Umar, bukan ‘Umar.³³²

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya.

3.9.11 Hadith Kesebelas

وعن عائشة ((عن النبي ﷺ) أنه قال :

«إِذَا أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى أَنْ يُدْخِلَ أَهْلَ الْجَنَّةَ فِي الْجَنَّةِ
بَعْثَ إِلَيْهِمْ مَلَكًا وَمَعَهُ هَدِيَّةً وَكِسْوَةً مِنَ الْجَنَّةِ، فَإِذَا
أَرَادُوا أَنْ يُدْخِلُوهَا قَالَ لَهُمُ الْمَلَكُ : قِفُوا ، إِنْ مَعَيْ
هَدِيَّةً مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ . قَالُوا : وَمَا تَلِكَ الْهَدِيَّةُ ؟ فَيَقُولُ
الْمَلَكُ : هِيَ عَشْرَةُ خَوَاتِمٍ مَكْتُوبٍ عَلَى أَحَدِهَا «سَلَامٌ
عَلَيْكُمْ يَطْبَّتُمْ فَادْخُلُوهَا خَالِدِينَ» ((^١))؛ وَفِي الثَّانِي مَكْتُوبٌ
«رُفِعْتُ عَنْكُمُ الْأَحْزَانَ وَالْهُمُومَ»؛ وَفِي الثَّالِثِ مَكْتُوبٌ
«وَتَلِكَ الْجَنَّةُ أُورْثَتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ» ((^٢))؛ وَفِي
الرَّابِعِ مَكْتُوبٌ «أَلْبَسْنَاكُمُ الْحَلَلَ وَالْحَلِيلَ»؛ وَفِي الْخَامِسِ
مَكْتُوبٌ «وَزُوِّجْنَاكُمْ بِجَوَارِ عَيْنِ» ((^٣))، إِنِّي جَزِيتُهُمْ
الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا إِنَّهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ» ((^٤))؛ وَفِي السَّادِسِ
مَكْتُوبٌ «هَذَا جَزَاءُكُمُ الْيَوْمَ بِمَا فَعَلْتُمْ مِنَ الطَّاعَةِ»؛ وَفِي

³³² Al-Bayhaqī, *Syu'ab al-Imān*, 4: 300.

السابع مكتوب « صرتم شباباً لا تهرون أبداً »؛ وفي
الثامن مكتوب « صرتم آمنين ولا تخافون أبداً »؛ وفي
التاسع مكتوب « رافقتم الأنبياء والصديقين والشهداء
والصالحين »؛ وفي العاشر مكتوب « سكتم في جوار
الرحمن ذي العرش الكريم »؛ ثم يقول الملك :
« ادخلوها بسلامٍ آمنين »^(١). فيدخلون الجنة ويقولون
« الحمدُ للهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْحَزَنَ إِنَّ رَبِّنَا لَغَفُورٌ
شَكُورٌ »^(٢)، الحمدُ للهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ
تَبِعًاً من الجنة حيث نشاء فنِعِمُ أجر العاملين »^(٣)،
وإذا أراد الله أن يدخل أهل النار في النار بعث إليهم
مَلَكًا وَمَعَهُ عَشْرَةُ خَوَاتِمٍ في أُولَئِكَ مكتوب : ادخلوها
لا تموتون فيها أبداً ولا تحيطون ولا تخرجون ؛ وفي

الثاني مكتوب « خوْضوا في العذاب لا راحة لكم » ؛ وفي
 الثالث مكتوب : « يَئِسُوا من رحْمِي » ؛ وفي الرابع
 مكتوب « ادْخُلُوهَا فِي الْهَمِّ وَالْغُمَّ وَالْحُزْنِ أَبْدًا » ؛ وفي
 الخامس مكتوب « لِبَاسُكُمُ النَّارُ ، وَطَعَامُكُمُ الزَّقْوْنُ ،
 وَشَرَابُكُمُ الْحَمَّى ، وَمِهَادُكُمُ النَّارُ ، وَغُواشِيكُمُ النَّارُ » ؛
 وفي السادس مكتوب « هَذَا جَزَاءُكُمُ الْيَوْمَ بِمَا فَعَلْتُمْ مِنْ
 مُعْصِيَتِي » ؛ وفي السابع مكتوب « سُخْطَنٌ عَلَيْكُمْ فِي
 النَّارِ أَبْدًا » ، وفي الثامن مكتوب « عَلَيْكُمُ اللُّغْنَةُ بِمَا تَعْمَلُونَ
 مِنَ الذُّنُوبِ الْكَبِيرَةِ وَلَمْ تَتَوَبُوا وَلَمْ تَنْدِمُوا » ، وفي التاسع
 مكتوب « قُرَّنَاهُمُ الشَّيَاطِينُ فِي النَّارِ أَبْدًا » ؛ وفي العاشر
 مكتوب « اتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ وَأَرَدْتُمُ الدُّنْيَا وَتَرَكْتُمُ الْآخِرَةَ
 فَهَذَا جَزَاؤُكُمْ » .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith dengan lafaz seperti di atas ditemui. Namun, bahagian pertama daripada hadith ini telah berjaya ditemukan, sebagaimana yang dinukilkkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam karya *al-Lālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, seperti berikut:

أَبْنَائَا مُحَمَّدٍ بْنَ أَبِي الطَّاهِرِ الْبَازِ أَبْنَائَا أَبِي الْقَاسِمِ عَلِيِّ بْنِ عَلِيٍّ الْبَصْرِيِّ أَبْنَائَا أَبِي سَعِيدِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ
 مُحَمَّدِ الْأَنْدَلُسِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقِ إِبْرَاهِيمِ بْنِ أَحْمَدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ قَرِيشِ الْمَرْوَزِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقِ بْنِ أَحْمَدِ

بن عبد الواحد الكاتب المروزي حدثنا محمد بن كدر بن هاني القرشي حدثنا الشاه بن قرج أبو بكر حدثنا

الفضيل بن عياض عن منصور عن إبراهيم بن علقة عن عبد الله مرفوع.³³³

Takhrij Hadith:

Penulis tidak menemukan hadith dengan lafaz panjang sebegini dari mana-mana sumber. Akan tetapi penulis berjaya menemukan bahagian pertama daripada hadith di atas, seperti berikut:

- i. Dinukilkan oleh Imam al-Suyūṭī di dalam karya *al-Lālī al-Maṣnū’ah Fi’ al-Ahādīth al-Mawdū’ah*,³³⁴ Ibn al-Jawzī di dalam *al-Mawdū’at*³³⁵ dan Ibn ‘Arrāq al-Kinānī di dalam karya *Tanzīh al-Syārī’ah al-Marfū’ah ‘An al-Aḥādīth al-Syārī’ah al-Mawdū’ah*,³³⁶ dengan lafaz seperti berikut:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَدْخُلَ أَهْلَ الْجَنَّةِ بَعْثَ اللَّهِ مَلِكًا فَيَقُولُ الْمَلِكُ كَمَا أَنْتُمْ وَمَعَهُ عَشْرٌ خَوَاتِيمٍ مِّنْ خَوَاتِيمِ
الْجَنَّةِ هَدِيَّةً مِّنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ فَيَضْعُفُهُمْ مَكْتُوبٌ فِي أُولَئِكَ الْحَامِطَاتِ طَبِيعَتِمْ فَادْخُلُوهُمْ حَالَدِينَ وَفِي الثَّانِي
مَكْتُوبٌ ادْخُلُوهُمْ بَسْلَامٍ ذَلِكَ يَوْمُ الْخَلُودِ وَفِي الثَّالِثِ مَكْتُوبٌ ذَهَبٌ عَنْكُمُ الْأَحْزَانُ وَالْغَمَومُ وَفِي الرَّابِعِ
مَكْتُوبٌ لِبَاسِهِمُ الْحَلِيُّ وَالْحَلَلُ وَفِي الْخَامِسِ مَكْتُوبٌ زَوْجَنَاكُمُ الْحُورُ الْعَيْنُ وَفِي السَّادِسِ مَكْتُوبٌ إِنِّي جَزِيَّتُهُمْ
الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا أَنْهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ وَفِي السَّابِعِ مَكْتُوبٌ صَرْتُمْ شَبَابًا لَا تَهْرُمُونَ أَبْدًا وَفِي الثَّامِنِ مَكْتُوبٌ صَرْتُمْ
آمِنِينَ لَا تَخَافُونَ أَبْدًا وَفِي التَّاسِعِ مَكْتُوبٌ رَافِقَتُمُ النَّبِيِّنَ وَالشَّهِداءَ وَفِي العَاشِرِ مَكْتُوبٌ أَنْتُمْ فِي جَوَارِ مَنْ لَا
يَؤْذِي الْجَيْرَانَ فَلَمَّا دَخَلُوكُمْ بِيَوْمِكُمْ قَالُوكُمُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزْنَ.

³³³ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū’ah*, 2: 451.

³³⁴ *Ibid.*

³³⁵ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū’at*, no. hadith 1802, 3: 575-576.

³³⁶ Ibn ‘Arrāq al-Kinānī, *Tanzīh al-Syārī’ah*, 2: 464.

Analisis Hadith:

Menurut Ibn ‘Arrāq al-Kinānī, hadith ini diriwayatkan oleh Ibn al-Jawzī dari riwayat ‘Abdullāh bin Mas’ūd, dan dari kalangan periwayat yang terdapat dalam rantaian sanad periwayatan hadith ini terdapat beberapa periwayat yang diklasifikasikan sebagai lemah dan *majhūl*, dan salah seorang daripada mereka yang diklasifikasikan sedemikian adalah al-Syāh bin al-Far’.³³⁷ Menurut Imam Ibn al-Jawzī pula, hadith ini palsu tanpa keraguan dan al-Syāh bin al-Far’ adalah seorang pereka hadith palsu.³³⁸ Demikian juga pendapat Imam al-Suyūṭī.³³⁹

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Lafaz hadith yang ditemui juga berstatus palsu.

³³⁷ Ibn ‘Arrāq al-Kinānī, *Tanzīh al-Syari‘ah*, 2: 464.

³³⁸ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū‘āt*, 3: 575-576.

³³⁹ Al-Suyūṭī, *al-Lālī al-Maṣnū‘ah*, 2: 451.

3.9.12 Hadith Kedua Belas

وقال النبي ﷺ :

« ما من عبدٍ وأمةٍ دعا بهذا الدعاء في ليلة عرفة
ألفَ مِرْأَةً وهي عشر كلماتٍ لم يسأل الله شيئاً إلا
أعطاه ما لم يدع بقطيعة رحيمٍ أو ماثمٍ، أو لها سُبْحان
الذي في السماوات عرشه ، سُبْحان الذي في الأرض ملكه
وقدرته ، سُبْحان الذي في السَّبَر سبيله ، سُبْحان الذي في
الهوى روحه ، سُبْحان الذي في النار سلطانه ، سُبْحان
الذي في الأرحام علمه ، سُبْحان الذي في القبور قضاوه ،
سُبْحان الذي رفع السماوات بلا عَمَدَ ، سُبْحان الذي وضع
الْأَرْضَ ، سُبْحان الذي لا ملجأ ولا منجحاً منه إِلَّا إِلَيْهِ ».

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui. Namun, lafaz lain bagi hadith ini telah berjaya ditemukan, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Syaibah di dalam karya *al-Muṣannaf*, seperti berikut:

حدثنا أحمد بن إسحاق ، قال : حدثني عزرة بن قيس صاحب الطعام ، قال : حدثني أم الفيض ، عن

عبد الله بن مسعود ، عن النبي صلى الله عليه وسلم.³⁴⁰

³⁴⁰ Hadith riwayat Ibn Abī Syaibah, bab *Mā Yud'ā Bihi Laylata 'Arafah*, no. hadith 30425. Lihat Abū Bakr ‘Abdullāh bin Muḥammad, *al-Muṣannaf*, ed. Usāmah bin Ibrāhīm, (Kaherah: al-Fārūq al-Hadīthiyah Li al-Ṭibā'ah, 2008), 9: 605.

Takhrij Hadith:

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz di atas dari mana-mana sumber. Cuma, sebuah hadith yang hampir sama isi kandungannya ditemukan, namun terdapat beberapa perbezaan dari sudut urutan dan lafaz. Ibn Abī Syaibah meriwayatkannya di dalam *al-Muṣannaf* seperti berikut:

من قال هؤلاء الكلمات ليلة عرفة ألف مرة ، لم يسأل الله شيئاً إلا أعطاه إياه ، ليس فيه إثم ، ولا قطعية
رحم ، سبحان الله الذي في السماء عرشه ، سبحان الله الذي في الأرض موطنها ، سبحان الله الذي في البحر
سبيله ، سبحان الله الذي في الجنة رحمته ، سبحان الله الذي في النار سلطانه ، سبحان الله الذي في الهواء
رحمته ، سبحان الله الذي في القبور قضاؤه ، سبحان الله الذي رفع السماء ، سبحان الله الذي وضع الأرض
، سبحان الله الذي لا منجى منه إلا إليه.³⁴¹

Analisis Hadith:

Menurut Aḥmad bin Marwān al-Daynūrī di dalam karyanya *al-Mujālasah Wa Jawāhir al-‘Ilm*, rantai sanad hadith ini berstatus sangat lemah.³⁴² Masalah pada hadith ini berpunca daripada salah seorang periyatanya iaitu ‘Azwah bin Qays, di mana periyatannya tidak boleh diikuti. Imam al-Bukhārī sendiri mengklifikasikan beliau sebagai *lā yutābi’ ‘alayh*.³⁴³

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak ditemui asalnya. Lafaz hadith yang ditemui juga berstatus sangat lemah.

³⁴¹ *Ibid.*

³⁴² Aḥmad bin Marwān Al-Daynūrī, *al-Mujālasah Wa Jawāhir al-‘Ilm*, ed. Masyhūr Āli Salmān, no. hadith 583, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1998), 2: 401-404.

³⁴³ Al-Bukhārī, *al-Tārīkh al-Kabīr*, ed. Ḥasyim al-Nadawī *et.al.*, no. hadith 300, (t.tp., t.p., t.t.), 7: 65.

وعن ابن عباس (رضي الله عنها) أنه قال : قال رسول الله ﷺ ذات يوم لإبليس عليه اللعنة : « كم أحبّاؤك من أمتي ؟ قال : عَشْرُ نَفْرٍ أَوْ لَهُمُ الْإِمَامُ الْجَاهِرُ ، وَالْمُتَكَبِّرُ وَالْغَنِيُّ الَّذِي لَا يَبْلِي مِنْ أَينْ يَكْتُسُ الْمَالَ وَفِي مَاذَا يَنْفِقُ ، وَالْعَالَمُ الَّذِي صَدَقَ الْأَمْرَ عَلَى جَوْرِهِ ، وَالتَّاجِرُ الْخَائِنُ ، وَالْمُتَكَبِّرُ ، وَالْزَانِي ، وَأَكْلُ الرِّبَا ، وَالْبَخِيلُ الَّذِي لَا يَبْلِي مِنْ أَينْ يَجْمِعُ الْمَالَ ، وَشَارِبُ الْخَرْ مَدْمُنٌ عَلَيْهَا . ثم قال النبي ﷺ : « فَكُمْ أَعْدَاؤك من أمتي ؟ قال : عَشْرُونَ نَفْرًا أَوْ لَهُمْ أَنْتَ يَا مُحَمَّدًا — فَلَيُأْبِغْنُك ، وَالْعَالَمُ الْعَاملُ بِالْعِلْمِ ، وَحَامِلُ الْقُرْآنِ إِذَا عَمِلَ بِمَا فِيهِ ، وَالْمَؤْذَنُ لِلَّهِ فِي خَمْسِ صَلَوةٍ ، وَمُحَبُّ الْفَقْرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْيَتَامَى ، وَذُو قُلْبٍ رَحِيمٍ ، وَالْمُتَوَاضِعُ لِلْحَقِّ ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي طَاعَةِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَأَكْلَ الْخَلَالَ ، وَالشَّابَّانُ الْمُتَحَبِّبَانِ فِي اللَّهِ ، وَالْحَرِيصُ عَلَى الصَّلَاةِ فِي الْجَمَاعَةِ ، وَالَّذِي يَصْلَى بِاللَّسِيلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ ، وَالَّذِي يُمْسِكُ نَفْسَهُ عَنِ الْحَرَامِ ، وَالَّذِي يَتَصَحَّحُ (وفي رواية : يَدْعُو لِلإخْرَانِ) وَلَيْسَ فِي قَلْبِهِ شَيْءٌ ، وَالَّذِي يَكُونُ أَبْدًا عَلَى وَضَوْءِهِ ،

وَسُخْيٌ ، وَحَسَنَ الْخَلْقٌ ، وَالْمَصْدِقُ رَبِّهِ بِمَا حَضَنَ اللَّهُ لَهُ ،
وَالْمُسْحَسِنُ إِلَى مَسْتُورَاتِ الْأَرَامِلِ ، وَالْمُسْتَعْدِ لِلْمَوْتِ .

Sanad Hadith:

Sepanjang pemerhatian penulis, tiada sebarang maklumat berkaitan rantaian sanad hadith di atas ditemui.

Takhrij Hadith:

Sepanjang pemerhatian, penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz sebegini dari mana-mana sumber.

Status Hadith:

Hadith dengan lafaz di atas tidak diketahui asalnya.

3.10 Kesimpulan

Penulis telah menjalankan kajian takhrij ke atas karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād* ini mengikut satu standard yang telah ditetapkan seawal sebelum kajian dimulakan.

Standard yang penulis maksudkan ialah mentakhrij hadith yang dihidangkan di dalam karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād* ini dengan menggunakan kaedah mengenal pasti pangkal sesebuah hadith. Andai pangkal hadith itu tidak ditemui dalam karya hadith yang muktabar, pencarian beralih dengan mengenal pasti sifat hadith tersebut sama ada hadith masyhur, hadith kelebihan beramat ataupun hadith palsu. Kemudian, andai sesebuah hadith itu masih lagi belum ditemui statusnya, penulis melakukan pencarian dengan bantuan perisian Maktabah Syamilah dan laman sesawang dorar.net.

Setelah meneliti kitab-kitab sanad yang muktabar, melakukan pencarian hadith melalui perisian komputer serta melalui laman sesawang yang berautoriti, penulis mendapatkan kebanyakan hadith yang dinukilkan di dalam karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād* tidak bertepatan dengan hasil penemuan yang penulis temui. Malah, sebilangan besar teks hadith tidak ditemukan. Dalam masa yang sama, pelbagai bentuk kesalahan dalam penulisan hadith juga turut ditemukan. Kesemua data dan maklumat terkumpul hasil daripada penemuan ini akan penulis bincangkan di dalam bab yang keempat.